



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

## **KANDUNGAN**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Perlanjutan Mesyuarat Dewan Rakyat (Ruangan 1)

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Ruangan 13)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 (Ruangan 13)

Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997 (Ruangan 57)

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 35)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- " Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- " Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- " Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- " Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “      Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “      Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “      Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)



Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
"	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
"	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
"	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
"	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
"	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
"	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
"	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
"	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
"	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
"	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
"	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
"	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 7hb. Mei, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Perlanjutan Mesyuarat Dewan Rakyat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Rakyat akan dilanjutkan dua hari lagi iaitu pada hari Rabu, 14hb. Mei dan Khamis, 15hb. Mei 1997 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan melalui Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**GURU - RUNGUTAN BEBAN KERJA**

1. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat rungutan-rungutan dari guru-guru bahawa beban kerja khasnya dalam hal paper work begitu ketara sehingga banyak dari mereka terpaksa membuat kerja dalam keadaan tekanan mental dan fizikal yang berat. Perkara ini boleh membawa kesan negatif.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar dan peka terhadap rungutan-rungutan guru tentang beban kerja khususnya yang berkaitan dengan urusan-perkeranian yang terpaksa mereka lakukan. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah tersebut Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk menambah kakitangan sokongan di semua sekolah di seluruh negara.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas simpati kementerian kepada guru-guru yang terpaksa

menanggung beban kerja yang berat dan misalnya, dekat-dekat terkena tekanan mental. Sehubungan dengan itu, saya suka mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kemudahan kenaikan pangkat guru-guru ini memandangkan beban kerja yang begitu berat terutama sekali dari segi pengisian kekosongan jawatan pengetua di sekolah menengah vokasional dan teknik di mana baru-baru ini kita dengar berita bahawa pengetua-pengetua di sekolah-sekolah ini akan diisi oleh pemegang Ijazah Kejuruteraan sekalipun tanpa Sijil ataupun Diploma Pendidikan. Apakah pihak kementerian tidak boleh memberi ataupun sudi memberi pertimbangan khas kepada guru-guru yang berijazah tetapi mempunyai pendidikan asas dalam bidang vokasional dan teknik. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, proses kenaikan pangkat ini merupakan satu proses yang dibuat mengikut peraturan yang sedia ada dan kita sememangnya meneliti di atas setiap perkara yang dikemukakan oleh pengarah-pengarah pendidikan negeri sebelum kita memuktamadkan. Mungkin ada khabar-khabar yang kedengaran, saya maklum tetapi asas ataupun kriteria-kriteria, dengan izin, yang kita gunakan itu tetap akan kita pegang.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang begitu ramai guru yang diarah balik ke sekolah hampir tiap-tiap petang untuk membuat kerja tambahan seperti membersihkan sekolah dan mesyuarat yang kadang-kadang tidak begitu bermakna. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membuat garis panduan supaya guru-guru, guru-guru besar dan pengetua-pengetua tahu tentang apakah urusan mereka yang patut dibuat yang menunjukkan mereka harus dipanggil datang ke sekolah supaya bebanan tidak begitu berat kepada guru-guru dan keluarga mereka.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, mungkin di antara kita sudah maklum iaitu kerajaan telah pun meluluskan 14,000 jawatan Pembantu Tadbir untuk sekolah-sekolah dan apabila perlantikan-perlantikan yang sedang diuruskan ini dibuat, ianya akan dapat mengatasi banyak perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tugas-tugas pentadbiran, kewangan, rekod, gaji dan lain-lain. Dan proses melantik kakitangan ini sedang kita cuba segerakan kerana ianya melibatkan beberapa aspek pentadbiran kerajaan dan semua guru besar dan pengetua lazimnya maklum tentang tugas dan tanggungjawab

masing-masing, cuma kadangkala saya tidak nafikan ada kala dan ketikanya mereka terpaksa membuat perkara-perkara lain daripada 'term of reference' ataupun bidang tugas yang diberikan kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Ramli bin Taib.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Dr. Ramli bin Taib [Kemaman] tidak hadir]*

**PELAJAR SEKOLAH - MEWAJIBKAN  
PENGAMBILAN BAS SEKOLAH DARI BAS  
AWAM**

3. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau berhasrat untuk mengisytiharkan bahawa semua pelajar sekolah diwajibkan mengambil bas sekolah dari bas awam untuk menentukan pelajar-pelajar terus pulang ke rumah selepas waktu persekolahan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mewajibkan semua pelajar sekolah menaiki bas sekolah untuk mereka berulang alik ke sekolah. Dalam menentukan cara pengangkutan anak-anak ke sekolah, ibu bapa berhak membuat pilihan sendiri. Terpujanglah kepada mereka untuk menentukan cara yang paling sesuai dan selamat.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan saya dan juga di bandar-bandar utama lain terdapat sebilangan besar murid-murid ponteng sekolah dan melepak di pusat-pusat hiburan dan shopping kompleks pada waktu pagi tanpa pengetahuan pihak sekolah dan ibu bapa mereka dan saya ingin tahu siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan murid-murid berada di sekolah pada waktu sekolah dan adakah kementerian berhasrat menghantar pegawai-pegawai ke pusat-pusat itu untuk menangkap murid-murid itu supaya tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka dan kalau tidak, apakah rancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah manusia dan pokoknya ibu bapa mesti cuba pastikan sama-sama dan kalau kita hendak menggerakkan guru-guru pula untuk memantau atau memonitor perbuatan-perbuatan begini, ini sudah lari sedikit daripada tugas dan tanggungjawab guru itu juga. Namun demikian, kita sentiasa berhubung melalui PIBG dan lain-lain badan yang ada di sekolah-sekolah supaya

dapat kita pertingkatkan kesedaran tentang masalah ini dengan harapan dapat kita sekurang-kurangnya mengurangkan kejadian-kejadian yang demikian. Saya mengakui bahawa kejadian-kejadian begini ada berlaku.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bahawa adakah sebarang kajian yang dibuat mengenai berapa peratuskah murid-murid yang balik ke rumah terus daripada sekolah, selepas sekolah dan jika ada kajian tersebut, apakah hasil kajian dan adakah punca dikenalpasti dan apakah tindakan yang dirancang akan diambil. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ada kajian kita buat dalam tahun 1995 yang melibatkan pelbagai salah laku - tidak kurang daripada 50 jenis salah laku yang dibuat ataupun dilakukan oleh murid-murid dan salah satu daripadanya ialah ke mana dia pergi selepas sekolah dia balik ke rumah ataupun tidak dan lain-lain. Cuma, saya tidak ada angka itu di sini tetapi saya maklum peratusnya itu terlalu kecil.

**JENAYAH ROGOL - PINDAAN KANUN  
KESEKSAAN**

4. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tentang peruntukan hukuman kesalahan jenayah rogol di bawah Seksyen 375 dan 376 Kanun Keseksaan sama ada ianya perlu dipinda atau ditambah bagi memasukkan kategori rogol oleh perogol yang mempunyai tali persaudaraan muhrim dengan mangsa (incest) seperti saudara kandung lelaki atau bapa dan memperuntukkan hukuman yang lebih berat dari yang ada sekarang kerana seriusnya jenayah yang dilakukan; dan
- (b) bagaimanakah kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 377 dan 377A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang tidak semula jadi (unnatural offences), termasuk perlakuan seks luar tabie', dikenakan tindakan dan bolehkah pihak menteri menjelaskan berapakah jumlah kes-kes kesalahan di bawah seksyen ini dilaporkan dan dikenakan tindakan sehingga akhir tahun 1996.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hukuman bagi kesalahan jenayah rogol di bawah Seksyen 375 dan 376 ialah hukuman pemenjaraan minimum 5 tahun dan maksimum 20 tahun dan sebatan. Kes-kes rogol dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan oleh itu hukuman maksimum sebatan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah itu ialah 24 kali sebatan sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah.

Mahkamah pula pada lazimnya menjatuhkan hukuman yang lebih berat bagi pesalah yang merogol anak, saudara perempuan dan sebagainya, khususnya yang berada di bawah jagaan perogol itu. Hubungan persaudaraan antara mangsa rogol dengan perogol lazimnya menjadi suatu faktor utama bagi mahkamah menjatuhkan hukuman yang lebih berat dengan tujuan pencegahan dan penjeranan. Penjeranan ini ialah "deterrence".

Memandangkan bahawa hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang sekarang ini bagi kesalahan rogol sudah cukup berat, dan memandangkan pendekatan dan amalan penghukuman oleh mahkamah dalam kes-kes rogol yang dilakukan oleh orang yang mempunyai tali persaudaraan dengan mangsa rogol itu, kerajaan berpendapat tidak perlu dibuat pindaan untuk mewujudkan hukuman yang berbeza bagi rogol yang dilakukan oleh orang yang mempunyai tali persaudaraan dengan mangsa rogol itu.

**(b) Hukuman:**

- (i) Bagi kesalahan tidak semula jadi di bawah Seksyen 377, Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan melakukan hubungan seks dengan haiwan, hukuman yang boleh dikenakan ialah pemenjaraan sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.
- (ii) Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377A (dihukum di bawah Seksyen 377B), Kanun Keseksaan, iaitu hubungan seks melalui mulut atau dubur dengan seorang lain dengan kerelaannya, hukuman maksimum yang boleh dikenakan ialah pemenjaraan sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebatan.

- (iii) Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377C, Kanun Keseksaan, iaitu melakukan hubungan seks melalui mulut atau dubur dengan seorang lain tanpa kerelaan orang itu. Hukumannya adalah sama dengan hukuman bagi kesalahan rogol.

- (iv) Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377D, Kanun Keseksaan, iaitu perbuatan sumbang tidak kira sama ada antara lelaki dengan lelaki atau perempuan dengan perempuan, atau lelaki dengan perempuan, hukumannya ialah pemenjaraan maksimum dua tahun.

- (v) Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377E, iaitu perbuatan seseorang yang mendorong seorang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun melakukan perbuatan sumbang dengannya atau dengan orang lain, hukumannya ialah pemenjaraan sehingga lima tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat.

**Bilangan kes:-**

Tidak ada kes dilaporkan sepanjang tahun 1996 bagi kesalahan di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan, iaitu hubungan seks dengan haiwan.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377A, (dihukum di bawah Seksyen 377B), Kanun Keseksaan, sepanjang tahun 1996, sebanyak 68 kes telah dilaporkan. Siasatan bagi 45 daripadanya sudah selesai, 23 kes lagi sedang disiasat.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 377A dihukum (di bawah Seksyen 377B) dalam tahun 1996 jumlah kesalahan yang sudah diambil tindakan, iaitu tangkapan sudah dibuat ialah 32.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang hukuman kesalahan jenayah rogol, adakah menjadi satu amalan biasa apabila pihak Peguam Negara menjalankan dakwaan di bawah jenayah rogol untuk meminta bahawa undang-undang yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat di mana hukuman mandatori adalah selama lima tahun, bahawa hukuman penjara lima tahun dikecualikan dengan hanya, dengan izin, bound over, sepertimana yang terlibat dalam kes Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, di mana gadis bawah umur....

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini semua pembela Tan

Sri Rahim.....di mana 14 orang yang didakwa kerana merogol gadis bawah umur tersebut tidak dihukum penjara, kerana Peguam Negara ingin menutup kes ini supaya bukti-bukti dan skandal ini tidak keluar dalam mahkamah. Adakah ini dipersetujui dan melanggar usaha kerajaan untuk membanteras kesalahan jenayah rogol kerana tidak ada hukuman penjara pun dikenakan, dan juga tidak ada dakwaan ke atas Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, mengapa?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan geram itu. Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara tidak boleh mengambil apa-apa keputusan yang dibuat kalau ianya tidak diizinkan oleh undang-undang. Oleh kerana itu, sudah tentulah apa-apa juga keputusan yang telah dibuat itu adalah berlandaskan daripada undang-undang yang membolehkan Kamar Peguam Negara untuk mengambil keputusan itu. Mungkin dalam kes yang disebut oleh Yang Berhormat tadi beberapa orang yang tidak dikenakan hukuman tetapi di'bound over', kita boleh mengambil keputusan itu berdasarkan kepada umur mereka masih muda dan lain-lain lagi, faktor-faktor lain yang boleh diambil kira untuk digunakan sebagai meringankan hukuman itu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, statutory rape ataupun umur bagi statutory rape ialah 16 tahun. Mengikut Perlembagaan kita ialah 18 tahun. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan had umur ini daripada 16 tahun sekarang kepada 18 tahun, dan mana-mana orang yang melakukan perhubungan jenis dengan mereka yang berumur daripada 18 tahun ke bawah dianggap melakukan statutory rape, kerana dari segi beban bukti di mahkamah banyak bezanya.

Dan kesalahan unnatural offences, tidak mencakupi kesemua kesalahan-kesalahan, misalnya, lesbian. Lesbian pada pandangan saya tidak wujud kesalahan dari segi undang-undang sekarang. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk codified ataupun mengkanunkan bahawa kesalahan-kesalahan hubungan sesama jenis ini menjadi satu kesalahan jenayah di bawah undang-undang?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan had umur daripada 18 kepada 16 tahun. Jelas dalam Penal Code kita mengatakan bahawa statutory rape itu ialah satu perkara yang berlaku kalau sekiranya perempuan itu berumur 16 tahun ke bawah. Jadi, kita tidak bercadang untuk mengurangkan.

Berkenaan dengan soal kedua tadi, setakat ini di bawah Perlembagaan ini cuma apa yang ada ialah apa yang ada dalam Penal Code yang menyebut berkenaan dengan hubungan seks di antara seks yang sama, seperti yang saya sebut sebentar tadi iaitu di bawah Seksyen 337D, di mana perbuatan sumbang iaitu tidak kira sama ada antara lelaki dengan lelaki atau perempuan dengan perempuan, hukuman pemenjaranya ialah maksimum dua tahun. Jadi, setakat ini belum ada lagi cadangan untuk di'codify'kan, iaitu apa yang dikatakan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu aktiviti lesbianism dan lain-lagi.

#### **BANTUAN MENANAM SEMULA PEKEBUN KECIL RISDA - SEBAB PEMOTONGAN**

5. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Cepa]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sebab mengapa RISDA memotong jumlah bantuan menanam semula kepada pekebun kecil, sedangkan cukai ses terus dikenakan ke atas mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini RISDA tidak membuat sebarang pemotongan ke atas jumlah bantuan tanaman semula kepada pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa apabila RISDA memberikan ses, contohnya untuk pokok-pokok getah, apabila sebelum pembayaran ses dibuat, RISDA akan menetapkan satu syarat bahawa kalau mereka hendak mendapat pembayaran ses, mereka mesti benarkan sebuah anak syarikat RISDA untuk menebang pokok-pokok getah seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, bahawa sekarang pokok getah amat bernilai dan berharga, bahawa kerja-kerja ini boleh dibuat oleh tuan tanah, tetapi mesti melalui anak syarikat RISDA di mana pembayarannya adalah lebih kecil daripada nilai atau harga pasaran. Bukankah amalan seperti ini merugikan tuan milik getah, kerana mereka terpaksa menerima pembayaran yang lebih rendah. Adakah pihak kementerian bercadang membenarkan pokok-pokok getah mereka ditebang oleh mereka atau syarikat-syarikat lain?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama RISDA tidak memberi ses, tetapi kerajaan mengutip ses. RISDA cuma memberi subsidi. Nampaknya Yang Berhormat ada keliru sedikit. Yang kedua, mengenai penebangan



pokok getah dan syarat-syarat yang disebutkan oleh Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat also outdated kerana keputusan telah dibuat bahawa tuan punya kebun getah itu boleh menjual kayu-kayu getah itu kepada sesiapa yang dia suka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ada bukti, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya orang kampung sekarang ini terutamanya pekebun kecil amat gembira kerana telah keluar satu arahan bahawa tidak ada pemotongan bantuan tanam semula kepada mereka. Kalau dahulu mereka mendengar perkara ini mungkin sama ada secara rasmi ataupun tidak, tetapi dengan rasminya pada hari ini Timbalan Menteri telah menyatakan tidak ada pemotongan bantuan. Saya ingin bertanya adakah keputusan ini hasil daripada maklumat yang diterima oleh kementerian ataupun hasil daripada perbincangan antara menteri dengan Yang Berhormat Pengerusi RISDA yang baru?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang selama ini tidak ada keputusan untuk mengurangkan subsidi getah kepada pekebun-pekebun kecil. Khabar angin yang disebar di bawah itu adalah memang sentiasa berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar) tidak hadir]*

#### **PERKARA MAHIR - PENYEDIAKAN BAGI TEMPOH JANGKA MASA PENDEK DAN JANGKA PANJANG**

7. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memenuhi keperluan negara menyediakan pekerja-pekerja tenaga mahir bagi jangka masa pendek dan jangka panjang dalam tempoh lima tahun hingga menjelang tahun 2020 apabila Malaysia menjadi negara industri. Sila nyatakan juga:

- (a) sama ada kerjasama dengan Kementerian Pendidikan diwujudkan dalam melatih pekerja-pekerja mahir dalam semua bidang industri; dan
- (b) sama ada sektor industri mengadakan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia mendirikan sekolah-sekolah latihan tenaga mahir.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi keperluan negara menyediakan pekerja-pekerja mahir bagi jangka masa pendek dan panjang, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tiga inisiatif utama meliputi penyediaan tenaga kerja di peringkat pra-pekerjaan, peringkat dalam perkhidmatan (in-service) dan galakan-galakan kepada sektor swasta untuk mendorong mereka meningkatkan penglibatan dalam program latihan teknikal dan vokasional.

Bagi peringkat pra-pekerjaan, kementerian akan menubuhkan 6 buah Institut Latihan Pindustrian (ILP), 4 buah Pusat Latihan Kemahiran dan Teknologi Lanjutan; dengan izin, Advance Skill and Technology Training Centre (ASTEC) dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam pada itu, infrastruktur latihan di 9 buah ILP dan sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) yang sedia ada juga akan dipertingkatkan. Kursus-kursus teknologi baru dan terkini yang lebih sesuai kepada keperluan industri semasa dan masa hadapan serta mengambil kira perakuan-perakuan Pelan Induk Perindustrian Kedua akan diperkenalkan di semua ILP dan ASTEC.

Di peringkat dalam perkhidmatan pula, kementerian menawarkan program yang dikenali sebagai Time Sector Privatisation Scheme untuk membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institut latihan awam dalam bentuk penggunaan peralatan dan tempat latihan. Bagi pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dengan majikan-majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia, mereka berpeluang untuk meningkatkan kemahiran mereka melalui latihan semula atau latihan peningkatan kemahiran. Sehubungan itu, suka saya memaklumkan bahawa sejak Julai 1993 sehingga 31hb. Mac, 1997 iaitu lebih kurang tiga tahun sahaja seramai 1,313,416 pekerja telah menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran membabitkan peruntukan berjumlah RM325.23 juta. Untuk makluman saya ingin menyatakan juga bahawa di antara latihan yang telah diberi yang diminati iaitu untuk teknikal dan kraf sebanyak 256,120 orang. Untuk meningkatkan kualiti 237,027. Dalam bidang latihan komputer 175,833 orang, dan untuk kursus di luar negeri 17,633 orang.

Untuk menggalak majikan sektor swasta melibatkan diri secara aktif dalam industri latihan teknikal dan vokasional, Kementerian Sumber Manusia pula menawarkan Skim Pinjaman Faedah

Rendah kepada kumpulan industri, persatuan-persatuan majikan dan institut latihan swasta untuk mereka membeli atau menambah mesin dan peralatan latihan khususnya dalam bidang berteknologi tinggi dan baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Pendidikan telah lama sedia wujud melalui penyelarasan di bawah agensi utama bagi perancangan makro pembangunan sumber manusia iaitu Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Semua perancangan pembangunan sumber manusia yang bersepadu akan dikendalikan atau diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi termasuk mengambilkira input-input daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian lain yang terlibat dengan pembangunan sumber manusia.

Mengenai kerjasama Kementerian Sumber Manusia dengan sektor industri, ianya adalah dalam segi pembentukan kurikulum, standard-standard latihan dan keperluan bidang latihan. Pihak industri akan memberi maklumbalas mengenai keperluan latihan dan kementerian akan merangka program latihan dan pembangunan standard latihan yang berkesan selaras dengan keperluan industri.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendengar hujah-hujah atau jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai latihan pekerja-pekerja mahir, sedikit-sebanyak pun tidak ada menyentuh dengan latihan sumber manusia mengenai teknologi informasi (information technology).

Sepertimana yang kita sedia maklum, kita sudah pun memasuki satu era IT, maka apakah rancangan dalam jangka pendek ataupun panjang mengenai latihan sumber manusia dalam information technology? Bolehkah Yang Berhormat menghuraikan sedikit-sebanyak untuk makluman Dewan yang mulia ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, kursus-kursus berteknologi baru dan terkini termasuk IT, yang lebih sesuai pada keperluan industri semasa. Ini akan dimasukkan dalam ILP yang sedang dibina dan juga yang sedia ada. Perkara ini saya telah pun nyatakan. Begitu juga menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia sebanyak 38,800 orang dalam masa 3 tahun telah pun diberi latihan khusus dalam bidang komputer.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing yang berjumlah 1.2 juta orang merupakan satu angka yang besar dari segi sumber manusia atau keperluan sumber manusia dalam negara kita. Jadi, apakah dasar jangka panjang kerajaan tentang peranan pekerja asing dalam kiraan atau dalam keperluan sumber manusia, sama ada kerajaan mempunyai satu dasar di mana keperluan ini langsung tidak perlu ataupun mengadakan satu rancangan untuk merendahkan atau mengurangkan jumlah pekerja asing ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan mempunyai dasar untuk mengurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing. Satu keputusan yang berani telah pun dibuat iaitu untuk membekukan pengambilan pekerja-pekerja asing dari luar. Begitu juga untuk membaharui permit-permit yang sudah mati mengenai pekerja-pekerja asing yang sedia ada, memang adalah satu perkara yang cukup rumit untuk dibaharukan. Di samping itu kerajaan juga sedang mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk menambahkan tenaga kerja dalam negeri kita sendiri, iaitu dengan memujuk surirumah tangga misalnya ataupun orang-orang yang under employed dalam negara kita keluar bekerja.

Ingin saya menyatakan bahawa dalam 1½ bulan lagi kita akan lancarkan secara besar-besaran satu kempen di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat di negara kita khususnya di luar bandar, yang ramai adalah under employed ataupun sengaja unemployed untuk keluar bekerja sama ada full time ataupun part time dan sebagainya. Satu kempen besar-besaran, insya-Allah akan dilancarkan dalam masa 1½ bulan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir]*

#### RUMAH KUARTERS KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SELURUH NEGARA - JUMLAH

**9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah rumah kuarters milik Kerajaan Persekutuan di seluruh negara dan khususnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan yang telah dirobohkan dan apakah tujuannya; dan

- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan agar rumah-rumah kerajaan yang terbiar tidak digunakan sebagai tempat penagihan dadah khususnya di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Sehingga 31hb. Mei, 1996, jumlah rumah-rumah kerajaan yang ada di seluruh negara di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak 124,240 buah. Daripada jumlah tersebut bilangan rumah-rumah kerajaan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah sebanyak 13,404 buah. Ini meliputi rumah-rumah khas jabatan di bawah kawalan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tertentu. Daripada 13,404 buah rumah kerajaan di Kuala Lumpur sebanyak 2,447 buah terletak di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Bilangan rumah yang telah dirobohkan di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri adalah sebanyak 84 buah. Tujuannya adalah seperti berikut:
- (i) tujuan sosial seperti peningkatan jalan raya, pembinaan taman rekreasi dan seni taman dan pembinaan pejabat kerajaan; dan
  - (ii) tujuan pembangunan semula kawasan yang terlibat seperti pembinaan Kompleks Budaya Kraf, Kompleks Panggung Negara, pembinaan Tapak Bangunan Bank Islam dan sebagainya.
- (2) Bagi rumah-rumah kosong yang kelihatan seperti terbiar tindakan tertentu sedang diambil ke atas rumah-rumah tersebut seperti berikut:
- (a) rumah-rumah yang terlibat dalam pembangunan semula (projek kerajaan) akan dirobohkan;
  - (b) rumah kosong yang rosak dan boleh diduduki akan dibaikpulih;
  - (c) rumah yang telah kosong untuk tujuan pembangunan semula tetapi tertangguh akan dirobohkan dan kawasan itu akan dipagar untuk mengelak daripada pencerobohan; dan
  - (d) menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa melalui penguatkuasaan dan

tindakan undang-undang bagi memastikan tidak ada pencerobohan berlaku terhadap rumah-rumah yang telah dikosongkan bagi tujuan pembangunan semula.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kos sewa rumah amatlah tinggi buat masa ini terutamanya di bandar-bandar besar di negara kita dan ini amatlah membebankan kakitangan kerajaan khususnya yang bekerja di peringkat rendah, yang mana setengah-setengah daripada mereka adalah juga merupakan setingan yang tinggal di kawasan bandar-bandar besar. Jadi, saya ingin tahu adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian berhubung dengan keperluan kediaman bagi kakitangan terutamanya kakitangan rendah dan adakah kerajaan mempunyai perancangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita lihat sekarang ini terdapat 124,000 lebih rumah kerajaan dan kebanyakan daripada rumah-rumah ini ialah rumah-rumah bagi kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah seperti yang terdapat di Wilayah Persekutuan iaitu angkanya lebih kurang 6,000 Kementerian Pertahanan; 5,000 Polis, Kastam - 200 dan sebagainya. Jadi, yang kita lihat kebanyakan tempat yang dibangunkan semula untuk Kompleks Panggung Negara dan Bank Islam ialah rumah-rumah bungalow dan bukanlah rumah-rumah bagi pendapatan rendah. Walau bagaimanapun, di mana ada rumah-rumah kerajaan bagi golongan bawahan, apabila dibuat penswastan atau pembinaan semula, memang perkara ini diambil kira dalam projek-projek tersebut.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di beberapa negeri khasnya di negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan menyediakan kuarters bagi pegawai-pegawai di peringkat negeri dan biasanya kuarters ini adalah diasingkan khas untuk pegawai-pegawai Persekutuan, sehinggakan ia dinamakan Kampung Persekutuan ataupun Flat Persekutuan. Tetapi ini tidak membantu memupuk interaksi dan integrasi di kalangan pegawai-pegawai, adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mengambil langkah baru supaya membina kuarters di mana pegawai-pegawai di peringkat kerajaan negeri boleh juga menyewa dan dengan itu membantu memupuk perpaduan, interaksi dan integrasi. Jika ada cadangan sebegini, bilakah ia akan dimulakan?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Pada peringkat ini, pembinaan semula kuarters kerajaan yang pertama sekarang, yang diintegrasikan semua sekali telah dibuat di Labuan dan ini saya rasa akan menjadi model kepada tempat-tempat lain. Seperti di Sabah projek itu adalah projek yang lama iaitu hendak membantu pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang ditempatkan di Sabah, maklum sahajalah pada mula-mula mereka pergi ke tempat-tempat tersebut jadi mereka menghadapi kesusahan, sebab itulah disediakan projek-projek ini. Tetapi kalau kita mengambil contoh di Labuan, perkara ini telah disatukan.

#### **PERHUBUNGAN (PERBINCANGAN) DENGAN NEGARA LUAR - HAK IMMUNITI ANTARABANGSA KETUA MENTERI SABAH**

10. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kenapakah Ketua Menteri Sabah sekarang ini sesuka hati membuat perhubungan dengan negara luar seperti Filipina Selatan untuk membincangkan perkara-perkara seperti perdagangan, politik dan soal-soal pendatang asing tanpa izin yang datang daripada negara Filipina yang kini berada di Sabah. Di dalam konteks Dasar Luar adakah beliau mempunyai Immuniti Antarabangsa.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai amalan biasa mana-mana Ketua Menteri ataupun mana-mana Menteri Besar yang lain tidak boleh membuat hubungan sesuka hati dengan mana-mana jua negara tanpa pengetahuan dan kebenaran kerajaan pusat. Walau bagaimanapun, Malaysia adalah terlibat secara aktif dalam usaha menjayakan kerjasama serantau di bawah konsep Brunei-Malaysia-Indonesia-Philippine - East Asian Growth Area (BIMP-EAGA).

Untuk tujuan mencapai kerjasama ekonomi serantau BIMP-EAGA negeri Sabah digalakkan berhubung terus dengan negeri-negeri dan wilayah-wilayah BIMP-EAGA yang bersempadanan dengannya dalam hal-hal yang berkaitan dengan objektif iaitu:

- (i) mengenalpasti peluang-peluang mengenai kerjasama ekonomi dan pembangunan di kawasan pertumbuhan Asean iaitu Brunei, Kalimantan, Sulawesi, Irian Jaya, Labuan, Sabah, Sarawak, Mindanao dan Palawan;
- (ii) menggalakkan usahasama di kawasan pertumbuhan yang meliputi berbagai sektor

ekonomi seperti pertanian, pelancongan, infrastruktur, perdagangan, industri pembangunan, perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia; dan

- (iii) merancang strategi bagi memperbaiki taraf sosial dan ekonomi penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.

**Tuan Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita perhatikan pada saat ini bahawa Kerajaan Negeri Sabah membuat perhubungan yang kerap dengan Attorney-General Persatuan Mindanao. Jadi, saya ingin bertanya sudahkah Kerajaan Persekutuan menderafkan hubungan diplomatik dengan AGSM dan jika tidak mengapakah perhubungan yang begitu luas dan tidak terbimbing berterusan di antara negeri Sabah dan Attorney-General Persatuan Mindanao?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan Filipina kita ada hubungan diplomatik dan juga inilah satu usaha untuk menggalakkan perhubungan dua hala yang baik dan juga mempertingkatkan lagi kerjasama seperti yang saya senaraikan dalam jawapan asal saya tadi.

#### **TENAGA PROFESIONAL DAN SEPARUH PROFESIONAL - KEKURANGAN**

11. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada kementerian sedar bahawa terdapat kekurangan yang ketara ke atas profesional dan separuh profesional dalam industri pembangunan berbanding dengan di negara lain dan jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi kekurangan ini; dan
- (b) apakah jumlah firma-firma dan/atau individu-individu yang didaftarkan dengan CIDB sehingga sekarang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh CIDB untuk meningkatkan kemahiran orang yang digajikan di dalam industri pembangunan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kerja Raya memang menyedari kekurangan tenaga kerja golongan profesional dan separuh profesional dalam industri pembinaan. Kekurangan ini adalah akibat peningkatan dan pertumbuhan pesat sektor pembinaan

pada beberapa tahun kebelakangan ini (sehingga mencapai kadar 17.3% pada tahun 1995).

Menyedari akan keadaan ini, agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah memberi penekanan yang utama melalui peruntukan pembangunan 5 tahun (Rancangan Malaysia Ketujuh) kepada pembangunan sumber manusia. Sebanyak 15.4% peruntukan keseluruhan pembangunan lima tahun ditetapkan untuk program pembangunan sumber manusia yang bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir dan terlatih di semua peringkat dari taraf profesional ke peringkat tenaga kerja mahir.

Di peringkat pelaksanaan, beberapa kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan beberapa lagi agensi kerajaan termasuk Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kapasiti latihan bagi menambah pengeluaran tenaga kerja terlatih selaras dengan keperluan negara.

- (b) Dalam menerajui sektor pembinaan, Kementerian Kerja Raya melalui CIDB telah mendaftar hampir 40,000 pembina (builders) yang terdiri daripada kontraktor-kontraktor di pelbagai gred. Jumlah kontraktor berdaftar yang besar ini sudah pasti memerlukan tenaga kerja profesional dan pekerja mahir yang ramai. Pertumbuhan yang pesat dalam sektor ini tidak dapat ditampung dengan bilangan pekerja mahir yang sedia ada. Dalam hal itu, kita terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing.

Salah satu usaha CIDB untuk menambahkan bilangan pekerja mahir ini ialah dengan menarik sebanyak mungkin tenaga kerja tempatan untuk melibatkan diri dalam sektor ini dengan memberi imej baru kepada pekerja-pekerja binaan supaya menjadikan kerjaya di sektor ini suatu kerjaya yang menarik. Untuk ini, CIDB telah pun melaksanakan pendaftaran pekerja mahir binaan dan penyelia tapak dengan tujuan memberi pengiktirafan kepada mereka mengikut bidang dan tahap

kemahiran masing-masing. Pengiktirafan ini boleh meningkatkan tahap kemahiran pekerja di samping mewujudkan 'career path' yang lebih meyakinkan. Sambutan daripada pekerja mahir sangat menggalakkan walaupun masih ramai lagi yang belum berdaftar. Setakat ini seramai 59,328 pekerja mahir dan penyelia tapak telah berdaftar dengan CIDB dan CIDB akan meluaskan lagi pendaftaran ini kepada lain-lain trade kemahiran.

Di samping memberi pengiktirafan kepada pekerja-pekerja mahir melalui pendaftaran, CIDB juga telah melaksanakan kursus-kursus jangka pendek berdasarkan keperluan semasa. Kursus-kursus seperti kursus induksi, keselamatan, scaffolding, pengurusan tapak diadakan di sepanjang tahun untuk menampung kursus-kursus yang dilaksanakan oleh institusi-institusi lain anjuran kerajaan dan juga swasta. Dari segi jangka panjang pula, pihak CIDB sedang mengambil tindakan mewujudkan rangkaian 6 Akademi Binaan Malaysia (ABM) dengan kerjasama kerajaan negeri dan syarikat-syarikat swasta. Akademi ini akan melatih tenaga kerja yang sedia ada di dalam pelbagai bidang di samping menyediakan peluang latihan untuk peringkat profesional dan separuh profesional dalam kepakaran tertentu.

Dengan semangat dan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh beberapa kerajaan negeri dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan, maka ABM yang dirancang ini akan dapat direalisasi tidak berapa lama lagi. Kementerian Kerja Raya yakin ABM ini akan dapat membantu kerajaan untuk menambahkan bilangan profesional dan separa profesional dalam kemahiran-kemahiran di bidang industri pembinaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu selepas dua tahun diberi sah laku tempoh untuk pengiktirafan pekerja atau penyelia tapak dan sebagainya, selepas dua tahun apakah pemegang kad ini perlu buat untuk membaharui kad ini? Sama ada beliau perlu menjalani satu ujian, satu peperiksaan dan juga bayaran yang perlu dibayar untuk menukarkan kad pengiktirafan ini.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada ramai orang telah memohon untuk kad ini sudah sejak dikuatkuasakan undang-undang ini dan mereka masih belum dapat kad ini sudah lebih satu tahun. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu juga sama ada tempoh yang diambil untuk memproses kad ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mengumumkan berkenaan dengan pendaftaran ini, iaitu pendaftaran pekerja-pekerja mahir, ada juga kita beri tempoh lebih dari dua tahun. Tetapi apa yang berlaku, pada akhir bulan sahaja kita dapat banyak permohonan. Dalam masa 23 bulan kita tidak pernah dapat apa-apa sambutan daripada mana-mana pihak. Jadi, pengiktirafan telah diberi kepada pekerja-pekerja dan mereka diberi kad, seperti yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini berertinya, iaitu kerajaan suka juga mendapat tahu berapakah pekerja-pekerja mahir yang sedang ada di dalam negara ini. Jadi daripada mereka, CIDB akan mengatitkan kursus-kursus untuk menaikkan taraf mereka tidak lama lagi, tetapi CIDB tidak boleh menjalankan apa-apa tugas sekarang kerana mereka pun menghadapi kekurangan pekerja dan pegawai-pegawai dalam CIDB sekarang.

Saya telah minta kepada kerajaan untuk menambah lagi pegawai-pegawai bagi meneruskan pendaftaran dan juga pengajian berkenaan dengan macam mana kita akan menaikkan taraf kepada pekerja-pekerja mahir yang sedia ada. Saya percaya dengan lebih kurang 20 pegawai baru sedang diluluskan oleh kerajaan, proses ini boleh dcepatkan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa semasa memohon pendaftaran dengan CIDB, pihak kontraktor telah pun membekalkan banyak maklumat yang begitu teliti dan lengkap, adakah kerajaan bercadang memansuhkan keperluan berdaftar dengan agensi lain, seperti PKK. Jika PKK adalah diperlukan untuk mengawal pendaftaran kontraktor bumiputera, bolehkah kita mengecualikan kontraktor bukan bumiputera daripada perlu berdaftar dengan kedua-dua agensi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, agensi seperti PKK ada dalam bidang kuasa kementerian yang lain, tetapi mereka juga mempunyai tugas yang lain, iaitu tugas untuk mendaftar kontraktor dan menganalisa di mana selepas pendaftaran itu mereka boleh juga menawarkan dan memasuki sebagai kontraktor dengan agensi-

agensi kerajaan. Tetapi saya sedar kedua-dua agensi ini kadangkala menjalankan satu tugas. Saya sedang berbincang dengan kementerian saya sendiri untuk menghubungi Jabatan Perdana Menteri iaitu macam mana kita boleh juga menyatupadukan kedua-dua agensi itu di mana kita boleh menjadi agensi yang lebih cekap, tetapi jawapan itu belum diterima lagi.

#### **SUBSIDI BAJA PADI DAN PADI KEPADA PETANI - MENGEKALKAN PEMBERIAN**

**12. Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada kerajaan bercadang mengekalkan subsidi baja padi dan subsidi padi kepada petani-petani di negara ini dan adakah kerajaan sedar bahawa kadar pemberian tersebut masih lagi tidak mencukupi. Adakah kerajaan akan membuat kajian semula bagi membantu petani-petani terutama sekali dari golongan miskin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, subsidi untuk padi, sama ada subsidi harga atau subsidi baja adalah dikekalkan. Kerajaan berpendapat bahawa kadar bayaran subsidi berkenaan adalah memadai. Kajian semula kadar pemberian subsidi tersebut akan dibuat apabila keadaan memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan petani boleh dikurangkan bukan semata-mata dengan menambah bayaran subsidi tetapi beberapa program ladang yang diperkenalkan secara langsung dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka ke tahap yang lebih efisien dan seterusnya dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi. Ini dapat dibuat melalui penyusunan semula sistem pengeluaran ladang dengan pengwujudan unit-unit yang lebih besar dan berdaya mahu termasuklah pengurusan secara estet ataupun persawahan secara berkelompok yang mengamalkan pengurusan komersial, peningkatan penggunaan jentera moden, pengurusan air yang cekap dan teknik penggunaan baja secara optimum.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Dato' Setiausaha Parlimen ini. Setakat hari ini sudah berapa banyak subsidi padi yang telah dikeluarkan dalam setahun?

Cuma satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kerajaan sedang membuat perancangan itu dan perancangan ini, tetapi setakat hari ini petani-

petani masih lagi menunggu perancangan-perancangan tersebut kerana tidak ada skim perladangan, tidak ada skim yang dicadangkan ini. Jadi, pegawai kerajaan naik gaji, dengan bonusnya dan petani-petani dalam kawasan saya, di kawasan bendang, mereka ini tidak dapat apa, jadi penatlah kita bekerja. Jadi, apakah pihak kerajaan akan melihat? Kalau tidak boleh beri subsidi, berilah sekurang-kurangnya harga racun serangga itu dikurangkan ataupun dengan mendapat sedikit subsidi dari segi harga racun serangga untuk mengurangkan beban petani-petani.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan perbelanjaan yang telah dibiayai oleh kerajaan. Secara keseluruhannya hanya pada tahun 1991 hingga 1995 dan juga antara yang dikemukakan oleh kerajaan untuk tahun 1997. Bagi tahun 1991, kerajaan telah membelanjakan melebihi RM473 juta; tahun 1992 kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM444 juta; tahun 1993 kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM485 juta; tahun 1994 kerajaan telah membelanjakan melebihi RM443 juta; tahun 1995 kerajaan telah membelanjakan melebihi RM287 juta. Jadi, jumlah keseluruhan dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah RM2.338 bilion.

Untuk Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM2.45 bilion. Jadi, soalan tambahan tadi ialah mengenai perancangan kerajaan. Sebenarnya kemiskinan petani adalah disebabkan oleh masalah sawah kecil. Kalau kita uruskan yang besar tentulah kita dapat meningkatkan hasil. Kalau hendak mengusahakan lebih kurang satu ekar, dua ekar, tidak jadi apa, Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] sebab katalah kita telah meningkatkan hasil padi, 4.5 tan satu hektar semusim. Jadi, kita telah meningkatkan dalam kelompok ini kepada 6 tan, peningkatan 12 tan setahun bagi satu hektar. Kalaupun dia ada satu hektar, 12 tanlah dapat. Kalau dia ada dua hektar, sudah tentulah 24 tan. Cuba bayangkan apa yang akan berlaku? Jadi, itulah yang kerajaan rancang sekarang ini, kita hendak mengadakan lebih banyak lagi projek kelompok supaya dapat mendatangkan hasil. Dengan lain perkataan, kita hendakkan petani-petani, mungkin mereka yang sudah berumur itu tidak apalah, kekalkan padi, tetapi yang muda-muda, terus bekerja. Terima kasih.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian kerana dalam jawapan tadi mengatakan bahawa kerajaan akan mengekalkan

subsidi baja padi ini kepada petani-petani. Apa yang petani-petani, terutama sekali petani-petani kecil di kampung-kampung menghadapi masalah sekarang ini ialah masalah kekurangan baja padi yang diperuntukkan sekarang ini sebanyak 6 kampak bagi setiap satu ekar, tetapi yang diperlukan oleh mereka ialah sebanyak 8 kampak baja padi. Jadi, dengan kekurangan ini bererti hasil tanaman padi itu sudah tentulah tidak memuaskan petani-petani. Sebagaimana juga dengan manusia, kalau manusia itu kurang makanan maka sudah tentu manusia itu tidak boleh hidup segar dan subur.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada Dato' Setiausaha Parlimen, apakah kerajaan akan membuat kajian semula dan akan memberi perhatian yang serius, terutama sekali petani-petani kecil yang tinggal di luar-luar bandar ini bagi mengatasi masalah kekurangan baja padi ini? Dan bilakah pengumuman yang dibuat oleh Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini di Kelantan mengenai dengan pengurangan harga racun padi ini akan dilaksanakan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dari segi research telah mengadakan penggunaan baja NPK atau Nitrogen, Phosphate dan Kalium pada anggaran 100:140:30. Pada anggaran dahulunya adalah mencukupi, melainkan kita tanam secara bercedung. Jadi, walaupun begitu kita dapati juga selepas tanam tabur terus ini mungkin penggunaan NPK telah meningkat sedikitlah dan kerajaan memerhati perkara ini dan akan terus me'recommend'kan penggunaan baja sebaik mungkin.

Soalan kedua ialah masalah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dahulu ialah bukan masalah yang dihadapi oleh peladang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun meneliti perkara ini dan kementerian akan cuba mengenal pasti apakah yang perlu diperbaiki lagi dan insya Allah kita akan kemukakan kepada kabinet. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 13 - Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

#### PENDATANG TANPA IZIN - PENGHANTARAN PULANG

14. Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Seri Gading) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin ke negara asal mereka dan bekerja di syarikat-syarikat milik negara Malaysia di negara tersebut seperti bekerja di ladang-ladang yang diusahakan oleh Tabung Haji; dan
- (b) jika tidak, apakah rancangan Kerajaan bagi menangani masalah peminjiran pendatang tanpa izin ke negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang mengambil tindakan menghantar pulang ke negara asal pendatang tanpa izin (PTI) yang datang ke negara ini secara tidak sah. Walau bagaimanapun kerajaan tidak boleh menetapkan PTI ini bekerja di syarikat-syarikat milik negara Malaysia di negara tersebut kerana mereka bebas bekerja di mana-mana syarikat dalam negara mereka.
- (b) Bagi menangani masalah kedatangan pendatang tanpa izin ke negara ini kerajaan menjalankan Operasi Ops Nyah 1 dan Ops Nyah 11, menggalakkan perkembangan industri yang berteknologi tinggi di negara ini dan menggalakkan penempatan semula kegiatan-kegiatan ekonomi di negara-negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan Filipina.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku pengerusi Jawatankuasa Kabinet berhubung dengan pengambilan pekerja-pekerja asing telah menyatakan bahawa untuk sektor perkhidmatan, Yang Amat Berhormat telah memutuskan bahawa kerajaan membenarkan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan hotel. Jadi saya ingin tanya adakah satu pengunjuran atau satu rancangan berhubung dengan pekerja-pekerja asing ini yang mana kadang-kadang perkara ini dibuka dan kemudian ditutup. Jadi adakah perancangan khusus supaya masalah ini kadang-kadang kita tidak mempunyai satu pengunjuran ataupun rancangan yang tertentu bagi mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan buat dasar ataupun buat keputusan memang ada perancangan jangka panjang pada masa yang sama kita sentiasa mengambil kira keperluan semasa. Pada masa kini memang pengambilan baru itu dibekukan bagi semua sektor

yang lain kecuali pembantu rumah, ia terus diizinkan. Dan bagi perhotelan memang adalah satu permintaan yang begitu mendesak baru-baru ini selepas satu kajian dibuat nampaknya perhotelan ini dapat membantu perkembangan pembangunan ekonomi pelancongan, oleh itu kita bagi satu keizinan untuk mengambil pekerja asing diperhotelan.

Bagi semua sektor yang lain kita perlu berhati-hati, iaitu kita perlukan pandangan kementerian-kementerian lain yang lebih mahir dalam bidang-bidang itu. Dengan secara ringkasnya kerajaan pada masa kini masih berhati-hati tidak begitu senang sangat melonggarkan pengambilan pekerja asing ini, ada perancangan persepadu bukan sahaja secara *ad-hoc* atau cuba-cuba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 6, 8, 13 dan 15 hingga 45 dijilid dalam buku berasingan]*



**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE  
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN  
BERSAMA (PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM)  
1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukkan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi pegawai hal-ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri-negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA  
(SABAH) (PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Peguambela (Sabah)(Pindaan)1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA  
(SARAWAK) (PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Peguambela (Sarawak)(Pindaan) 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG TABUNG  
PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak bin Tun Haji Abdul Razak]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG TELEPERUBATAN  
1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [6hb. Mei, 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong sila sambung.

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di antara tiga cyber-law dengan izin, Rang Undang-undang Teleperubatan sepertimana diperuntukkan dalam dua rang undang-undang cyber yang lain, memperuntukkan hukuman yang berat khasnya apa yang diperuntukkan mengenai denda RM500 ribu, RM100 ribu. Bagaimana Jabatan Peguam Negara memperuntukkan hukuman-hukuman seperti ini. Adakah hukuman-hukuman denda ini selaras dengan undang-undang yang serius yang boleh mengakibatkan seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara atau ADUN di mana-mana negeri dalam negara ini untuk di 'disqualified'?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan utama bagi ahli-ahli Parlimen adalah Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukkan khasnya Perkara 48 (1) (e) dengan izin,

*"Subject to the of these article a person is disqualified for being a member of either House of Parliament 8(e), he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit and has not received a free pardon; or*

Sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, untuk kehilangan kelayakan RM2,000 atau ke atas itu mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum 31hb. Mei 1960 peruntukan yang ada di dalam Perkara 48 (1) (e) adalah untuk kehilangan kelayakan dua tahun penjara atau ke atas, perkara itu telah dipinda pada hari yang saya sebut tadi dan peruntukkan baru yang dimasukkan ialah denda RM2,000 itu mencukupi. Apa nilai RM2,000 dalam tahun 1960 dan sekarang? Apakah berdasarkan dengan itu dalam undang-

undang siber ini ada peruntukkan seperti RM100 ribu, RM200 ribu atau RM500 ribu denda? Sudah tiba masa untuk Peguam Negara menyemak khasnya perkara 48 (1)(e). Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, nilai RM2,000 apabila dibandingkan tahun 1960 dan sekarang barangkali 15 kali ganda. Bukan RM2,000 sekarang tetapi RM30,000. Adakah Peguam Negara memikirkan untuk membuat apa-apa pindaan kepada perkara ini untuk menentukan wujud undang-undang seperti ini kerana itu boleh digunakan ke atas Ahli-ahli Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Mark Koding, dan ini saya ingin menunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua kepada apa yang dikatakan double standard boleh wujud jika tindakan tidak diambil oleh Peguam Negara. Mark Koding seorang ahli Dewan Rakyat pada masa itu dalam tahun 1982. Dia membuat satu ucapan dalam Dewan Yang Mulia ini tentang Akta Hasutan.

Khasnya seksyen 31F yang meluahkan apa yang terdapat dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Apa yang diperjuangkan olehnya adalah untuk menghapuskan Perkara 152 mengenai kewujudan sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Apa jadi? Apa akibat apabila beliau berhadapan di mahkamah, sabit, apa hukuman yang dijatuhkan kepadanya? Satu perkara yang serius seperti itu ia diikat jamin, ikat jamin bukan di bawah seksyen 294 Kanun Acara Jenayah di mana bersabit dengan conviction, dengan izin, is recorded tetapi dia dilepaskan dengan ikat jamin di bawah seksyen 173A the finding over without a conviction.

Di mana Peguam Negara pada masa itu? Adakah beliau mengambil apa-apa tindakan atas hukuman itu, adakah dia buat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan? Kenapa tidak? Adakah kerana Mark Koding pada masa itu dalam Barisan Nasional? Kewujudan undang-undang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh disalahgunakan.

Dan Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benar....ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua. Beri saya satu peluang. I have the right to be held this extension.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yes. And I have the right with respect of anything as long as I come within what is Standing Orders are, dengan izin. Dalam kes Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, saya ada terima satu surat kelmarin. Surat ini bertarikh 2hb. Mei, 1997 di mana dua notis rayuan ada diserahkan atas permasalahan. Peguam Negara ada memasuki satu notis rayuan terhadap hukuman terhadap kedua-dua pertuduhan atas Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Dan ini bertarikh 29hb. April walaupun ada difailkan, di mahkamah pada 2hb. Mei tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dikatakan kerap kali, and it must be uniformity in sentences imposed by courts of law. Tetapi, prinsip itu, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikeluarkan di Dewan yang mulia ini. Harus ada konsistensi mengenai keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua yang mengambil Kerusi itu dalam Dewan ini dan ini adalah mengenai satu keputusan yang ada dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri dan saya ada terima pada masa itu iaitu kerana keinginan ada disuarakan oleh kedua-dua pihak akan memfailkan notis rayuan. Itu mencukupi walaupun notis rayuan tidak difailkan. Tuan Yang di-Pertua, itu bertentangan dengan satu keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Ong Tee Keat pada 29hb. April tahun ini, di muka surat 53 *Penyata Rasmi Parlimen*. Apabila saya bangkitkan soal itu, bila saya menyatakan bahawa tidak ada apa-apa notis yang ada difailkan oleh itu peruntukan Peraturan Mesyuarat 36(2) tidak berbangkit dan keputusan dia adalah ini; saya baca daripada muka surat 53:

*"Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, sabar. Itu sebab saya kata tadi kalau ianya telah dibawa ke Mahkamah Rayuan itu telah dikemukakan, maka saya rasa tidak kena Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan kes yang berkenaan. Kalau tidak maka ianya tidak timbul."*

Rakan saya dari Tanjong ada diberi kebenaran untuk menyentuh kes Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Sekarang rayuan sudah difailkan. Sekarang ini tidak boleh dibangkitkan kerana jika dibangkitkan peruntukan 36(2) terpakai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada dua ruling, dua keputusan atas perkara yang sama dan hujah saya adalah ini, Tuan Yang di-Pertua apabila Tuan Yang di-Pertua sendiri membuat keputusan itu yang bertentangan dengan keputusan Tuan Ong Tee Keat.

Tuan Yang di-Pertua ada bertindak per incurate. Tidak mengambil apa yang harus diambil dan masa

itu saya ada walaupun saya terima masa itu keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah bersangkutan dengan undang-undang yang sedang kita bahaskan?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada, ada. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat dari sini sekarang, kita ada dua keputusan. Satu tidak sah. Dalam pandangan saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu sudah berlaku, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sudah berlaku, kerana ada dua sekarang. Bolehkah dua wujud di sini? Satu Kerusi dua kepala.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, benda ini sekarang ini kita di dalam Dewan Rakyat, bukannya sebenar-benarnya di dalam mahkamah.....

**Tuan R. Karpal Singh:** No, bukan saya bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan..... Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau saya tanya satu mahkamah menjatuhkan satu hukuman, mahkamah lain yang sama setarafnya boleh mengubah keputusan itu. Yang Berhormat sendiri tahu itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Melainkan kalau sekiranya keputusan itu dibuat oleh mahkamah yang lebih tinggi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya terima itu. Pengaduan saya adalah ini. Ruling yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua melanggar apa yang ada di dalam Erskine May Parliamentary Practise reflected.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat dan Tuan Yang di-Pertua, tafsirannya, saya baca daripada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mahu apa itu? Penjelasan atau apa?

**Tuan Noh bin Omar:** Penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no. Saya tidak ada masa untuk orang daripada .....

**Tuan Noh bin Omar:** Okay, kalau tidak ada penjelasan, point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau tidak boleh penjelasan, point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila. Apa dia point of order itu?

**Tuan Noh bin Omar:** 36(2) - Tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah sekiranya pada pertimbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang dibicarakan itu. Saya hendak minta sedikit penjelasan ini. Saya hendak menerangkan sedikit. Hari itu 36(2) Yang Berhormat Jelutong sendiri mengatakan perkara itu belum difail lagi notis rayuan. Hari ini dia sendiri telah sebut bahawa dia sendiri telah menerima pihak Peguam Negara telah pun memfailkan notis rayuan. Jadi, semasa Timbalan Yang di-Pertua menjadi Speaker hari itu, dia masa itu notis rayuan belum timbul.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*  
*[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Berilah dia bercakap, Yang Berhormat. Yang Berhormat pun kata tadi sesiapa pun ada right.....

**Tuan Noh bin Omar:** Ini point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah, biarlah dia bercakap dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan buang masa saya.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini point of order. Saya hendak jelaskan saya pun ada di dalam Dewan pada masa itu dan saya pun sudah bangun tanya fasal point of order - boleh atau tidak boleh dibincangkan perkara kes dalam mahkamah. Yang Berhormat dari Jelutong sendiri tiba-tiba bangun. Dia kata dia belum memfailkan notis rayuan, oleh itu Tuan Yang di-Pertua membenarkan dibincang kerana kes telah selesai. Hari ini dia sendiri mengaku tadi, dia baru dapat surat daripada Peguam Negara mengatakan Peguam Negara telah pun memfailkan notis rayuan. Jadi, saya rasa dia tidak boleh membangkitkan langsung perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, apa yang dibincangkan olehnya ialah saya membuat keputusan lain dan Yang Berhormat Timbalan saya

membuat keputusan yang lain. Itu yang dipertikaikan. Bukanlah berkenaan perkara subjudicial sekarang dan saya sendiri telah memutuskan benda yang telah pun dipertikaikan iaitu bagaimana mahkamah - kalau sekiranya mahkamah itu sama setarafnya, maka hakim yang sama setarafnya boleh membuat keputusan lain melainkan kalau sekiranya keputusan itu ialah keputusan daripada mahkamah yang lebih tinggi, barulah dia terikat dengan keputusan daripada mahkamah yang terlebih tinggi.

Begitulah juga dalam keadaan ini dan lagi pula kita tidak bolehlah hendak mengatakan bahawa Dewan Rakyat kita ini sebenar-benarnya, sepenuhnya sebagai satu mahkamah. Kita di sini ialah membincangkan perkara-perkara yang bukanlah mengikut Criminal Procedure Code ataupun mengikut Civil Procedure Code tetapi kita sekarang ini adalah di bawah garisan Peraturan-peraturan Mesyuarat (Standing Orders) yang boleh berubah-ubah mengikut kepada keadaan. Sila Jelutong. Saya harap Yang Berhormat dari Jelutong silalah berucap berkenaan dengan rang undang-undang ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu dapat tahu, ruling mana yang harus diikuti berdasarkan apa yang saya baca dari Erskine May bolehkah saya baca, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya baca, saya baca.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tanya tadi ruling mana yang patut diikuti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya percaya kata ruling saya itulah yang betul. Oleh yang demikian saya memutuskan ruling saya itu adalah betul.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya ruling Tuan Yang di-Pertua tidak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya baca daripada Erskine May.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, Erskine May pun bukanlah kita terpaksa mengikutnya. Ia merupakan advisory sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun advisory, bolehkah untuk rekod saya membaca apa yang ada di sini, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh ya. Muka surat 488 - Matters subjudice, dengan izin:

*"A matter of everything on the judication in any court exercising a criminal jurisdiction or in a court marshall should not be referred to any motion of debate and a motion on any question including a supplementary question" dan ini penting*

*"A case which have been decided by a court but is still open to appeal is not considered subjudice until notice of appeal has been given"*

Jadi, bolehkah Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ini keputusan Tuan Yang di-Pertua sah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan keputusan saya tidak sah, maka Yang Berhormat boleh mengemukakan keputusan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan mahkamah, jika mahkamah ada rayuan. Ada peringkat sampai Mahkamah Persekutuan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, usul masa harus diikuti? Dalam kes Vijandran, Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan untuk kembalikan tape itu kepada saya apabila saya memberi tape itu kepada Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat. Beliau terima tetapi Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan mahu review keputusannya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan 43. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa itu? Point of order atau penjelasan atau apa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan 43.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, cakap.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Harap duduklah saya hendak bercakap.

**Seorang Ahli:** Point of orderlah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan 43 menyatakan keputusan Pengerusi adalah muktamad, jadi Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Itulah muktamad, ikut point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun beritahu kepada dia tadi keputusan saya adalah muktamad tetapi dia kata dia menurut Peraturan tetapi apabila saya buat peraturan mengikut Peraturan Mesyuarat dia tidak mahu mengikut, itulah kadang-kadang dia blow hot and cold at the same time.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Suruh dia keluarlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, Yang Berhormat, minta Yang Berhormat berucap atas rang undang-undang ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat bukan saya 'hot and cold', Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Ong Tee Keat yang 'hot and cold'. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bukan mahu gaduh dengan sesiapa di sini tetapi jika undang-undang, jika prinsip saya pegang terus kepada itu. Itulah pandangan saya atas apa yang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila berucap di atas peraturan undang-undang ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. Saya harap mahkamah-mahkamah adalah dalam negara ini boleh menjatuhkan hukuman-hukuman yang uniform. Bukan seperti apa yang terjadi di sini dan Tuan Yang di-Pertua saya merayu kepada Peguam Negara untuk meneliti semua undang-undang selepas kemerdekaan untuk menentukan adakah denda-denda yang diperuntukkan dalam masa tahun 1957 atau sebelum itu dan sampai sekarang selaras dengan nilai-nilai wang kerana Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peruntukan yang outdated, khasnya saya baca, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dan ini ada dalam Kanun Acara Jenayah.

Saya hairan sepertimana peruntukan-peruntukan ini boleh wujud tidak ada apa-apa pindaan kepadanya. Saya baca Seksyen 430. 'Reward for unusual exertion' - orang pahlawan, champion. Orang yang menyelamatkan orang lain.

Whenever it appears to any court that a private person has shown unusual courage, diligence or exertion in the apprehension of a person accused of having committed, attempted to commit or

abetted an offence punishable with death or imprisonment such Court may order....

Ini hairan.....*payment to him out of the Consolidated Fund of any sum not exceeding one hundred dollars.*

Adakah peruntukan seperti ini harus wujud di zaman sekarang? Selain daripada itu, Tuan Speaker, ini untuk peringatan, barangkali rakan saya Timbalan Menteri di sana mengambil langkah-langkah. Malu ada undang-undang seperti ini. Ada satu lagi, 'Compensation for giving in charge groundlessly.

Whenever any person causes a police officer to arrest another person if it appears to the Magistrate who takes the case cognisance of that there was no sufficient ground for causing such arrest the magistrate may award such compensation, not exceeding twenty-five dollars.

Apa ini? Pergi ke kantin pun lebih daripada RM25.00, ini maksimum. Bukan hadiah sebagai RM25.00, tetapi ini maksimum.

Tuan Speaker, saya harap langkah-langkah yang positif boleh diambil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*].

Keputusan mana saya ikut sekarang. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan. Yang Berhormat dinasihatkan cuma boleh menyentuh apa yang bersangkutan, teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya...you have been over ruled

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa apa yang diputuskan itu cukup jelas dan tidak ada....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker membuat keputusan jika notis tidak difailkan, boleh cakap di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan. Kalau Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Malu, oleh itu teruskan, saya teruskan, tidak mengapa. Embarrassing, di mana dua Speaker boleh memberi satu keputusan atas isu yang sama yang berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak mahu quarrel with you, I'll carry on.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat langsung tidak erti....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan itu, ini prinsip.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sebagai seorang peguam, biar pun dalam bidang perundangan, Yang Berhormat takkanlah tak tahu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan, tak payah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ..... peguam sama peguam yang lain, tak pernah mempunyai pendapat yang berlainan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Malu, apa yang dibuat keputusan atas isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi saya sudah buat keputusan, itu berdasarkan apa yang saya rasa patut dan wajar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dua orang Kerusi yang sama, dua kepala ingatan yang berlainan, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa yang sudah diputuskan itu...

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya terima itu walaupun dengan bantahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau hendak teruskan, teruskan. Kalau tidak hendak teruskan, saya kena memberhentikan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Boleh keluar sekarang.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** [Bangun]

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa itu?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order atau apa?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Cakap!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begini rupanya kita

berbahas dalam Dewan ini, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan Mesyuarat 43, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Keputusan telah dibuat, dan apa haknya kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat yang mengaku dia sebagai peguam lama bersikap sedemikian rupa. Ia tidak melambang sedikit pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak payah huraikan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua mengambil keputusan.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Ini bukan mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya buat keputusan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Kalau di mahkamah lain cerita.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, inikah point of order?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Sebagai Ahli Dewan, Yang Berhormat dia mesti mengetahui dia boleh berlagak sebagai Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Seorang Ahli:** Point of order, duduk.

**Tuan Noh bin Omar:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat dari Tanjong Karang, jangan. Kenalah bawa diri dengan tertib. Jelutong, apa hendak cakap itu sudah cakap. Saya rasa Yang Berhormat, kalaulah hendak cari bahan-bahan untuk dipertikaikan, itu saya rasa tak kena. Ya, teruskan kalau ada apa-apa yang bersangkutan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan bahan-bahan yang dikatakan. Ini hak saya untuk menunjukkan kepada bukan sahaja kepada kedua-dua Tuan Speaker ini, tetapi seluruh negara, ada keputusan di Dewan ini yang berlainan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat fahamkah apa yang diputuskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya faham.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43, kalau dia tidak mahu ikut, Peraturan Mesyuarat 44, ambil tindakan tatatertib kepada beliau.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya boleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu pernah diambil dahulu tindakan sedemikian.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu lain. Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau hendak teruskan, boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan. Apa yang saya nyatakan tadi, Tuan Speaker, dalam cyber law, peruntukan-peruntukan denda yang luas. Dalam Kanun Keseksan, saya akan berikan sebagai contoh, Seksyen 193,

'Giving a fabricating false evidence in a judicial proceeding, punishment and imprisonment for seven years and fine.'

Tidak disebutkan berapa seperti yang ada dalam undang-undang ini, Tuan Speaker. Jika tidak diperuntukkan berapa fine dengan umum seperti ini, apa yang dijatuhkan adalah satu denda yang munasabah.

Dalam kes, D.P. Vijandran, beliau dituduh di bawah Seksyen 193, dua tuduhan. Hukuman ini adalah denda RM2,000 dan satu tahun penjara. Di mana Peguam Negara pada masa itu tidakkah dia tahu ada peruntukan jika satu hukuman tidak setimpal dengan tuduhan yang serius boleh membuat satu rayuan tetapi tidak buat - RM2,000 dan satu bulan penjara. Seorang yang memalukan Kerusi yang Tuan Speaker duduk sekarang. Walaupun saya ada menyatakan dahulu bakar kerusi itu. Bolehkah denda-denda macam ini dipertahankan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....  
**Tuan R. Karpal Singh:** Saya hendak memberi nasihat kepada Peguam Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Timbalan Menteri bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order atau apa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Point of order 38(1). Saya hendak sebut dalam had perbahasan, Peraturan Mesyuarat 38(1) ada menyatakan perbahasan atas apa-apa usul selain daripada usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat dan perbahasan atas apa-apa rang undang-undang atau pindaan - sekarang kita bincang Rang Undang-undang Teleperubatan, hendaklah berkaitan dengan dengan usul atau rang undang-undang atau pindaan itu. Tetapi saya tengok dari tadi tidak ada kaitan pun dengan Rang Undang-undang Teleperubatan. Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong tidak usah membuang masa, sila rujuk balik 38(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu 38(1)?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong boleh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Noh bin Omar:** Tanjong apa hak dia bangun? Tanjong you tidak berhak, you duduklah!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(1) atau 38(1)?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** 38(1). Saya sudah baca tadi, Yang Berhormat dari Tanjong boleh rujuk balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri itu. Saya rasa walaupun apa yang cuba hendak dihuraikan itu tepat, tetapi 38(1) itu saya rasa tidak kena. [Tepuk] Yang Berhormat dari Jelutong, diingatkan walaupun saya beri peluang, saya selalu beri peluang kepada Yang Berhormat untuk membangkitkan contoh, tetapi janganlah lupa daratan. Lagi pun kalau contoh-contoh yang dibangkitkan itu jauh terpesong daripada apa yang tertera dalam rang undang-undang, saya rasa tidak kena. Yang Berhormat tahulah had batasnya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak mahu gaduh dengan Tuan Speaker, tetapi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak ada gaduh.

**Seorang Ahli:** Jangan gaduh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Semua Yang Berhormat kenalah....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bila pun tenang, di mahkamah luar pun tenang, saya tidak gaduh.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada peminat. Kuala Pilah bangun lagi.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Saya ingin menarik perhatian kepada 36(1) dan 43. 36(1) menjelaskan bahawa setiap satu isu yang dibangkitkan itu isu yang dibahaskan ialah cyber law dan berkenaan Teleperubatan. Sekarang sudah meleret-leret pergi merapu bermacam-macam. Ini bukan cara contohnya. Dan juga keputusan Tuan Yang di-Pertua, mengikut perenggan 43, adalah muktamad. Janganlah pula ada lagi hendak mempersoal-soalkan. Saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, tolong beritahulah Yang Berhormat dari Jelutong dan Tanjong ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tolonglah hormat sedikit pada Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Jelutong, 36(1) itu memang tepat pada tempatnya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, Tuan Speaker. Orang ini pun lawyer. Jadi peguam Mokhtar Hashim, Mokhtar Hashim kalah. [Ketawa] Nasib baik....

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, jangan ada sangkaan jahat. [Ketawa] Ini sangkaan jahat. Apa ada kena-mengena dengan kes Dato' Mokhtar Hashim. Berapa orang juga yang pergi ke tali gantung kerana dia jadi peguam? Cakap jangan sebarang cakap!

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam satu kes, gantung, habis, tidak dapat kes lain. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Kota Melaka kalah.

**Tuan Noh bin Omar:** You pun tak percaya dengan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Biar pun Yang Berhormat mungkin rasa tersinggung, tetapi janganlah kita mengenyepikan Peraturan Mesyuarat. Tadi Kuala Pilah membangkitkan Peraturan Mesyuarat, sangkaan jahat. Yang keberapa Yang Berhormat, sebutkan?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** 36(1) dan 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang itu lain.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Sangkaan itu 36(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sudah putuskan.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** 36(4). [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah Yang Berhormat, walaupun sepintas lalu Jelutong cuba hendak bangkitkan apa yang bersabit dengan soal peribadi, saya rasa cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan peribadi, ini fakta, dia kalah, apa saya mahu buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalahkah, menangkah, tidak ada kena-mengena dengan Teleperubatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mokhtar Hashim kena gantung tidak ada kena-menena?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat cukup, balik kepada tajuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya balik, dia kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jangan merayau sahaja, nanti sesat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika dia duduk senyap, ini tidak dibongkar di sini. Dia kena sekarang? [Ketawa]

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Timbalan Menteri bangun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Yang Berhormat dari Jelutong kata Yang Berhormat dari Kuala Pilah kalah. Itu hari beliau bawa kes Kota Melaka beliau pun kalah juga.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini pun menteri bodoh.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tarik balik, point of order. Ini kurang ajar, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya dengar itu.



**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak menafikan. Tidak cakap apa penjelasan atau point of order, dia cakap juga. Orang bodoh bertindak seperti itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, biar saya buat keputusan. Saya nampak itu tadi. Tenang, tenang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan ataupun point of order?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Saya rasa kalau Yang Berhormat dari Jelutong sanggup duduk tadi, ini bermakna bahawa dia beri jalan. Dia beri laluan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan bila Timbalan Menteri sebutkan sesuatu mungkin yang kurang menyeronokkan Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat janganlah cakap perkataan unparliamentary, itu tak kena. Yang Berhormat diminta tarik balik perkataan ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika unparliamentary conduct, dia dapat unparliamentary language, kerana dia bangkit tidak menyatakan apa-apa, penjelasan atau point of order. Tetapi saya tarik balik, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya hendak minta dia tarik balik perkataan unparliamentary. Dia sudah tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Alright, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia sudah tarik balik.

**Seorang Ahli:** Apa-ni, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** [Bangun]

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan. Dia ada menyatakan Tuan Speaker, bolehkah duduk?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia sudah tarik balik tadi. Boleh duduk menteri. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Bukan menteri, Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Oh, sorry, Timbalan Menteri. Tuan Speaker, point of order, saya ada tarik balik tadi. Dia cakap kurang ajar, bolehkah dia tarik balik?

**Tuan Lim Kit Siang:** Semua dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa bila mana-mana

pihak menyebut perkataan unparliamentary, itu bukanlah sesuatu yang wajar. Perkataan yang disebutkan tadi itu kurang wajar juga dan diminta tarik balik. Saya rasa apa yang disebut tadi, itu sudah dikira selesai. Yang Berhormat diminta tarik balik.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, kerana Yang Berhormat dari Jelutong cakap 'kurang ajar', jadi saya pun keluar perkataan 'kurang ajar', kerana dia lebih veteran daripada saya. Jadi, saya ingat hendak belajar daripada dia, tetapi nampaknya tak dapat saya belajar. Oleh kerana beliau tarik balik, saya pun tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya harap lain kali jangan ulang balik Yang Berhormat dari Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini bukan suatu yang membina, Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya sudah tarik balik, tetapi dia tak dengar. Dia cakap saya menyatakan 'kurang ajar', saya tidak katakan. Saya cakap 'bodoh'. Ini untuk rekod, Tuan Speaker. [Ketawa] Untuk rekod.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Makna ini 'kurang ajar' Tuan Speaker, dia ulang balik perkataan yang kita tadi, very unparliamentary.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa kalaulah berdegil-degil dengan penggunaan perkataan unparliamentary itu, saya kena bertindak keras.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, Tuan Speaker.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua dia tarik balik perkataan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** 'Bodoh'!..

**Tuan R. Karpal Singh:** 'Bodoh'!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ya, memang Yang Berhormat dari Jelutong 'bodoh' - minta dia tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan 'kurang ajar' terhadap dia.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat saya sedang menangani ini. Yang Berhormat, tadi dia sudah menarik balik,.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ..... itu saya sudah cakap dan Yang Berhormat dari Jelutong janganlah ulang-ulangkan perkataan unparliamentary itu berkali-kali.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, Tuan Yang di-Pertua, bukan itu, saya disabitkan atas satu perlakuan yang tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya sebut tadi. Saya cakap 'bodoh' ini untuk rekod.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ditujukan kepada siapa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya minta dia tarik baik. [*Menyampuk*]

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia mengatakan saya bercakap 'kurang ajar'!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, selagi Yang Berhormat .....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Memang 'kurang ajar' ini Yang Berhormat dari Jelutong, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sabarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Jelutong kalau perkataan unparliamentary itu ditujukan kepada ahli yang lain saya tidak benarkan. Tarik balik, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Sudah tarik?

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tadi sebutkan lagi, takkanlah hendak buat dua kali.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengaku tadi saya menyatakan perkataan 'bodoh' tetapi dia membalas, dia kata saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** .....menggunakan perkataan 'kurang ajar', saya tidak menyatakan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Berkali-kali dia sebut balik perkataan unparliamentary.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika cukup.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa.....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Dia pusing juga macam 'lidah biawaklah' tidak boleh macam ini! [*Ketawa*]

**Beberapa Ahli:** Apa ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah.

**Beberapa Ahli:** Apa ini!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini standard.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Lagak macam .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini standard Barisan Nasional - tidak apa saya akan come in.....itu tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelagat yang tidak membina, tidak akan memanfaatkan kita semua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali ada 'lidah biawak' di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik kepada tajuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, balik kepada tajuk. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang banyak atas perkara ini, walaupun ini telemedicine, tetapi undang-undang yang ada diperuntukkan dalam rang undang-undang ini lebih penting daripada apa yang terdapat di telemedicine. Kerana tidak mengikut apa yang ada dalam peruntukan ini akan dimasukkan dalam penjara dan doktor-doktor di sini pun ada risiko, hanya rakan saya doktor dari Kepong dia tidak kena sebab dia orang baik - tetapi bagi doktor-doktor lain. Oleh itu saya ingin menyatakan di sini apa peruntukannya, apa makna peruntukan di mana denda terlebih tinggi ada diperuntukan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan 35(7).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, nanti.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mengehadkan masa bagi ahli-ahli berucap jika perlu.....

**Beberapa Ahli:** Apa menteri?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Sekarang beliau telah berucap 45 minit, adakah Tuan Yang di-Pertua hendak beri lagi beliau bercakap panjang, kerana mengganggu masa orang-orang lain.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat. Ya, saya akan mengambil perhatian. [Ketawa] Ya, Jelutong.

**Seorang Ahli:** Wah! Menteri cukup eloklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya rasa tidak apa yang saya nyatakan tadi. Tujuan saya adalah tidak mengacau sesiapa di sini, tetapi untuk memberi pandangan saya sebagai peguam dan sebagai Ahli Parlimen. Dalam fikiran saya Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah dianiayakan oleh Peguam Negara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu telemedic juga?

**Tuan R. Karpal Singh:** No. Ya, di bawah peruntukan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** [Ketawa]

**Tuan R. Karpal Singh:** Double standard ke atas dia. Bolehkah itu dipertahankan? Saya harap apa yang saya nyatakan tadi iaitu Perkara 48(1) boleh dipinda, kerana denda RM2,000 seperti yang diperuntukkan di sana tidak selaras dengan nilai wang sekarang, itu pada tahun 1960. Dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berjaya dalam mahkamah, saya akan merayu kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk menggunakan kuasanya bagi memberi keampunan kepada dia - itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat dari Tanjong.

4.40 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, virtual hospital atau hospital maya telah sampai dan diperkenalkan di lebih dari 20 negeri di

Amerika Syarikat. Dengan tidak perlu meninggalkan komuniti mereka, para pesakit dapat berunding dengan ramai pakar perubatan tertinggi di negara berkenaan. Hospital maya ini bergantung kepada peralatan-peralatan komunikasi berteknologi tinggi yang berbagai, misalnya video kamera yang dapat men'zoom' ke atas mikroskopik halus, dengan izin, microscopic as minutes skin melanomas atau electronic stethoscope yang boleh membesarkan denyutan jantung dan menyalurkan beratus atau beribu batu jauhnya melalui talian-talian telefon atau kabel, secara langsung dapat mencapai chart pesakit melalui komputer, menggunakan TV berskrin besar yang membolehkan para doktor melihat dan berbincang dengan pesakit serta lain-lain profesional perubatan.

Penggunaan teleperubatan telah berevolusi lebih dari 30 tahun di Amerika Syarikat serta lain-lain negara maju dan bukan lagi sesuatu yang tidak mungkin dari segi teknologi untuk mengadakan hospital maya (virtual hospital) sebegini di Malaysia juga. Sebenarnya saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sampai tahap apakah kerajaan kita telah melaksanakan rancangan untuk membina sebuah hospital maya di Selayang, yang memiliki teknologi teleperubatan terkini, di mana terminal komputer akan dipasang di dalam setiap katil pesakit. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dapat memberitahu Dewan yang mulia ini serta negara pada keseluruhannya jenis teknologi terkini yang akan dipasang di Hospital Selayang, berapakah kos untuk pembinaan hospital jenis ini dan apakah tahap proses tender untuk berbagai fasa projek berkenaan, serta tarikh yang dijangka siap setiap fasa berkenaan.

Persoalan yang sebenarnya yang akan tertanya-tanya oleh rakyat Malaysia adalah, sama ada tahap pembangunan negara masa ini, Malaysia mampu menanggung 'hospital maya' atau teleperubatan yang menggunakan teknologi terkini atau state-of-the-art technology. Sementara rakyat Malaysia biasa tidak mendapat penjagaan kesihatan asas yang diperlukan.

Teleperubatan pada dasarnya adalah satu konsep sungguh baik untuk memperbaiki kualiti penjagaan kesihatan, tetapi sebelum ia dapat berfungsi dengan berkesan bukannya kita harus memastikan bahawa negara memiliki infrastruktur kesihatan yang dapat memenuhi keperluan perubatan dan penjagaan kesihatan asas rakyat jelata?

Saya ada seorang kawan yang bernama Vincent, yang baru-baru ini telah dimasukkan Hospital Besar

Kuala Lumpur untuk rawatan rapi. Beliau telah diletakkan ke dalam wad kelas ketiga kerana wad kelas kedua serta pertama telah penuh. Tetapi ini tidak bererti bahawa wad kelas ketiga tidak penuh. Sebenarnya, wad kelas ketiga juga penuh sesak seperti pasar, tetapi katil-katil kanvas tambahan telah diletakkan di merata kawasan wad untuk menampung keperluan pesakit. Dia mendapat satu shock-therapy. Shock-therapy ini telah mengejut dan menyembuhkan setengah - half cured him instanly setelah menengok canvas bed dan kucing lari ke sini-ke sana [*Ketawa*] - shock-therapy half cured instanly dan dengan segera (instant) mengambil keputusan untuk balik ke rumah. [*Ketawa*] Sungguhpun penyakitnya belum sembuh seratus peratus. Sekarang kita masuk virtual hospital.

Di kawasan Lembah Klang dengan bertambahnya jumlah populasi, setiap keperluan asas, termasuk keperluan perubatan dan penjagaan kesihatan, seperti hospital dan wad-wad pesakit, semuanya mengalami masalah kekurangan yang serius dalam memenuhi keperluan orang ramai, khasnya keperluan golongan miskin dalam masyarakat kita.

Sebagai contohnya, di dalam Jabatan Kecemasan Hospital Besar Kuala Lumpur, ruang 'acute bed' sungguh terhad jika dibandingkan dengan catchment area yang perlu dikendalikan dan lebih teruk lagi adalah hospital ini terpaksa memainkan peranan sebagai pusat referral, pusat rujukan bagi semua hospital di seluruh negara.

Keadaan katil-katil penjagaan rapi juga tidaklah sebaik yang disangkakan, kerana ia sering sahaja tidak memadai untuk semua pesakit yang memerlukan penjagaan rapi yang tidak dibekalkan dalam wad-wad biasa. Kekurangan-kekurangan yang dihadapi dalam hospital termasuklah kekurangan ventilator dan perlengkapan untuk mengawalselia haemodynamic ialah untuk mengawalselia tekanan darah, denyutan dan rhythm jantung, memaksa para doktor menjagal pesakit-pesakit di merata tempat untuk mengongsi katil-katil penjagaan intensif serta perlengkapan ventilator dan haemodynamic, dan membuat keputusan mana pesakit yang perlu memberikan ruang kepada pesakit lain bukannya kerana mereka tidak memerlukan penjagaan rapi (intensive care) tetapi adanya lain-lain kes yang memerlukan lebih intensive care yang lebih serius. Ini bagaikan permainan "Russian roulette" di mana nyawa para pesakit di hospital tidak diberi penjagaan yang sebaiknya -

main-main tengok siapa nasib tidak baik - pergilah dunia yang lain - memainkan "Russian roulette".

Kita bukan sahaja kekurangan katil-katil penjagaan rapi, tetapi juga kekurangan katil-katil di wad-wad perubatan atau medical. Sebagai contoh dalam satu wad yang dapat memuatkan 60 katil, Hospital Besar Kuala Lumpur sering kali tidak dapat mengendalikan kemasukan pesakit yang ramai setiap hari, yang biasanya lebih dari 60 pesakit perlu ditempatkan dalam satu wad berkenaan. Hasilnya para pesakit terpaksa berbaring di atas katil kanvas yang diletakkan di kalangan katil-katil hospital dan bukannya sesuatu yang ganjil melihat sesuatu wad terdapat 20 hingga 30 pesakit lebih ramai dari katil yang ada - memaksa para pekerja perubatan menghadapi kerja berlebihan tanpa dibekalkan dengan kemudahan-tambahan yang sepatutnya. Malah dalam lain-lain jabatan, misalnya dalam makmal, juga menghadapi ketegangan (over strain) hasil dari terlalu banyak kerja dan pesakit dengan kemudahan-kemudahan serta kakitangan yang terlalu kurang.

Hospital Besar Kuala Lumpur sering kali berbangga sebagai hospital yang paling berselerak di dunia - sprawling hospital in the world. Hasilnya jabatan X-Ray diletakkan di bangunan yang berasingan dari wad-wad pesakit. Para pekerja perubatan perlu meletakkan pesakit di atas trolley dan tolak mereka naik menerusi satu cerun - up a slop dari wad pesakit ke Jabatan X-Raya dan kereta-kereta yang sering berulang-alik di situ membahayakan nyawa pesakit serta pekerja yang berkenaan. Lebih teruk lagi adalah apabila sampai masa hujan lebat, para pekerja perubatan tidak mungkin dapat menolak pesakit yang perlu di X-ray dengan segera ke bilik X-ray untuk menjalani pemeriksaan, kerana mereka bukan sahaja akan terkena hujan dan menjadi basah kuyup, lebih teruk lagi pesakit berkenaan akan terdedah kepada kemalangan yang lebih teruk dan tidak susah untuk kita membayangkan bagaimana seorang pesakit yang terlantar di atas trolley yang ditolak oleh pekerja perubatan apabila trolley berkenaan terlepas dari tangan, pekerja perubatan yang sukar mengawalnya disebabkan kebasahan dan kelicinan hasil dari air hujan, akan berbaring tanpa sebarang kuasa untuk menyelamatkan diri dari nasibnya yang bergantung ke atas trolley berkenaan tidak terkawal dan mereka will go to kingdom-come!

Sungguhpun keadaan di Hospital Besar Kuala Lumpur tidak memuaskan, keadaan di lain-lain hospital khasnya yang terletak di kawasan-kawasan luar

bandar adalah lebih teruk lagi. Jabatan pesakit luar di kebanyakan hospital bukan sahaja menyakitkan mata, malah sungguh memalukan di mana para pesakit terpaksa berbaris panjang, kadang kala sampai lebih dari setengah hari lamanya untuk menunggu peluang berjumpa dengan doktor dan mendapat ubat. Bukannya sesuatu yang luar biasa, sebagai contoh, untuk doktor-doktor pesakit luar merawat 80 orang pesakit dalam klinik sebelah pagi, iaitu 80 pesakit dalam 270 minit, yang bererti seorang pesakit hanya diberikan masa rundingan selama 4 minit - apa nama, apa sakit, tengok tangan, keluar mata dan show you tongue, tulis ubat, masa cukup, tidak ada masa lagi - keluar. Sekarang kita mahu cakap virtual medicine, teleperubatan.

Bolehkah kita menyalahkan para pesakit yang tidak berupaya mendapat rawatan di sektor perubatan swasta yang mengenakan caj perubatan jauh lebih tinggi, dari merasa marah dan takut terhadap keadaan jabatan perubatan pesakit luar di hospital-hospital kerajaan?

Inilah sebabnya mengapa apabila Parlimen ini membahaskan Rang Undang-undang Teleperubatan, para ahli Parlimen harus bertanya diri mereka sama ada Malaysia benar-benar serius mengenai teleperubatan, sedangkan hospital kita bermain Russian roulette dengan nyawa pesakit-pesakit tenat dan semasa para doktor kita terpaksa men'juggle' dengan mereka yang sakit tenat ini hasil dari kekurangan katil-katil penjagaan rapi?

Persoalan penting yang pertama yang perlu ditangani oleh kita adalah sama ada teleperubatan membekalkan perkhidmatan perubatan yang kos efektif yang dapat ditanggung oleh rakyat Malaysia biasa dan sama ada ia merupakan pilihan penjagaan kesihatan yang berdaya maju (a viable option) untuk Malaysia pada tahap pembangunan kita masa kini. Ini membawa kita kepada persoalan penting yang kedua iaitu sama ada Malaysia harus melaksanakan teleperubatan dalam cara besar-besaran ataupun negara ini harus menumpukan perhatian ke atas soal memastikan bahawa semua rakyat Malaysia, termasuk mereka yang berada di kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat penjagaan kesihatan dan perubatan yang asas.

Tidak ada siapa yang akan menentang pengenalan teleperubatan mahupun hospital maya di Malaysia, kerana tidak ada sebab mengapa Malaysia harus tertinggal di luar arus pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi. Masalah sekarang adalah berkaitan dengan dasar sosial (a national social policy), sama ada teleperubatan

ataupun hospital maya ini harus diletakkan di baris depan prioriti kebangsaan (on the highest scale of national priority) atas tiga pertimbangan:

- (i) infrastruktur telekomunikasi di Malaysia masih jauh ketinggalan dalam soal pembekalan akses universal kepada semua rakyat Malaysia, sama ada di kawasan-kawasan bandar mahupun luar bandar;
- (ii) keutamaan dasar perubatan dan kesihatan harus diletakkan ke atas pembekalan keperluan perubatan dan kesihatan asas (to meet basic needs) kepada setiap rakyat Malaysia tanpa kira kaum, kelas mahupun lokasi;
- (iii) hanya sebilangan kecil dari mereka yang benar-benar kaya yang akan mendapat kebaikan dari teleperubatan pada peringkat ini.

Dalam Era Maklumat, lebih raya maklumat bukan sahaja hanya akan membekalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baru seperti diagnosis remote serta 'on-line-doctor', ia juga akan membawa kepada cabaran baru ke atas model perubatan tradisional.

Inilah sebab mengapa Alvin Toffler telah menghuraikan dalam buku Power Shiftnya pada tahun 1990 mengenai berakhirnya, dengan izin, God-In-A-White Coat, yang dihuraikan sebagai berakhirnya peranan tradisional para doktor hasil dari kemajuan maklumat dan teknologi untuk menyebarkannya.

Toffler menyatakan, dengan izin:

*"Throughout the heyday of doctor-dominance in America, physicians kept a tight choke-hold....."*

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada.

*"Throughout the heyday of doctor-dominance in America, physicians kept a tight choke-hold on medical knowledge. Prescriptions were written in Latin, providing the profession with a semi-secret code, as it were, which kept most patients in ignorance. Medical journals and texts were restricted to professional readers. Medical conferences were closed to the laity. Doctors controlled medical-school curricula and enrolments."*

Contrast this with the situation today, when patients have astonishing access to medical knowledge. With a personal computer and a modem, anyone from home can access data bases like Index Medicus, and obtain scientific papers on everything from Addison's disease to zygomycosis, and, in fact, collect more information about a specific ailment or treatment than the ordinary doctor has time to read.

In short, the knowledge monopoly of the medical profession has been thoroughly smashed....."

I note, Yang Berhormat dari Kepong tidak begitu senang hatilah.

".....And the doctor is no longer a god.

*This case of the dethroned doctor is, however, only one small example of a more general process changing the entire relationship of knowledge to power in high-tech nations."*

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil perhatian bahawa Toffler menulis Power Shift dalam tahun 1990, sebelum Internet muncul dari cocoon para ahli saintis dan akademi, sebelum ia menjadi satu fenomena seluruh dunia, kerana sehingga tahun 1991, dasar kerajaan Amerika Syarikat adalah masih mencegah Internet digunakan untuk tujuan keuntungan dan komersial.

Point yang dibuat oleh Toffler ini harus diberikan perhatian oleh Parlimen semasa kita membincangkan tentang Rang Undang-undang Teleperubatan, kerana adalah sesuatu yang perlu dibahaskan iaitu sama ada dengan tersebar luasnya maklumat perubatan ini, dan dengan terlalu banyak maklumat mengenai penjagaan kesihatan yang membanjiri pasaran serta terlalu banyak bahan teknikal yang memerlukan penjelasan lanjut, sehinggakan seseorang pembaca yang tidak mendapat latihan sebaiknya dalam bidang ini mengambil keputusan untuk mengintepretasi masalah kesihatan yang dihadapinya berpanduan bahan-bahan ini dengan tidak mendapat rawatan sewajarnya dari seorang doktor, adalah merupakan sesuatu yang baik atau bahaya untuk masyarakat.

Saya akan meninggalkan tajuk ini untuk perbincangan ahli-ahli Parlimen yang lain, kerana saya ingin menyentuh persoalan yang lebih besar mengenai dasar sosial yang berkaitan dengan pengenalan teleperubatan di Malaysia pada tahap pembangunan kita masa ini.

Semasa membahas Rang Undang-undang Teleperubatan, kita sering mendengar dua anggapan

yang disuarakan dan dikategorikan sebagai kebaikan teleperubatan. Ini pun kita dengar semalam, setiap orang berdiri mengatakan teleperubatan adalah baik, iaitu:

- (i) bahawa ia akan membawa kepada sistem penjagaan kesihatan yang lebih efisien, yang akan membekalkan penjagaan yang lebih baik kepada golongan populasi yang lebih tinggi peratusannya serta membolehkan para doktor membuat capaian kepada pesakit-pesakit yang berada di kawasan-kawasan luar bandar dan hulu, yang tidak berupaya membuat perjalanan ke kawasan yang mempunyai kelengkapan perubatan yang lebih baik. Itulah sebab yang pertama, lebih luas skop, semua orang accessible sama ada tidak kira geografi, di hulu pun boleh dapat perkhidmatan yang terbaik sekali di bandar, dalam kampung-kampung terpencil pun boleh dapat layanan yang terbaik sekali semacam di bandar; dan
- (ii) teleperubatan akan mengurangkan kos (cut cost) dan menjadikan penjagaan kesihatan lebih murah serta lebih berupaya ditanggung oleh rakyat pada keseluruhannya.

Saya berani mencabar validity dua jenis rasional ini mengenai pengenalan teleperubatan dalam segi teknologi termoden seperti teliagnosis, teleconsultancy, telemonitoring, telesurgery secara besar-besaran pada tahap pembangunan negara kita masa ini. Bahawa kedua-dua sebab atau alasan yang diberikan akan memperluaskan health care kepada semua rakyat Malaysia dan akan menurunkan kos adalah tidak berasas dalam keadaan pembangunan negara pada masa ini.

Biarlah saya menjelaskan salah anggap yang wujud, yang menganggap bahawa negara ini sebagai antara negara pertama yang memperkenalkan teleperubatan ataupun sekurang-kurangnya negara pertama yang mempunyai perundangan teleperubatan. Ada di antara kita pun rasa negara kita yang pertama sekurang-kurangnya dalam developing nations dan mungkin negara yang pertama dalam dunia untuk ada legislation teleperubatan.

Kewujudan teleperubatan boleh dikesan sehingga empat dekad dahulu dan di New Zealand, di mana sistem teleperubatan pertama telah dibentuk dalam tahun 1959. Kedua, perundangan teleperubatan di lain-lain negara adalah sesuatu perkara yang agak biasa.

Adalah wajar diberi perhatian bahawa satu kumpulan kajian International Telecommunication

Union (ITU) mengenai teleperubatan telah menyediakan satu laporan draf yang buat sementara ini bertajuk "Telemedicine and Health Care in Developing Countries", yang setebal 200 muka surat, yang mengandungi penyelidikan mengenai teleperubatan di 60 negara, setengah darinya dalam negara-negara dunia ketiga.

Laporan berkenaan bertanya mengenai apakah dia teleperubatan dan telekesihatan (telemedicine and telehealth) mengkaji mengenai perkhidmatan-perkhidmatan teleperubatan, teknologi untuk penyebaran teleperubatan, kos dan kebaikan cara-cara penyelesaian yang pelbagai, prospek standard sedunia serta membekalkan garis-garis panduan dan cadangan-cadangan kepada negara-negara membangun.

Dari kajian-kajian yang dibuat setakat ini, nampaknya konsep teleperubatan sungguh berbeza di negara-negara membangun berbanding dengan konsep di negara-negara maju. Sementara para practitioner di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun bercakap mengenai megabit sesaat, asynchronous transfer mode (ATM) dan berapa tinggi resolusi diperlukan untuk membolehkan sesuatu imej disalurkan dan membolehkan diagnosis berkualiti tinggi dibuat, kebanyakan negara-negara membangun masih tidak mempunyai talian ISDN. Perbincangan mengenai kadar transmisi lebih dari 9.6 kilobit sesaat tidaklah selaras dengan realiti rangkaian yang sedia ada. Di Afrika, banyak klinik dan hospital di kawasan-kawasan hulu dan luar bandar tidak memiliki sebarang kelengkapan komunikasi, jangan dibangkit lagi mengenai keperluan kelengkapan sophisticated atau canggih untuk membolehkan video-conferencing dijalankan.

Ini membangkitkan persoalan sama ada teleperubatan merupakan permainan atau satu toy yang tidak dapat ditanggung oleh negara-negara membangun - sekurang-kurangnya buat masa ini.

Sudah tentunya Malaysia tidak boleh dibandingkan dengan negara-negara mundur dan miskin di Afrika, tetapi ini juga tidak bererti kita telah mencapai tahap canggih negara-negara maju dalam segi kecanggihan serta pencapaian infrastruktur telekomunikasi dan pembangunan sehinggakan kita boleh mengabaikan persoalan lebih besar mengenai dasar sosial dan bagaimana teleperubatan dapat dipasang ke dalam senarai prioriti negara kita.

Tidak siapa yang harus menentang teleperubatan, tetapi kita mestilah cermat mengenai apakah jenis teleperubatan yang sesuai dan wajar

untuk Malaysia pada tahap pembangunan kita masa kini.

Wujudnya banyak jenis perkhidmatan teleperubatan, tiga kategori utama adalah audio, visual (pengaliran imej) dan data, dan beberapa subkategori wujud di antara setiap kategori ini. Maka, telefon membolehkan perundingan di antara profesional penjagaan kesihatan di sebuah klinik kawasan luar bandar dan seorang pakar beratus kilometer di sebuah hospital kawasan bandar. Perundingan secara telefon ini merupakan juga sejenis dari teleperubatan, sama seperti penyelidikan virtual reality di Eropah atau Amerika Syarikat.

Malah, Amerika Syarikat pun tidak boleh mengabaikan persoalan dasar sosial sungguhpun sebuah negara yang begitu kaya. Inilah sebabnya mengapa Laporan Teleperubatan United States' Federal Communication Commission, satu jawatankuasanya ialah Telecommunications and Health Care Advisory Committee pada Oktober 1996 telah kemukakan hasil kajian yang berikut, dengan izin:

#### **Telemedicine**

Telemedicine projects undertaken in rural areas show that telemedicine technology improves the delivery of healthcare, increases access to healthcare professionals and specialists, and increases access to the latest technology.

#### **Infrastructure and Cost**

Rural Telemedicine efforts are hampered, dalam US pun, are hampered by a lack of telecommunications infrastructure and the high cost of using existing infrastructure. Thus, the existing rural infrastructure should be upgraded and the cost of telecommunications services be made more affordable.

#### **Effect on Rural Areas**

New entrance are likely to focus their investments on areas where profit margins are greater than in rural areas.

Ini dalam United State, sama seperti pengguna komputer-di lain-lain tempat, penggunaan IT serta lebuhraya maklumat di dalam perubatan boleh menuju kepada satu atau dua arah. Ia dapat digunakan untuk memperkukuhkan cara pengendalian tradisional dengan mengotomasikan prosedur serta tugas masa kini, ataupun ia dapat mengatasi sekatan-sekatan lama yang sedia ada untuk mencari cara baru mencapai matlamat-matlamat yang lebih besar.

Adalah agak tidak bernasib baik bahawa kita dalam Malaysia tidak menggunakan kemungkinan yang pertama dengan sepenuhnya, how to put the knife atau outomedise tradition method sementara tidak tentu arah dalam kemungkinan yang kedua ini.

Biar saya bangkitkan satu contoh. Doktor kini semakin berada di bawah tekanan untuk menambahkan pesakit yang mereka rawat setiap hari, menyebabkan para pesakit merasa sungguh tidak puas hati kerana tidak diberikan masa yang secukupnya oleh doktor-doktor mereka. Ini menyebabkan masa menunggu giliran janji temu yang lama, masa menunggu di dalam klinik sebelum berpeluang diberi rawatan dan perasaan umum yang tidak puas hati bagi pihak doktor serta pesakit.

Satu faktor yang menyebabkan masa defisit ini adalah maklumat pesakit ataupun kekurangan maklumat pesakit. Hari ini, para doktor tidak dapat mengakses ke atas maklumat pesakit-pesakit mereka dengan mudah, kebanyakan dari maklumat ini disimpan dalam bentuk arkib kertas bertulis. Maka para doktor ataupun pembantu pejabat ataupun jururawat mereka bukan sahaja perlu mencari fail-fail kertas, mereka juga terpaksa memastikan kandungan tulisan tangan yang menceritakan rekod lama keadaan pesakit mereka. Masa dibazirkan di dalam kerja-kerja mengenalpasti apa yang telah berlaku di antara lawatan sebelum ini dengan keadaan masa kini melalui penceritaan mulut serta ingatan pesakit. Sekiranya mereka pernah berjumpa dengan spesialis untuk sesuatu keadaan, maka spesialis berkenaan biasanya tidak akan dapat dicapai untuk dirunding mengenai hasil lawatan pesakit berkenaan dan rekod-rekod seseorang spesialis biasanya tidak dapat dicapai oleh primary-care physician. Semua ini menyebabkan doktor yang merawat seseorang pesakit tidak memiliki maklumat yang secukupnya, ataupun masa dibazirkan untuk mencari dan menyambung semula rekod pesakit.

Di Amerika Syarikat, yang juga sama keadaannya di Malaysia, sebelum tahun 1980an, industri penjagaan kesihatan menghadapi masalah kekurangan perspektif mengenai bagaimana menguruskan perawatan pesakit. Sistem berkenaan hanya berdasarkan ke atas jenis perkhidmatan yang diperlukan oleh pesakit. Lebih banyak perkhidmatan yang diperlukan, maka lebih tinggilah kos rawatan dan lebih banyak bayaran yang dikenakan oleh profesional dan institusi perubatan yang terlibat. Ini membawa kepada penumpuan ke atas menjalankan

ujian-ujian, rawatan-rawatan dan terapi-terapi yang naik kosnya tanpa memberi perhatian yang secukupnya ke atas kesihatan dan kepuasan pesakit terlibat. Tidak wujud juga konsep nilai perkhidmatan yang ditawarkan.

Di Amerika Syarikat, keadaan ini mula berubah dalam tahun 80an di mana syarikat-syarikat yang membekalkan faedah perubatan hendak mengawal kos penjagaan kesihatan yang semakin menaik dan komuniti penjagaan kesihatan beransur-ansur mendapati bahawa rawatan pesakit boleh diperbaiki lagi melalui pembangunan IT.

Pertukaran ini melibatkan tumpuan rawatan ke atas pesakit sebagai seorang mausia 'as a whole person'. Inilah satu pendekatan ialah dengan izin, this part involve focusing treatment around the passion as a whole person. Diagnosis, rawatan dan tempoh menyembuh untuk masalah-masalah perubatan akan berasaskan ke atas keperluan menyeluruh seseorang pesakit, kesejahteraan persekitaran serta emosi seseorang pesakit serta masalah kesihatan segera beliau atau dengan izin, the diagnosis treatment and recuperation for medical problem will be base on a person totally his or her emotional an environmental well being as well as immediate of problem.

Kunci ke atas rawatan berbentuk baru ini akan bergantung ke atas maklumat 'information'. Para doktor akan memerlukan semua maklumat mengenai keadaan fizikal dan emosi masa lepas, kini serta masa depan pesakit-pesakit mereka, serta latar belakang mengenai persekitaran kehidupan beliau. Ini memerlukan akses yang cepat dan boleh dipercayai mengenai rekod dan diagnosis lain-lain pembekal perubatan serta pakar-pakar yang bekerja secara langsung dengan pesakit berkenaan, ataupun sesiapa pun yang dapat membekalkan maklumat berdasarkan keperluan yang sama.

Sumber-sumber maklumat ini kini berada dalam bentuk teknik dan teknologi lama. Fail-fail kertas, sistem-sistem komputer stand alone, telefon dan X-ray dapat membekalkan banyak maklumat. Sungguhpun secara teori adalah mungkin untuk membentuk profil dan maklumat berkaitan seseorang pesakit yang menyeluruh melalui teknik-teknik lama ini, tetapi adalah langsung tidak mungkin sebenarnya untuk melakukan semua ini memandangkan kekurangan pekerja-pekerja sokongan dan masa untuk melaksanakan semua kerja-kerja ini.

Sistem komputer rangkaian atau network computer system dapat melaksanakan kerja-kerja ini



dengan mudah, mengumpul dan menyatukan semua maklumat yang diperlukan dalam masa yang sungguh singkat. Bukan sahaja physician boleh mendapat akses ke maklumat dari berbagai sumber rekod-rekod hospital, klinikal serta profil demografik, tetapi semua maklumat yang direkod mengenai pesakit berkenaan dalam tempoh seminggu, setahun ataupun lima tahun yang lepas dan semuanya adalah tepat serta boleh dicapai, membolehkan penjagaan yang berterusan dan bukannya reaksi berasingan setiap kali masalah timbul.

Tetapi adakah ini mula dilakukan di Malaysia supaya kita boleh mendapat kebaikan dari pembangunan IT dan bukannya hanya menumpukan masa ke atas tajuk-tajuk esoterik mengenai teleperubatan ataupun telesurgery?

Di Amerika Syarikat, baru-baru ini telah dibuktikan bahawa teleperubatan membolehkan doktor-doktor yang diasingkan sejauh 50 batu untuk melihat dan membincang serentak imej-imej ultrasound jantung seorang baby. Adakah Malaysia memerlukan tahap teleperubatan yang sebegini?

Presiden Kesatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. Abdul Hamid, yang dijemput sebagai panelis di Forum Rang Undang-undang Siber Parlimen yang diadakan oleh Jawatankuasa IT Parlimen pada 25hb. April 1997 pernah dengan terang-terangnya menyuarakan reservation MMA mengenai pembangunan teleperubatan di Malaysia khasnya berkaitan dengan relevannya untuk mencapai keperluan penjagaan perubatan dan kesihatan rakyat Malaysia.

Sebagaimana yang dikatakan oleh beliau di dalam forum berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai tinggi dalam Kementerian Kesihatan suka berkata bahawa pembangunan perubatan dan kesihatan di Malaysia sungguh maju sehinggakan setiap lima kilometer di merata negara, kita akan dapat mencapai sebuah pusat kesihatan ataupun seorang doktor. Saya tidak tahulah sama ada ini boleh dipakai di Sabah dan Sarawak, tetapi tidak kira bagaimanapun, walaupun di Semenanjung sendiri, persoalan yang perlu dijawab kini adalah sama ada kita memang perlukan teleperubatan untuk kawasan-kawasan ulu sungguhpun kita tahu sesetengah kawasan ulu ini masih tidak mempunyai talian elektrik ataupun telefon!

Profesional kedokteran dan perubatan di Malaysia memang patut merasa khuatir tentang sama ada pembangunan teleperubatan yang bergantung

ke atas pakar-pakar asing ini yang tidak terkawal akan melemaskan atau stifte pembangunan kepakaran perubatan berkelas antarabangsa yang dipelihara dalam negara ini sendiri dalam semua bidang yang berkaitan. Sama ada oleh kerana bergantung kepada foreign expert dengan izin, akan stifte development of home grown world class medical expertise in all areas.

Mengenai pendapat kedua mengenai teleperubatan 'cut cost', bahawa teleperubatan boleh 'cut cost', akan mengurangkan kos dan menyebabkan penjagaan kesihatan lebih murah dan dapat ditanggung kepada rakyat jelata, saya tidak percaya bahawa ini dapat dicapai dalam sepuluh ataupun dua puluh tahun pertama teleperubatan dikenalkan. Dan tidak kira apa perkembangannya dalam tempoh-tempoh ini, ia tidak akan membawa makna yang besar kepada kebanyakan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sama ada kementerian telah menjalankan kajian ke atas aspek kos ini. Dan sekiranya ia adalah wajar supaya kementerian kemukakan hasil kajian dan penyelidikan sebegini untuk pengetahuan umum.

Di Amerika Syarikat, mengikut satu kajian yang dijalankan dalam tahun 1992 oleh sebuah syarikat pengurusan dan rundingan yang terbesar iaitu 'Arther the Little', telah dianggarkan bahawa penggunaan teleperubatan akan dapat mengurangkan kos penjagaan kesihatan sebanyak US\$36 billion, not million dalam negara berkenaan. Kebanyakan dari penjimatan yang dapat dibuat adalah melalui pertukaran maklumat pesakit menerusi bentuk elektronik. Bolehkah kita dapat angka, how much we are going to save. Amerika going to save US\$36 billion oleh kerana teleperubatan, how much are we going to save? Adakah sesuatu kajian atau langsung tidak ada kajian, ikut sahaja?

Apakah keadaan di Malaysia ataupun kita hanya menjunamkan diri dalam bidang teleperubatan tanpa menjalankan sebarang kajian mengenai keadaan tempatan. Dan bila, tentu saya percaya tidak orang yang kata kita boleh 'cut cost'lah untuk apabila kita sampai satu tahap di mana infrastruktur telekomunikasi lebih sempurna barulah kita boleh mencapai target cut cost, tetapi bila, berapa tahun, 2020?

Adakah kita mahu tunggu sehingga tahun 2020 barulah kita boleh lihat bahawa introduction teleperubatan boleh cut cost. Kita perlulah jawapan

sekurang-kurangnya ada konsep, kita harus pun menangani isu-isu teknikal, perundangan serta perubatan yang pelbagai mengenai teleperubatan termasuklah keselamatan pesakit, kualiti perkhidmatan serta liabiliti salah laku atau malpractice liability.

Teleperubatan dan tanggungjawab perubatan. Apabila mengendalikan teleperubatan termasuk telediagnosis dan teleassistance, bagaimanakah kita akan mengkaji komponen-komponen perundangan dan etika-etika liabiliti perubatan. Apabila ada telediagnosis, siapa bertanggungjawab? Bahagian mana dipertanggungjawabkan, contohnya kepada pakar di Amerika dan pakar di Malaysia. How to dispersion atau no dispersionment? Dengan telediagnosis, sebarang liabiliti perubatan merupakan satu risiko yang besar. Bagaimanakah kita dapat memastikan satu pengenalpastian liabiliti perubatan yang terlibat dalam kos kerosakan?

Dari sudut perundangan, rang undang-undang teleperubatan ini tidak menyentuh soal penyebaran liabiliti (distribution of liability). Tidak ada sebut langsung dalam Rang Undang-undang Teleperubatan. How is liability going to be distributed? Bagaimanakah kita dapat memastikan telediagnosis ini akan dijalankan secara penuh ketelusan dan apakah langkah yang akan kita ambil - full transparency oleh kerana ini mustahak, kalau kita mahu pinned-down distribution of liability.

Di Amerika Syarikat pun, tidak wujud cara pada masa kini yang membezakan di antara jumlah tindakan perubatan yang berdasarkan cost of record image dan kos menginterpretasi imej atau untuk lebih jelas, dengan izin, even in the United State, there is no method at present to establish a separate amount for a medical act based on the cost of the image records and the cost of image interpretation. Bagaimana akan ditunjuk cost of image record and the cost of image interpretation? Dan mungkinlah cara tunggal ialah melalui kontrak, yang paling senang sekali adalah kontrak yang serupa dengan kontrak biasa, semacam sekarang kontrak biasa di antara makmal-makmal yang mengatakan bahawa liabiliti terletak di atas practitioner yang menerima sample berkenaan. Adakah jenis model ini akan diikuti oleh kita?

Pada masa depan lain-lain obligasi perundangan mungkin akan muncul apabila telediagnosis semakin maju. Hasil dari pergantungan yang semakin banyak ke atas telediagnosis ini, akankah wujudnya obligasi perubatan untuk menggunakan teknologi yang terkini. Adakah oleh kerana telediagnosis,

mengadakan satu implicit terms bahawa you must have the latest technology, otherwise, kalau tidak, kenapa ada telediagnosis tetapi sebaliknya pun ada masalah? Oleh kerana sebaliknya pengguna-pengguna telebantuan yang berlebihan (excessive teleassistance) pada masa-masa bukan kecemasan ataupun kekurangan kemudahan perubatan adalah bahaya kerana ia akan melibatkan integriti dan kualiti amalan ini. Oleh kerana ada dua aspek, adakah kita bincang dan kaji dengan mendalam mengenai masalah ini - the opposite effect, the opposite problem. Whether the excessive use of teleassistance when there is neither emergency nor medical isolation is dangerous because it affects the integrity and the quality of the Medical Act.

Isu-isu perundangan yang lain pun boleh berbangkit mengenai malpractice liability semacam masalah-masalah utama dalam conceptualization legal dalam bidang telemedicine, dengan izin, where is the patient? Where is the doctor? If the telemedicine doctor in one country, treats a patient in another country in which country is the transaction occurring? Which country's court will have the jurisdiction in the case of the lawsuit? What controls are there for securing medical accountability for out-of-country physicians wanting to practise telemedicine from another country? Bagaimana kita kalau ada malpractice liability yang dilakukan oleh seorang pakar di Mayor Clinic, bagaimana kita boleh dia ke Malaysia? Bolehkah? Adakah kerajaan fikir mahu extra territorial treaty dengan United States of America. Bolehkah kita dapat satu penjelasan? Kalau tidak, bagaimana kita akan enforce, menguatkuasakan undang-undang ini di mana satu foreign practitioner telemedicine boleh bertanggungjawab kepada undang-undang kita. Bagaimana? Kalau tidak, bukankah ini bererti peruntukan-peruntukan kosong sahaja?

Lagi satu soalan atau satu isu, bolehkah Malaysia memilih untuk pergi ke mahkamah Amerika Syarikat untuk ambil tindakan undang-undang terhadap practitioner kalau ada mengakibatkan apa-apa cedera atau kerosakan? Kalau boleh tentulah ini akan menjadi pilihan semua rakyat Malaysia oleh kerana mahkamah-mahkamah di Amerika Syarikat boleh dapat damages begitu tinggi, bukan sahaja beratus ribu ringgit, berjuta-juta dan berpuluh-puluh juta ringgit yang tidak ada dalam British base legal system. Di British base legal system the owner of proof is so unfavourable kepada pesakit-pesakit sehingga sangat sukar untuk ambil tindakan kecuai terhadap doktor-doktor atau practitioners yang sebenarnya cuai, tidak bertanggungjawab

tetapi di Amerika Syarikat sangat berlainan sistem litigation, rules of litigation lain. Adakah oleh kerana sekarang kita globalisation telemedicine kerajaan akan membenarkan ada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang untuk membenarkan rakyat Malaysia pergi court di Amerika, gunakan sistem Amerika untuk sue practitioner di Amerika yang menjadi practitioner teleperubatan dan kalau boleh mungkin Yang Berhormat dari Jelutong pun mahu meminta boleh admission kepada American Bar.

Inilah rang undang-undang siber yang ketiga dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan kita sudah tunjuk kita sokong undang-undang siber oleh kerana kita perlu undang-undang siber, kita masuk satu era siber yang baru, cyber age tetapi saya mahu mengambil peluang ini untuk mencatat protes yang sekeras-kerasnya terhadap cara Cyber Bill dikemukakan dan dibahas di dalam Dewan yang mulia ini di mana tidak langsung tunjuk hormat bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen, bahkan kepada rakyat di Malaysia. Teguran-teguran yang saya beri terhadap Digital Signature Bill - empat kelemahan besar - semua boleh digunakan mengenai Rang Undang-undang Teleperubatan. Apakah keempat-empat teguran itu?

Yang pertama, ia digubal tanpa public consultation dan input. Ini pun tanpa public consultation dan input, bukan sahaja rakyat jelata tidak dirunding, Malaysian Medical Association pun tidak diminta memberi pandangan. Kenapa? Kenapa berjalan begitu rahsia, the curb of secrecy dan kita patut faham mereka dalam Kamar Peguam Negara, mereka dalam Kementerian-kementerian dalam era IT, the curb of secrecy cannot stand, cannot hold anymore, change your mind. Tukar sikap. Kerajaan patut bagilah satu mesej kepada semua kakitangan dan pegawai tinggi di dalam civil service kita. Kalau negara mahu masuk IT mereka mesti tukar fikiran dahulu, kalau mereka tidak tukar fikiran, mereka menjadi handicapped, halangan kepada negara masuk era IT.

Teguran yang kedua terhadap Rang Undang-undang Teleperubatan pun tanpa perspektif pengguna-pengguna. Adakah perspektif pengguna-pengguna diadakan? Tadi, saya ada beri hujah-hujah mengenai social policy di mana keutamaan patut diberi kepada kepentingan orang biasa. Adakah orang-orang di kawasan-kawasan terpencil akan dapat faedah daripada ini?

Ketiga, sikap Kamar Peguam Negara yang tentulah tidak mahu setuju dan tidak menerima apa-apa pandangan atau pindaan-pindaan Yang

Berhormat dari Kepong. Adakah kerajaan rela untuk enter into a constructive debate atau sikap, itulah kita all knowing, baik tidak baik tidak terima.

Keempat ialah oleh kerana menafikan rakyat jelata satu peluang untuk bincang semua aspek masalah teleperubatan, masalah-masalah yang saya kemukakan patut menjadi tajuk-tajuk extensive debate di negara kita sebelum kita membahas rang undang-undang ini.

Rang Undang-undang Teleperubatan berbeza daripada Rang Undang-undang Computer Crimes dan Rang Undang-undang Digital Signature. Saya tidak begitu banyak pertikaian dengan the drafting language of the Bill oleh kerana masalah yang saya pertikaikan ialah mengenai social policy. Tetapi, drafting language, drafting direction pun ada tetapi tidak seteruk semacam Computer Crime Bill atau lebih dahsyat Rang Undang-undang Tandatangan Digital. Itu langsung the worst bill possible you can see. Kita malu, kita mahu be proud of best cyber law, kita malu, the worst cyber law in the world will be the Digital Signature Bill.

Sebenarnya semalam saya dapat satu E-Mail daripada Amerika, seorang expert dalam digital signature. Saya ada tanya dia, dia pun beri pandangan yang sama. Tidak perlu kita terikat kepada teknologi, apa-apa teknologi. Kita teknologi neutral tetapi bolehkah kita dapat menteri, timbalan menteri atau sesiapa yang bertanggungjawab mengenai rang undang-undang ini berdiri untuk berbincang dengan bermakna. Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri - Digital Signature Bill - berdiri apa pun tidak tahu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sekurang-kurangnya akan master the subject dan dalam jawapannya tunjukkan kali yang pertama khasnya dalam sesi ini, she knows the subject dan bukannya 'parrot' sahaja untuk civil servant dalam Ministry of Health. Kita mahu ahli-ahli Parlimen, kita mahu menteri masters of policy dan bukan servant of the government servants in this House. Kita perlu - dalam sini boleh bincang apa rang undang-undang, apa pindaan yang baik dan tidak baik. Kita putuskan, bukan civil servants putuskan, kalau civil servants putuskan kenapa mahu Dewan Rakyat? Kita mahu menteri dan timbalan menteri ada kewibawaan, ada pengetahuan, mastery of the subject di mana kita boleh bincang. Baik terima, tidak baik tolak. Bukan tunggu itu note dari belakang, tolak, tolak! hentam, hentam! Kata itu kita akan ambil kira, kata ambil kira. Ini kita tidak mahu, kita tukar.

Let's have a change, menteri, timbalan menteri

berdiri on their own merit and not stray or follow up the public servant of the people. Saya harap bahawa Timbalan Menteri akan memberi satu prestasi yang cemerlang supaya beliau boleh memberi satu prestasi yang cemerlang, saya boleh bersetuju dia diberi masa dua hari, tiga hari mungkin hari Isnin boleh beri jawapan yang lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu bukan tertakluk kepada apa Yang Berhormat hasratkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada lagi yang lain hendak ambil bahagian dalam perbincangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya hasrat, apa yang saya kemukakan saya rasa merupakan a cry of the country for minister who knows what they are doing, deputy minister who knows what they are doing, and not just mindless minister and mindless deputy minister. Itulah masalah kita dalam Dewan yang mulia ini. Unthinking ministers and unthinking deputy ministers who don't know their subject or won't allow to master their subject, kita mahu change. When cyber law starts let's have a change from now. Let's have a change from now!

Saya harap kita serius dalam semua rang undang-undang, this bill Copyright (Amendment) Bill, also cyber law. Saya dapati Setiausaha Parlimen, Ahli Parlimen dari Bandar Tun Razak bertanggungjawab mengemukakan Copyright (Amendment) Bill, itu horror, dia tidak faham langsung apa 'copyright copywrong' dia langsung tidak faham, dia mahu bertanggungjawab datang ke Dewan ini untuk mengemukakan dan bertanggungjawab atas Copyright (Amendment) Bill. Saya harap dia tidak datang. Kita tahu kita tidak ada seorang menteri, sekarang dia mahu pergi Selangor oleh kerana tiada orang yang bersih dalam Selangor yang mampu, tiada orang UMNO Exco member, UMNO Assemblyman yang bersih atau honours yang mampu, sebab itu kita perlu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pergi Selangor, itu malulah. Malu untuk UMNO Selangor. Tetapi sekurang-kurangnya saya harap, kalau bukan timbalan menteri tetapi acting minister, saya percaya acting minister ialah Minister of Entrepreneur akan mengambil masa dua tiga hari untuk master the subject dan datang ke Dewan ini untuk kemukakan Rang Undang-undang Copyright. Kita tidak mahu seorang tidak tahu apa copyright, apa 'copywrong'.

**Seorang Ahli:** DAP 'kopi O'. [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sikap main-main, budak-budak, tahu sahajalah. Itu kita faham, kita terima. I have already discounted such irresponsible attitude.

Sebenarnya di sini menunjukkan satu aspek yang sangat penting. Data protection - saya ada timbul betapa perlu kita ada satu Data Protection Act sebagai satu antara first batch of cyber law untuk Malaysia, oleh kerana kita sudah masuk era telekomunikasi, di mana semua maklumat-maklumat boleh disalurkan melalui channel telekomunikasi dan ini membahayakan right of privacy. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dalam jawapannya ada kata bahawa kerajaan akan menimbang mengenai satu Privacy Protection Act, saya rasa kesal bahawa ini tidak dibuat atas inisiatif kerajaan dahulu. Sekarang pun tidak tahu dia serius atau tidak serius. Ini sangat mustahak, apabila kita bincang mengenai Rang Undang-undang Teleperubatan, khasnya oleh kerana dengan computerization medical record, khasnya dengan teleperubatan, sungguhpun ini akan bererti satu sistem health care delivery system yang lebih efisien sungguhpun lebih mahal, tetapi ia akan mengancam hak privacy.

Sebagai contoh, data-data mengenai medical, perubatan dan kesihatan, apabila sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut dalam ucapannya satu hari mungkin daripada rumah kita boleh dapat treatment. Sungguhpun ini dari rumah atau mana-mana, semua data-data dalam sistem elektronik, sama ada ada network, hospital-hospital dan lain-lain akan membangkitkan dengan izin, a flood of medical information over the cyber wave. Ini sangat berbahaya, oleh kerana sebagai contoh majikan mungkin boleh dapat maklumat-maklumat, seseorang mungkin ada tendency, possibility dapat kanser, lima tahun, 10 tahun oleh kerana boleh access maklumat private medical. Kalau begitu, dia mungkin cari peluang untuk memberhentikan kerja, cari sebab untuk memberhentikan pekerja itu oleh kerana kalau tidak lagi lima tahun, 10 untuk atas kontrak dia akan bertanggungjawab untuk membekalkan medical cancer care lama, mahal. Inilah membahayakan masa depan sesiapa dan juga back to privacy.

Sebab itu bukan sahaja kita perlu satu Privacy Data Protection Act, saya ada sebut bahawa kita akan cuba mendrafkan satu draf Privacy Data Protection Act, tetapi kita perlu lagi satu act mengenai data information. Di sini dengan serius saya akan

bercadang bahawa kita perlu satu Medical Record Privacy Protection Act, dengan izin, to ensure personal privacy with respect to medical record and health related information. Ini mustahak, oleh kerana maklumat mengenai medical care and health status sekarang oleh kerana sistem elektronik lebih mudah dapat diakses, dan kalau ini berlaku tentulah hak tradisional pesakit-pesakit mengenai privacy sudah eroded, terjejas, yang pertama. With regard to information about medical care, dengan izin, and health status, the traditional right of privacy health by patient is being eroded. Itulah isu yang serius.

Yang kedua, the erosion of the right of privacy is reducing the willingness of patients to confide in physician and other practitioners and thus jeopardizing quality health care. Itu pun kita perlu ambil ingat.

Ketiga, the right of privacy with regard to personally identify health information demand and health information can only be disclosed in whole or in part if the individual fully informed and voluntarily consent or only in rare cases where there is specific overriding and compelling public interest. Inilah kita perlu ambil perhatian yang serius, kita perlu satu Medical Record Privacy Protection Act, sekurang-kurangnya untuk mencapai tiga tujuan.

- (i) recognise that individual possess a right of privacy with the respect to personally identifiable health information;
- (ii) provide that this right of privacy may not be waived in the absence of meaningful notice and informed consent; and
- (iii) provide that in the absence of an express waiver the right to privacy may not be eliminated or limited access by the Act.

Ini satu perkara yang serius, mungkin Parliamentary IT Committee yang ada ditubuhkan dan ada menganjurkan satu Parliamentary Cyber Forum, mungkin perlu fikir mengadakan satu a full day conference mengenai data protection. Kalau ini diterima oleh Parliamentary IT Committee, saya harap bahawa Kamar Peguam Negara, semua kementerian-kementerian yang berkenaan dan semua badan yang berminat dengan isu data protection boleh memberi kerjasama untuk menjayakan satu lagi conference Parliamentary IT Committee on data protection. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Telok Kemang.

5.25 ptg.

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberi kepada saya untuk berbahas di bawah Rang Undang-undang Teleperubatan 1997. Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi tahap perubahan total paradigmshift dalam semua bidang. Negara ini telah pun berubah daripada taraf sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian, malah menuju ke arah negara teknologi maklumat. Tidak lama lagi Perdana Menteri kesayangan kita akan meletakkan batu asas bagi pusat Koridor Raya Multimedia di Putrajaya. Kewujudan MSC dari Menara Berkembar Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, termasuk Siberjaya dan Putrajaya adalah lambang penujuan negara kita ke arah pembangunan teknologi maklumat yang amat tertinggi di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedar satu daripada tujuh industri aplikasi multimedia yang telah dikenal pasti untuk tujuan pembangunan menjelang tahun 2000 bagi menggiatkan pertumbuhan MSC dan seterusnya mempercepatkan kemajuan negara ke arah kepimpinan era maklumat ialah dalam bidang teleperubatan. Kerajaan berharap melalui aplikasi teleperubatan, teknologi multimedia akan diserapkan ke dalam sistem rawatan kesihatan di negara kita termasuk pendidikan jarak jauh dan penyelidikan dan pembangunan kesihatan. Sistem teleperubatan telah berjaya digunakan secara berkesan di beberapa negara seperti di Australia, di mana penduduk negara itu hidup di kawasan pedalaman dan terpencil daripada kawasan pekan dan bandar. Di sana pengamal perubatan dan doktor pakar yang mempunyai pendaftaran dan tanggungan insurans perubatan mengamalkan sistem perubatan ini dengan cara ini mengamalkan perubatan daripada kawasan terpencil dan pedalaman dan mempunyai kemudahan rujukan dengan doktor pakar di pekan ataupun di bandar besar dengan mudah untuk mempercepatkan rawatan yang berkesan dan secara pantas. Tetapi bagaimanakah keadaan di negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, purata bilangan doktor yang terdapat di negara kita adalah seorang doktor bagi setiap 2,063 orang penduduk. Terdapat seramai lebih kurang 10,000 pengamal perubatan yang didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia, 45% daripada jumlah doktor ini bertugas di hospital-hospital kerajaan dan merawat lebih kurang 70% hingga 75% daripada jumlah bilangan pesakit di negara kita. Kerajaan bercadang untuk

menambahkan lagi bilangan doktor supaya menjadi kadar seorang doktor bagi setiap 1,500 orang penduduk sebelum tahun 2000. Bagi mencapai keadaan ini, negara kita memerlukan 4,000 hingga 5,000 orang doktor lagi dalam tempoh berkenaan dan keperluan ini perlu dipenuhi dalam masa kurang daripada empat tahun lagi. Pada masa kini, Majlis Perubatan Malaysia sedang mendaftarkan lebih kurang 500 orang doktor pada setiap tahun sahaja. Dengan kadar ini, ia akan memakan masa lebih daripada 10 tahun untuk kita mencapai target kita.

Saya ingin tahu di sini adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan khas untuk menambahkan bilangan doktor yang begitu ramai yang diperlukan oleh negara kita dalam masa yang begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua, kadar purata doktor di negara berbeza dari kawasan ke kawasan di negara kita. Terdapat seorang doktor bagi 500 orang penduduk di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, berbanding dengan seorang doktor bagi 3,800 orang penduduk di kawasan luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak.

Jadi, saya berasa bahawa hanya menambahkan bilangan doktor di negara kita sahaja tidak memadai untuk menambahkan kemudahan perubatan di kawasan luar bandar, malahan pengagihan bilangan doktor yang seimbang mengikut kawasan juga perlu diutamakan. Adakah kerajaan telah mengenalpasti sebab-sebab pengamal perubatan enggan berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan boleh memberi kemudahan tambahan seperti special hardship allowance, membina kuarters dan juga memperkenalkan kemudahan teleperubatan di kawasan luar bandar, bukan sahaja hanya untuk tujuan rawatan, tetapi juga untuk menyediakan kemudahan Pendidikan Jarak Jauh bagi meningkatkan lagi mutu profesion mereka dari masa ke semasa.

Bagai pengamal perubatan persendirian pula, insentif yang lebih menarik seperti membantu mereka menyediakan kemudahan peralatan teleperubatan dan juga latihan boleh disediakan untuk menarik minat mereka ke kawasan luar bandar bagi menawarkan perkhidmatan mereka di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya dikatakan di negara kita bahawa kemudahan perubatan terdapat dalam lingkungan 5 kilometer daripada tempat

tinggal kita bagi penduduk negara kita. Walau bagaimanapun, kajian yang pernah dijalankan oleh Persatuan Perubatan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 1995 menunjukkan bahawa lebih daripada 40% ladang-ladang di negara kita terdapat lebih jauh daripada 5 kilometer ke klinik bidan yang terdekat, 23% daripada ladang ini terletak lebih daripada 10 kilometer untuk ke klinik pusat kesihatan dan 43% daripada ladang-ladang ini pula terletak lebih 20 kilometer daripada hospital terdekat.

Bagi kemudahan perubatan di ladang-ladang hanya 15% mempunyai kemudahan hospital kumpulan atau hospital ladang. Hospital-hospital ini pun bukan mempunyai segala kemudahan perubatan yang lengkap, hanya beberapa estet besar sahaja menyediakan pegawai perubatan untuk bertugas di estet.

Mengenai pembantu perubatan hanya 15% sahaja yang terdiri daripada Pembantu Perubatan Gred 1, 67% daripada ladang-ladang ini tidak mempunyai kemudahan pengangkutan kecemasan untuk pekerja atau tanggungan mereka keluar untuk mendapat rawatan di hospital-hospital atau klinik di bandar. Kemudahan imunisasi, postnatal care serta kemudahan kesihatan kanak-kanak dan keluarga pula tidak terdapat langsung di ladang-ladang. Klinik dan hospital-hospital ladang masih lagi di bawah pengelolaan Kementerian Sumber Manusia. Bilakah klinik-klinik ini dan hospital-hospital di estet seperti ini akan dibawa dan dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan?

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya menetapkan tahap standard minimum untuk hospital dan klinik-klinik estet. Pembantu perubatan di ladang-ladang juga perlu diberi latihan yang sewajarnya. Jadi, apakah cadangan kementerian untuk mengambil alih pengendalian semua hospital di ladang-ladang dan para majikan estet juga dipertanggungjawabkan bersama untuk membiayai kos pengendalian klinik-klinik dan hospital ini?

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Teleperubatan 1997, saya mencadangkan bahawa Kementerian Kesihatan boleh mewajibkan majikan ladang-ladang besar dengan ramai pekerja mengadakan kemudahan teleperubatan supaya pembantu perubatan yang bertugas di estet atau di klinik-klinik pedalaman akan mengamalkan perubatan yang berkualiti kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rang Undang-undang Teleperubatan yang ada di hadapan kita

ini, perakuan untuk mengamalkan teleperubatan boleh dikeluarkan kepada seorang pembantu perubatan, jururawat atau bidang berdaftar apabila permohonan itu dibuat oleh seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dan juga pengamalan perubatan tersebut adalah di bawah pengawasan, arahan dan kuasa seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh.

Tuan Yang di-Pertua, pembantu perubatan, jururawat atau bidan berdaftar pada masa kini pun sedang mengamalkan perubatan di bawah pengawasan dan arahan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh, tetapi tidaklah perlu bagi mereka untuk mempunyai perakuan pengamalan perubatan tahunan. Maka saya ingin tahu sebab apakah perlunya seorang doktor memohon perakuan amalan teleperubatan untuk membantu perubatan jururawat atau bidan berdaftar yang bertugas di bawah pengawasan dan arahan beliau.

Saya rasa perakuan seumpama ini tidak perlu kerana mereka ini mengamalkan teleperubatan di bawah pengawasan seorang doktor yang berdaftar penuh dan juga tanggungjawab atau liabiliti kesilapan adalah di atas doktor berkenaan. Lagi pun Tuan Yang di-Pertua, perakuan seumpama ini juga diberikan kepada seorang doktor yang dilesan di luar negara jika beliau mengamalkan teleperubatan melalui seorang doktor tempatan yang berdaftar penuh. Saya ingin tahu apakah beza perakuan yang dikeluarkan kepada doktor ini dengan perakuan yang dikeluarkan kepada pembantu perubatan, jururawat atau bidan berdaftar. Jika tidak ada bezanya adakah ini cara yang betul, baik atau adil? Apakah cadangan kementerian jika satu perakuan amalan khas yang mungkin boleh dinamakan sebagai perakuan amalan pembantu teleperubatan dikeluarkan kepada pembantu perubatan, jururawat atau bidan berdaftar untuk membezakan dengan perakuan yang dikeluarkan kepada seorang doktor yang dilesenkan di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap, kita ada usul Yang Berhormat, sila.

#### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

hendaklah diputuskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

#### **RANG UNDANG-UNDANG TELEPERUBATAN 1997**

Perbahasan disambung semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kubang Kerian.

5.40 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita ini bukan doktor, jadi lambat sedikitlah dapat bercakap.

**Seorang Ahli:** Doktor, tak doktor pun best!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah perubatan adalah masalah bersama, doktor atau tidak doktor, kitalah yang paling ramai mengguna kepada perubatan iaitu yang bukan doktor.

Sebarang bentuk teknologi moden untuk perubatan kita akan menyokong, tidak ada masalah bagi kita untuk menentang perkara-perkara baru yang dikemukakan dalam teknologi perubatan untuk improve kesihatan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang saya ingin tekankan iaitu masalah perubatan ini, janganlah pihak kerajaan menjadikannya seperti saingan

perniagaan yang lain. Ia adalah satu perkara yang perlu kepada manusia seperti juga Pasukan Polis, Pasukan Tentera kita dan perubatan juga bukan tempat persaingan perniagaan. Bila didoktrinkan dalam bentuk perniagaan, maka kita lihat sekarang ini berlumba-lumbalah pihak tertentu membuka hospital swasta bukan bertujuan untuk memberi khidmat kepada orang yang sakit, tetapi lebih bertujuan perniagaan. Pihak kerajaan mesti memperbetulkan keadaan arah fikiran ini, kerana masalah kesihatan ini adalah masalah perlu kepada manusia dan bukan masalah perniagaan, bolehlah berniaga perkara-perkara yang lain, seperti masalah kereta, masalah pelancongan, masalah hotel dan lain-lain, tetapi tidaklah dalam bentuk masalah perubatan ini. Perdana Menteri sendiri menegur perkara ini, iaitu wujudnya hospital swasta yang meletakkan katil-katil bertaraf lima bintang iaitu dicaj begitu tinggi, perundingan sahaja sudah dicaj beratus ringgit, duduk seminggu di hospital itu dikenakan bayaran berbelas-belas ribu ringgit, kadangkala orang yang sakit minta bantuan pakar pergi ke hospital swasta, lebih sakit bila dapat bil, bahkan yang sikit-sikit sakit jantung akan sakit jantung dan 'gol' terus, kerana dapat bil, jadi dia terkejut kerana bilnya begitu tinggi.

Sekali lagi kita ingatkan bahawa masalah perubatan adalah masalah perlu kepada manusia dan bukan ia dijadikan satu bahan persaingan dalam perniagaan. Teguran Perdana Menteri hendaklah menjadi ingatan kepada kita, ada perkara yang kita puji Perdana Menteri dan ada yang kita tentang, tetapi masalah ini adalah masalah teguran yang baik iaitu jangan jadikan hospital sebagai tempat hotel lima bintang, di mana dikenakan bayaran yang begitu tinggi, kadang-kadang yang diberi itu hanyalah Panadol.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era IT ini juga kerajaan mesti membuka skop perubatan. Kita lihat sekarang ini yang menguasainya hanyalah perubatan yang berbentuk 'alloparty' iaitu yang dikuasai oleh MMA sekarang, sedangkan tidak ada kepastian ubat mana yang lebih baik, cara perubatan mana yang lebih baik untuk manusia, sebab masalah perubatan ini berlaku sejak dari zaman Nabi Adam a.s. sampai sekarang tidak ada lagi manusia mengatakan 'ini sakit - ini ubatnya'. Tidak boleh kita doktrinkan mesti cara 'allopaty' yang ada sekarang, yang dikuasai oleh MMA. Untuk kita doktrinkan fikiran itu, iaitu kalau sakit mesti pergi ke doktor seperti ini, sedangkan banyak lagi cabang perubatan yang boleh dikembangkan di era IT ini seperti perubatan homeopathy. Perubatan homeopathy di Malaysia

berada di kelas yang cukup bawah, kerana tidak diberi galakan oleh kerajaan, klinik-kliniknya kita lihat dibuka di bawah flat, di celah-celah kedai Kampung Baru, di Pasar Jawa Klang ataupun di Tasek Chenderoh, di pekan yang kecil, menyebabkan homeopathy dipandang rendah kerana tidak ada galakan dan pengajian dalam bidang ini tidak dikembangkan. Tetapi kalau kita lihat di negeri Barat khususnya di England atau Jerman perubatan homeopathy setaraf dengan perubatan-perubatan yang lain, misalnya Queen Elizabeth sendiri dia merawat dirinya di Hospital Homeopathy yang terkenal iaitu Royal London Homeopathy Hospital. Begitulah juga Sultan Brunei yang kaya-raya mengambil perkhidmatan perubatannya di Royal London Homeopathy Hospital di United Kindom. Tetapi di Malaysia ini perubatan homeopathy ini tidak berkembang, barangkali MMA dikuasai oleh golongan yang fikiran mereka satu hala iaitu perubatan secara allopathy.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita harap dalam era IT ini semua aliran perubatan dikembangkan di Malaysia ini, bukan satu arah sahaja mengikut pengajian yang ada di Malaysia sekarang ini, yang mereka ini menguasai dalam bidang MMA untuk memberi sijil kepada doktor atau kepada sesiapa jenis perubatan yang mereka ingat perlu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Begitulah juga perubatan jenis tradisi atau perubatan yang sekarang ini terkenal iaitu perubatan Al-Syifak yang dipelopori oleh Dr. Harun Din dan rakan-rakannya. Ramai menteri misalnya pergi berjumpa dengan Dr. Harun Din untuk meminta ubat cara perubatan Dr. Harun Din. Begitulah juga para-para korporat yang menjadikan Dr. Harun Din rakan mereka untuk mengubati mereka terutama sekali korporat ini ramai yang sakit jiwa, zaman saham jatuh ini lagi sakit jiwa! Jadi, sakit jiwa ini.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Siapa yang korporat?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Termasuk semualah! Saya tidak kata PAS atau UMNO. Ini otak sempit daripada Rompin. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Peraturan Mesyuarat 36 - minta ditarik balik!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Otak luas.



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini sudah melampau.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tarik balik 'otak sempit'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** 'Otak luas'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang betul itu kita puji, seperti semalam soalan 'korporat' yang baik itu kita puji....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sudahlah - sudahlah, fahamlah itu. *[Ketawa]* Jadi, perubahan jenis ini juga perlu dikembangkan, sebab masalah perubahan ini jangan kita tuju kepada satu perkara.

Begitulah juga kita lihat teleperubatan atau telemedicine ini telah berlaku, misalnya bomoh-bomoh jampi melalui telefon, P. Ramlee pernah jampi melalui telefon. Jadi, ini semua kita lihat teleperubatan ini telah berjalan di negeri kita. Cuma kita kembangkan, jangan kita pergi ke satu arah. Begitulah juga perubahan-perubahan tradisi, kita lihat misalnya doktor-doktor kita begitu pakar. Tetapi bila berlaku patah misalnya.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, kawan lama itu!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Jangan panjang sangatlah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat memberitahu iaitu Yang Berhormat menggalakkan perkembangan dalam bidang perubatan ini. Minggu lepas saya dengar satu ucapan dalam televisyen, Yang Berhormat sendiri bercakap bahawa pembangunan atas dunia ini sebenarnya untuk orang bukan Islam, untuk orang kafir. Apakah ini menggambarkan suatu pandangan bahawa fikiran Islam yang dibawa oleh Yang Berhormat itu begitu sempit ataupun Yang Berhormat tidak berucap sedemikian? Saya tengok dalam televisyen ucapan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Dialah yang kepala sempit ini!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Lailahailallah.  
*[Ketawa]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Adakah itu pandangan Yang Berhormat yang sebenarnya ataupun kerana semata-mata hendak curah lepas geram dalam ceramah itu?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** No, dia ambil di situ sahaja. Kita tidak mahu pembangunan yang dinikmati oleh orang bukan Islam sahaja. Kita mahu, kita membangun. Kita tidak mahu seperti di Langkawi, orang Melayu menonton kepada pembangunan. Dengarlah ucapan itu sampai habis, lain kali beli tape! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sedikit lagi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ah, sudahlah. Ramai lagi orang hendak bercakap ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sekali lagi. Satu lagi dalam jalan ceramah itu, saya ada tape Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat mengatakan bahawa sekarang kalau hendak lawan Yahudi tidak payah pergi ke Israel, lawan UMNO sama dengan lawan Yahudi. Betulkah Yang Berhormat berucap demikian? Kalau pandangan Yang Berhormat sedemikian, tidak sama dengan idea Yang Berhormat sebutkan dalam ucapan awal tadi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dia kena berulas panjang, kita tidak boleh ambil ayat itu, kena lihat. Kalau orang yang menyokong Israel, perlu kita tentang orang itu sebab dia telah menjadi sahabat kepada Israel. Itu kena beri satu kuliah 45 minit, baru Yang Berhormat dari Machang boleh faham. Kalau dia faham, dia tak lompat! *[Ketawa]* Sudahlah ya? Saya hendak masuklah ini.

Jadi, misalnya dalam masalah patah.....

**Seorang Ahli:** Masuk mana, masuk Barisan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hendak masuk balik kepada ucapan. *[Ketawa]*

Dalam masalah patah misalnya, kita tahu ada pakar tulang, pakar itu dan pakar ini, tetapi kita lihat doktor-doktor di Malaysia mengambil ahli-ahli perubatan kampung untuk memasukkan tulang itu supaya apabila mereka simen nanti tidak bengkok dan mereka ini masukkan dengan ilmu-ilmu yang ada pada mereka, ilmu saraf yang ada pada mereka dan juga barangkali mereka ada kepakaran tertentu. Kita lihat doktor sendiri memakai teknologi yang ada pada perubatan kampung ini.

Oleh itu, kita harap masalah perubatan ini jangan dihadkan kepada apa yang diluluskan oleh MMA sahaja, iaitu kita mesti melebarkan supaya ia digunakan dan dapat dikembangkan dalam era teknologi ini supaya kita dapat kemudahan untuk pilih perubatan mana yang kita mahu sesuai dengan kita.

Saya sendiri pernah menghadapi sakit saraf yang tidak boleh berjalan. Saya pergi kepada doktor pakar dan dia berilah ubat-ubatnya. Saya pergi juga cara kampung, dia memberilah ubat akar sena, akar itu dan akar ini. Sehingga sekarang bila orang bertanya, akibat apa yang kamu baik? Saya tidak tahu, sama ada daripada doktor pakar itu atau ubat yang diberi oleh bomoh daripada kampung itu. Ini bermakna bahawa masalah perubatan ini adalah masalah yang tidak ada noktah, yang mana yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi-teknologi moden juga sekarang ini kita lihat apa yang dibuat yang dahulunya diceritakan kepada kita, misalnya Nabi Isa a.s. boleh menghidupkan orang yang mati, boleh mengubat orang yang buta dan boleh mengubat penyakit sopak. Barangkali sekarang perkara itu tidak pelik, iaitu orang mati seperti Lenin boleh dihidupkan semula menurut pandangan pakar-pakar sains sekarang ini. Sebab itu, kita harap para ulama segera untuk memberi fatwa-fatwa perkara ini kerana perkara yang diceritakan dalam Quran atau Hadis sekarang ini boleh dilakukan oleh manusia. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan hendaklah selalu mengambil pandangan-pandangan ulama dalam hendak menentukan arus perjalanan Kementerian Kesihatan ataupun perubatan-perubatan baru yang muncul di atas muka bumi ini sama ada ianya sesuai dengan agama kita ataupun tidak.

Klon sekarang ini memang boleh diklonkan. Perdana Menteri kalau kita sayang, kita boleh klonkan sekarang ini untuk dia terus hidup dan Timbalan jenuh tunggu sampai bila-bila. *[Ketawa]* Tetapi syabaslah, pasukan wawasan yang masih selamat sekarang tinggal seorang di depan kita ini *[sambil memandang kepada Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]* dan dia akan selamat terus sampai bila-bila. Empat sudah tumbang. Tuan Yang di-Pertua, itu tidak masuk dalam teleperubatan.....

**Seorang Ahli:** Jackkah?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Betul!

**Seorang Ahli:** Oi, merapu!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Pasukan wawasan semuanya sihat belaka, empat sudah jatuh dan sekarang tinggal seorang, selamat.

**Seorang Ahli:** Klon Mohamad Sabu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak apa, buat klon saya untuk saya lawan dengan UMNO sampai bila-bila.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita harap sungguh peranan para ulama perlu ditanya, perlu diambil perhatian masalah perkembangan-perkembangan teknologi moden ini supaya kita dapat selaraskan dengan kehendak-kehendak Islam.

Kita menuju kepada teknologi moden, kita setuju. Tetapi masalah kelengkapan di hospital-hospital kita mesti diperlengkapkan. Misalnya baru-baru ini, isteri kepada Yang Berhormat dari Marang menghadapi pendarahan otak dan dia dalam keadaan koma di General Hospital Terengganu. Oleh kerana tidak ada kelengkapan untuk membuat pembedahan di General Hospital Terengganu, maka dia dikejarkan segera ke Hospital Universiti Kubang Kerian, Kelantan iaitu hospital universiti kepunyaan Universiti Sains Malaysia, di situ dia dibedah dan sekarang masih lagi dalam keadaan koma walaupun nampak telah beransur pulih.

Soalnya sekarang ialah dia isteri Yang Berhormat, barangkali perhatian agak lebih kepada isteri seorang ahli Parlimen. Tetapi saya ada juga kes, misalnya seorang buruh biasa di kampung saya di Pulau Pinang, kerana kena penyakit leukemia, masuk General Hospital Pulau Pinang. General hospital yang begitu hebat tidak ada pakar untuk mengubat beliau, perempuan ini, si Rogayah ini akhirnya dalam keadaan agak tenat dibawa ke General Hospital Kuala Lumpur kononnya untuk dibedah, tetapi dua minggu dia terlantar di katil, sakitnya makin tenat. Saya bertanya beberapa kali kenapa tidak dibedah, katanya pakar tidak cukup dan bilik pembedahan queue. Akhirnya, si Rogayah ini meninggal dunia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Soalannya, kerana dia ini orang buruh biasa barangkali, dia terlantar di katil lebih daripada dua minggu, tidak ada pembedahan dan dia meninggal dunia. Bagi orang Islam, terutama orang Melayu bila meninggal dunia, dia anggap itu takdir, ajalnya telah sampai, maka tindakan tidak diambil. Tetapi kalau berlaku kepada orang lain, barangkali kepada orang DAP, sudah tentulah dia akan buat pendakwaan terhadap hospital tersebut. Orang-orang Melayu menganggap mudah perkara ini kerana mereka menganggap ia sudah takdir, sudah sampai ajal walaupun ikhtiar untuk mengubat si Rogayah ini pembedahan tidak berlaku kerana pakar tidak ada. Tidak apalah.

Sekarang sudah ada teleperubatan. Pendarahan otak di Hospital Kuala Terengganu boleh dirujuk pakar di Hospital Kubang Kerian atau di General Hospital Kuala Lumpur atau di Hospital Universiti

Petaling Jaya. Soalnya, adakah dirujuk nanti adalah sakitnya atau jenis pesakit? Sebab di sini, ditentukan sama ada keupayaan untuk dia membayar bil. Sudah tentulah yang membimbangkan saya ialah yang dirujuk nanti bukan jenis penyakit, tetapi yang dirujuk ke pakar nanti ialah jenis pesakit, sebab pesakit itu akan ditanya kemampuan dari sudut kewangan. Kalau kemampuan dari sudut kewangan ianya ada, maka dirujuk kepada pakar melalui tele, melalui video ataupun melalui data yang dikirim. Tetapi kalau orang itu adalah orang miskin, tidak mampu membayar wang, maka sudah tentu teleperubatan ini barangkali tidak digunakan terhadap si miskin tersebut. Ini mungkin berlaku dalam era teleperubatan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap sungguh-sungguh supaya perkara ini tidak berlaku di mana perkembangan teknologi moden orang-orang kampung yang majoriti penduduk negeri ini hanya melihat perkembangan teknologi moden ini tetapi mereka tidak dapat menikmatinya. Begitulah juga dalam kerajaan hendak mempertingkatkan keupayaan penggunaan ataupun kualiti ubat-ubat tradisional, saya amat mengalu-alukan. Tetapi pihak Kementerian Kesihatan sekarang ini, misalnya ada pegawai mereka pergi ke tempat orang tua yang telah buat makjun selama 40 tahun, mengarahkan supaya dipindahkan ke kawasan IKS, di kawasan Industri Kecil dan Sederhana di mana tanah-tanah di situ sekaki RM15 untuk dibeli dan didirikan kilang, sedangkan pengusaha ubat tradisional ini mereka hanya masak 2-3 periuk, 2-3 kawah untuk diedar kepada orang yang terdekat ataupun pelanggan-pelanggan lama mereka. Oleh itu, saya harap pihak Kementerian Kesihatan gunakanlah kepakaran yang ada pada mereka, hanya test ubat-ubat tersebut mengatakan ini bahaya, maka perlu dihentikan; ini tidak merbahaya dan boleh diteruskan. Bukannya kerajaan terus mengarahkan mereka untuk berpindah ke IKS di mana tanah-tanah di kawasan IKS ini terlalu mahal. Sebab itulah pengusaha buat makjun, minyak angin yang cukup mujarab, termasuk yang digunakan oleh menteri-menteri, ditutup begitu sahaja kerana tidak kemampuan mereka untuk berpindah ke tempat IKS yang dicadangkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesihatan ini adalah masalah yang besar di hadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar. Bagi kawasan saya, alhamdulillah, kerana ada Hospital Kubang Kerian dan Hospital Kota Bharu yang dekat, tetapi bagi penduduk-penduduk di kawasan lain, mereka memerlukan perkhidmatan kesihatan yang lebih

sempurna. Memang kita akui bahawa kerajaan kita ini selalu sebut kita kaya, ekonomi meningkat, tetapi kita lihat bila kita meminta peruntukan tambahan terhadap Kementerian Kesihatan, selalunya mengatakan kerajaan tidak ada duit. Begitulah juga pengumuman Menteri Pendidikan untuk menutup terus kelas-kelas matrikulasi yang dijalankan sekarang kerana memerlukan belanja yang banyak. Adakah kajian dibuat terlebih dahulu bahawa kelas matrikulasi ini ditutup dari segi untung rugi terutama sekali kepada penuntut bumiputera? Sebab daripada kelas matrikulasi inilah mereka dapat meneruskan pelajaran di universiti, ambil pelajaran kedoktoran, peguam dan sebagainya daripada kelas matrikulasi. Tetapi sekarang, barangkali di atas hujah kewangan dan sebagainya, kerajaan hendak tutup kelas matrikulasi. Kita harap kalau hendak tutup kerana apakah, kajian hendaklah dibuat terlebih dahulu, termasuklah untung rugi jangka pendek dan jangka panjang kepada bumiputera.

Begitulah juga hal penyediaan perubatan ini di desa-desa perlu dipertingkatkan lagi dan kembangkan semua bentuk perubatan dan sebarang teknologi baru ini biarlah memberi faedah kepada umum. Kita tidak mahu bila kita bercakap Teleperubatan, Multimedia Super Corridor, tetapi orang-orang kampung masih lagi mandi air telaga dan tidak tahu masalah perkembangan yang berlaku di bandar kerana mereka tertinggal begitu jauh di luar bandar, seperti di Rompin, Parit Sulong, banyak lagi telaga masih beroperasi di sana, tidak ada lagi paip air. Dan mereka sokong IT itu kadang-kadang sokong untuk hendak bodek menteri, sedangkan di kawasan mereka elektrik, jalan tidak bertar masih lagi teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong segala pemodenan dalam bentuk kesihatan ini dan rasa ragu dengan apa yang diutarakan oleh Ketua Pembangkang tadi, iaitu menggunakan pakar luar negara. Adakah Undang-undang Ekstradisi akan digunakan untuk menghukum pakar daripada luar negara? Semuanya itu saya tidak mahu ulang apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang. Kebimbangan kami, iaitu bila kita guna pakar luar negara, dari sudut penghakimannya ataupun undang-undangnya itu, seperti yang diragukan oleh Ketua Pembangkang, kami juga ragu sedemikian rupa. Sekian.

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Chia Kwang Chye:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tinggal dua orang sahaja.

Tidak ada ahli-ahli yang lain hendak mengambil bahagian, minta berdirilah kalau ada? Jadi, tinggal dua orang sahaja, Yang Berhormat dari Gelang Patah, selepas itu Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan selepas itu Timbalan Menteri akan menjawab.

5.59 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia telah berazam untuk mengejar kemajuan teknologi komunikasi lebuhraya maklumat dan bercita-cita untuk menjadi negara teknologi maklumat yang unggul di dunia.

Hasil daripada itu, pengenalan teleperubatan ini merupakan perkembangan yang tidak dapat dielakkan dan juga satu agenda yang tidak harus kita tangguhkan. Pada masa sekarang komunikasi melalui ruang siber atau cyberspace, dengan izin, bagi tujuan pertukaran dan pengumpulan maklumat terkini telah menjadi perkara biasa dalam bidang perniagaan di negara kita. Namun begitu, teleperubatan nampaknya masih merupakan sesuatu yang begitu baru kepada para doktor kita. Sekiranya pihak kerajaan berhasrat untuk memanfaatkan perkembangan yang terbaru ini kepada rakyat jelata, terlebih dahulu satu rancangan yang sistematik perlu disusun untuk membantu dan memasukkan lebih banyak hospital ke dalam rangkaian yang boleh menawarkan teleperubatan kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa dengan pengenalan teknologi teleperubatan di negara ini, ramai pesakit yang diserang penyakit yang kritikal akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk sembuh dalam masa yang lebih singkat. Ini adalah kerana para doktor tempatan akan dapat berhubung dengan rakan-rakan sejawatan mereka di negara lain untuk menemukan cara rawatan yang paling sesuai bagi merawat jenis penyakit yang serius yang dihadapi oleh pesakit dalam negara kita. Dengan wujudnya teleperubatan, para doktor tempatan akan berkerjasama dengan pengamal perubatan di seluruh dunia dalam menangani sesuatu kes yang kritikal. Pada pendapat saya, perkembangan ini adalah sangat bermakna. Ini adalah kerana ia bukan sahaja akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan perubatan yang dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia tetapi juga akan memperkayakan pengetahuan para doktor kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya berharap para doktor tempatan tidak sahaja berminat untuk mengetahui bagaimana caranya untuk menghubungi pakar-pakar di negara lain untuk mendapatkan rujukan. Pengamal perubatan tempatan harus sentiasa mengambil inisiatif untuk memperdalamkan penguasaan mereka tentang ilmu perubatan supaya doktor-doktor dari negara lain merujuk kes-kes yang kritikal kepada pakar-pakar di Malaysia. Rakyat Malaysia telah mampu menjejakan kaki di kemuncak gunung yang tertinggi di dunia, jadi tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh melahirkan doktor-doktor yang cemerlang dan arif yang dikagumi di peringkat antarabangsa. Kita tidak harus sentiasa menjadi pengguna, kita perlu bercita-cita besar untuk menjadi penyumbang kepada ilmu dan teknologi yang memanfaatkan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berharap pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan yang lebih banyak bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubatan. Kerajaan juga harus merangka strategi untuk menggalakkan lebih ramai pengamal perubatan dan ahli-ahli sains supaya menceburi aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pakar-pakar dari negara asing yang mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyelidikan dan pembangunan berkaitan bidang perubatan harus dipelawa untuk mengetuai pasukan penyelidikan tempatan sekiranya pakar tempatan sukar untuk didapatkan. Di samping itu, pihak swasta juga harus digalakkan untuk turut serta dalam usaha ini dengan menawarkan kepada mereka insentif yang menarik, misalnya, insentif dalam bentuk potongan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang penguasaan ilmu perubatan di kalangan doktor tempatan, pihak kerajaan juga harus memberi perhatian yang sewajarnya terhadap krisis tenaga pengajar perubatan di universiti tempatan. Kita dapat perhatian bahawa krisis tenaga pengajar yang melanda Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah bertambah runcing ke belakangan ini. Terdapat juga laporan yang mengatakan bahawa lebih ramai lagi pensyarah, profesor madya dan profesor yang berpengalaman dijangka akan meninggalkan menara gading untuk berkhidmat dengan pihak swasta. Fenomena ini sekiranya dibiarkan berterusan akan tidak dapat terelak dari menjejaskan kualiti graduan-graduan dalam bidang perubatan yang dikeluarkan oleh universiti-universiti tersebut. Telah terdapat beberapa cadangan

dikemukakan bagi menangani masalah tersebut. Ini termasuklah cadangan supaya membenarkan para pensyarah di fakulti perubatan melakukan kerja sambilan di pusat perubatan swasta bagi menambah pendapatan dan juga desakan supaya mempercepatkan proses pengkorporatan hospital milik universiti.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian nampaknya setakat ini masih belum terdapat sebarang tanda positif yang menunjukkan bahawa satu formula penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak akan dapat ditemukan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menggunakan teknologi yang menyediakan teleperubatan ini untuk mewujudkan telesyarah. Kita sudah biasa dengan istilah telepersidangan atau teleconferencing, dengan izin, jadi saya tidak nampak halangan yang besar bagi kita untuk mewujudkan telesyarah. Sekiranya ini dapat dilakukan, seorang pensyarah atau professor daripada salah satu universiti akan dapat memberikan kuliah kepada semua pelajar fakulti perubatan di ketiga-tiga buah universiti pada masa yang serentak. Tambahan pula, professor perubatan daripada luar negara juga dapat diatur untuk memberikan kuliah kepada bakal-bakal doktor kita. Dengan cara ini saya yakin krisis tenaga pengajar di fakulti perubatan universiti-universiti tempatan akan dapat diredakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi telesyarah juga harus dan sepatutnya diperluaskan penggunaannya kepada semua bidang kursus pengajian kerana saya percaya fakulti-fakulti lain selain daripada fakulti perubatan juga mengalami tekanan ketidakcukupan tenaga pelajar, cuma pada paras yang berbeza. Teknologi telesyarah ini juga amat memanfaatkan negara dalam konteks membantu negara merealisasikan cita-cita menjadi pusat pendidikan cemerlang di rantau ini dan juga memperluaskan peluang warga tempatan untuk menerima pendidikan peringkat universiti. Justeru itu, saya berharap pihak kerajaan dapat turut membuat rancangan dan persiapan yang perlu bagi memaksimumkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat yang canggih dalam apa jua bidang demi kebajikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Teleperubatan juga mengandungi satu fasal yang menyentuh persetujuan pesakit. Memandangkan matlamat muktamad perkembangan teknologi dan sains dalam bidang perubatan ialah untuk meningkatkan kualiti hidup manusia secara amnya

dan meringankan penderitaan para pesakit secara khas, saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil langkah untuk memastikan bahawa tidak akan timbul satu keadaan di mana pesakit tidak bersetuju untuk dirawat dengan bantuan teknologi teleperubatan cuma kerana beliau tidak mampu membiayai kos tambahan. Kemampuan Malaysia untuk menyediakan kemudahan teleperubatan tidak harus dijadikan sebagai satu tanda kemajuan semata-mata. Teknologi teleperubatan di Malaysia tidak harus menjadi kemudahan monopoli golongan berada. Begitu juga, teknologi ini juga tidak harus dihadkan untuk penduduk di kawasan-kawasan bandar besar sahaja. Kemajuan ini cuma akan bermakna jika dan hanya ia dapat membantu mereka yang memerlukan, tidak kira apa jua status ekonomi seseorang itu dan tidak kira sama ada beliau duduk di bandar ataupun di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 ini cuma merupakan satu titik permulaan untuk kita melangkah masuk ke suatu era perkhidmatan perubatan yang lebih maju, tetapi untuk menjadikan teknologi teleperubatan ini benar-benar bermakna untuk pembangunan negara, usaha perlu dilipatgandakan oleh semua pihak untuk memastikan agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh sesiapa jua yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ada sedikit soalan tentang rang undang-undang ini yang mana saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat menerangkan dengan lebih terperinci tentang liabiliti yang bakal timbul terhadap pengamal perubatan berdaftar sementara, pembantu perubatan berdaftar, jururawat berdaftar, bidan berdaftar atau mana-mana orang lain yang memberikan jagaan kesihatan yang dibenarkan mengamalkan teleperubatan.

Yang kedua, peruntukan Seksyen 42 bercanggah dengan Akta Perubatan 1971 yang mana tiada peruntukan dalam Akta Perubatan 1971 untuk pendaftaran tempoh tiga tahun sebagai pengamal perubatan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Yang ketiga, tentang seksyen 4(5) kita perlu mendapatkan nasihat, pandangan atau ubahan daripada pihak Majlis Perubatan Malaysia, sebelum memberikan keputusan muktamad oleh menteri terhadap rayuan daripada mana-mana yang terkilan dengan keengganan Majlis Perubatan Malaysia untuk mengeluarkan suatu perakuan untuk mengamalkan teleperubatan atau dengan pembatalan sesuatu perakuan untuk mengamalkan

teleperubatan, kerana pihak-pihak yang mempunyai kepakaran iaitu daripada MMA, mereka lebih tahu, lebih pakar tentang hal-hal perubatan. Kita wajar menghormati pandangan dan ulasan mereka sebelum menteri memberikan satu keputusan yang muktamad.

Satu lagi ialah tentang seksyen 5(6), kita perlu melibatkan bersama pengamal perubatan asing, bukan kepada pengamal perubatan tempatan sahaja, tentang indemnity kepada pesakit. Kalau kita cuma dari segi undang-undang dalam Rang Undang-undang Teleperubatan ini, cuma pengamal perubatan tempatan yang dikenakan dari segi tuduhan undang-undang adalah tidak adil. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat memberikan keterangan yang lebih lanjut tentang dari segi undang-undang apa tindakan kita boleh ambil terhadap pengamal perubatan asing yang diberikan kebenaran tetapi melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang yang bakal diwujudkan ini.

Dengan persoalan saya itu, dan akhir sekali ada satu soalan lagi, iaitu saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan jika seseorang pengamal perubatan yang didapati melanggar undang-undang dalam Akta Teleperubatan ini, adakah ia pun dikira melanggar undang-undang Akta Perubatan 1971, dan jika dua tuduhan boleh diambil terhadap pengamal perubatan yang melanggar undang-undang, sama ada dalam Akta Teleperubatan atau Akta Perubatan 1971 apakah rasionalnya dan adakah cara tindakan undang-undang yang akan diambil dengan secara adilnya terhadap sesiapa pengamal perubatan yang melanggar undang-undang tersebut?

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Teleperubatan ini, walaupun ini adalah satu rang undang-undang yang baru, memang akan ada pindaan kemudian untuk memperbaiki rang undang-undang ini, dan kita harap kita dapat sama-sama pandang jauh, kita tidak boleh bersikap seperti pihak pembangkang yang tadi saya dengar hujah-hujah dari Ketua Pembangkang yang mana pandangan negatif adalah lebih daripada pandangan konstruktif. Kita harap rakyat jelata tidak berpandangan seperti cara beliau. Kita perlu pandang jauh bahawa kita sedang menuju ke Wawasan 2020. Bila menuju kemajuan memang ada perkara-perkara yang kekurangan yang mana kita boleh sama-sama berusaha untuk memperbaikinya dengan pandangan jauh dan bukan pandangan sempit atau dengan pandangan negatif seperti yang dihujahkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Sekian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Bendera. Selepas itu Timbalan Menteri akan menjawab.

6.20 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya adalah seorang ahli yang pertama berdiri pada hari pertama sehingga hari yang terakhir mengambil bahagian pada saat terakhir. Saya merasa sangat bersyukur kerana sekurang-kurangnya ada peluang membahaskan Rang Undang-undang Teleperubatan ini. Jadi, perkataan *better late than never* adalah tepat pada masa ini. Jadi, secara ringkas saya akan membahaskan tentang rang undang-undang ini, dan berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu sabar dan juga pegawai-pegawai yang masih larat membuat nota-nota. Tetapi saya bernasib baik kerana masih ada sedikit points atau tajuk-tajuk yang belum pernah dikemukakan oleh sesiapa ahli.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya teleperubatan atau telemedicine adalah satu teknologi yang dianggap secara complementary, dan bukanlah seolah-olah akan menggantikan sistem perubatan atau rawatan yang sedia ada di negara kita. Telemedicine atau teleperubatan merupakan satu cara perubatan jarak jauh yang telah diamalkan oleh negara Amerika Syarikat dan Australia. Seperti sistem pendidikan jarak jauh, seorang pesakit atau doktor boleh mendapat nasihat seorang doktor yang pakar atau yang lebih mahir atau berpengalaman.

Walaupun telemedicine mungkin belum diamalkan di Malaysia, kita mempunyai teknologi sekarang untuk membenarkan telemedicine diamalkan. Setakat ini satu sistem teleconferencing bercorak komputer mikro atau personal computer sekarang cuma berharga lebih kurang RM2,000 sahaja. Kalau ini disambung melalui komputer dengan talian modem dengan mana-mana pihak ataupun melalui Internet, seorang pesakit boleh mendapat rawatan daripada seorang doktor secara jarak jauh, walaupun ini memang satu sistem yang begitu primitif atau ketinggalan zaman dan tidak patut dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6(2)(a) di bawah Rang Undang-undang Teleperubatan ini, memberi kuasa kepada seorang menteri membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan standard minimum berkenaan dengan apa-apa kemudahan komputer, perkakas, alat, kelengkapan, peralatan, bahan artikel dan benda yang akan digunakan dalam amalan teleperubatan di mana-mana premis. Saya berharap pihak kementerian dapat mengawal mutu alat

peralatan dan tidak membenarkan alat atau peralatan yang ketinggalan zaman atau obsolete supaya perkhidmatan teleperubatan yang diberi kepada rakyat Malaysia adalah terjamin.

Jadi, saya bercadang supaya menteri mempunyai satu senarai atau spesifikasi yang minimum untuk kemudahan atau kelengkapan-kelengkapan sebelum kebenaran untuk amalan teleperubatan diberi. Sistem teleperubatan yang lebih canggih mesti meliputi alat peralatan yang berelektronik, seperti mesin untuk blood pressure, heart beat atau camera microscopic dan lain-lain perkakas dalam sistem bersepadu. Jika peralatan perubatan ini dipasang atas badan seseorang pesakit, suhu badan atau heart read atau sebagainya mesti memberi satu bacaan yang boleh dihantar ke satu komputer jika komputer itu dipasang dengan alat perubatan yang berelektronik. Dengan sistem teleperubatan yang bersepadu dan berelektronik yang disambung melalui modem atau Internet itu, seorang pesakit boleh mendapati rawatan dan nasihat daripada orang biasa atau seorang doktor di mana-mana tempat melalui Internet. Sistem seperti ini masih diamalkan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan contoh yang diberi oleh saya tadi, saya ingin menerima penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang cara telemedicine dijalankan semasa rawatan. Mengikut Fasal 5(1) persetujuan bertulis perlu didapati sebelum pengamal perubatan berdaftar penuh mengamalkan teleperubatan berhubung dengan seseorang- pesakit. Tetapi mengikut fahaman saya, semasa membaca rang undang-undang ini tidak ada fasal yang mengatakan cara teleperubatan mesti dijalankan. Maksud saya ialah, bolehkah rawatan cara teleperubatan dijalankan tanpa seorang doktor hadir di hadapan pesakit itu. Kalau tidak silap saya, teleperubatan di Amerika Syarikat boleh dijalankan melalui Internet tanpa kehadiran seorang doktor bersama-sama dengan pesakit itu. Mungkin cara seperti itu akan dibenarkan di Malaysia, walau cara bukan di hadapan seorang doktor bukanlah cara yang memuaskan. Tetapi Rang Undang-undang Teleperubatan ini mestilah amat jelas tentang hal ini. Saya harap perundangan mengenai tindakan mahkamah atau bayaran insurans memerlukan satu sistem yang jelas tanpa sebarang kekeliruan kerana nyawa manusia adalah terlibat. Saya berharap penjelasan yang lebih terperinci boleh diberi oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Fasal 5(5) yang menyatakan 'jika pesakit itu belum dewasa atau mengalami ketidakupayaan mental yang

sedemikian rupa sehingga menyebabkan ia tidak berupaya untuk memberi persetujuan berpengetahuan, maka persetujuan boleh diberi bagi pihaknya oleh sahabat wakilnya atau penjaga. Saya tidak faham tentang rasional yang membenarkan seorang sahabat wakilnya atau by his next friend memberi persetujuan yang membolehkan teleperubatan ini dijalankan. Yang tidak jelas adalah umur minimum sahabat wakil itu, sama ada sahabat wakil itu mesti berusia 21 tahun atau ke atas, dan sama ada tali persaudaraan itu semestinya erat atau seorang doktor atau jururawat sahaja mengakui sebagai sahabat boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3(2) memberi kuasa kepada seorang Ketua Pengarah membenarkan secara bertulis, seorang pengamal perubatan berdaftar sementara, pembantu perubatan berdaftar, jururawat berdaftar, bidan berdaftar atau mana-mana orang yang memberi jagaan kesihatan menjalankan teleperubatan. Apakah kedudukan seorang pembantu teknik atau pakar komputer atau seorang jurutera komputer yang tidak berkaitan dengan perubatan semasa membantu seorang pengamal perubatan dalam pengamalan teleperubatan.

Saya ingin bertanya sama ada pembantu teknik atau seorang jurutera elektronik itu perlu diberi kebenaran oleh seorang Ketua Pengarah. Jika ya, sama ada dia dibenarkan mengamalkan teleperubatan di bawah arahan atau kuasa seorang pengamal perubatan yang berdaftar penuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang terdapat di Northern Territories Australia seorang yang sukarela membunuh diri itu cuma menggunakan komputer untuk mencucuk racun ke dalam sistem badannya. Dalam undang-undang di Australia ini seorang yang menghidap penyakit serius seperti kanser atau penyakit terminal boleh mengikut program-program komputer untuk melaksanakan sistem bunuh diri sukarela itu. Caranya boleh dijalankan melalui satu interface atau cybernetics di antara pesakit yang sukarela membunuh diri dengan komputer ini. Walaupun undang-undang bunuh diri secara sukarela telah dibatalkan oleh Parlimen Australia, contoh ini menunjukkan kuasa satu sistem komputer yang boleh membunuh atau merawat seorang pesakit itu. Walaupun faedah atau kebaikan daripada sistem teleperubatan adalah lebih daripada kesan buruknya. Kita mesti berhati-hati supaya satu sistem pengamalan teleperubatan yang akan dilaksanakan itu mempunyai masalah yang minimum.



Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri dipersilakan menjawab.

6.33 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan mengucapkan tahniah kepada kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah menyentuh mengenai pentadbiran hospital Labuan dan mencadangkan agar hospital tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan Labuan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mengkaji cadangan tersebut dalam tahun 1996 dan berasaskan keupayaan kementerian serta demi kebaikan penduduk-penduduk, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa pengasingan pentadbiran tidak akan memberi faedah buat masa ini. Isu ini dikaji dari masa ke semasa dan diharap status autonomi dapat dicapai pada masa hadapan.

Yang Berhormat dari Labuan juga menyarankan agar Hospital Labuan dibekalkan pakar-pakar seperti pakar obstetrik dan ginekologi dan pakar perubatan. Dimaklumkan bahawa Hospital Labuan telah diiktirafkan sebagai hospital perkhidmatan pakar dan perkhidmatan kepakaran kini telah disediakan melalui sistem giliran di mana pakar-pakar perubatan dari Queen Elizabeth Kota Kinabalu melawat dan merawat pesakit di Hospital Labuan mengikut jadual yang tertentu.

Untuk masa-masa hadapan kementerian telah merancang untuk membekalkan Hospital Labuan dengan beberapa orang pakar perubatan kontrak. Kementerian telah mengenalpasti pakar-pakar berkenaan dan proses pengambilan sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Kluang telah meminta penjelasan ke atas Fasal 3 yang membenarkan 3 golongan orang untuk mengamal teleperubatan di mana di bawah subskesyen 3(2) terdapat peruntukan yang membenarkan pengamal perubatan berdaftar sementara dan kategori pekerja kesihatan seperti jururawat dan pembantu perubatan juga mengamal teleperubatan. Beliau khuatir kelonggaran yang diberikan pada kategori-

kategori tersebut tidak akan menjamin keselamatan pesakit.

Secara dasar Rang Undang-undang Teleperubatan tidak menukar skop amalan seseorang pengamal perubatan, jururawat, pembantu perubatan ataupun mana-mana kategori pekerja kesihatan lain. Setiap kategori tersebut dikehendaki pengamal profesion masing-masing mengikut undang-undang profesion masing-masing atau sekiranya kategori tersebut belum didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang lagi, mereka adalah tertakluk kepada garis panduan atau arahan Kementerian Kesihatan. Secara dasarnya juga amalan perubatan, amalan kejururawatan dan lain-lain lagi tidak berubah daripada amalan-amalan yang sedang diamalkan sekarang. Misalnya line of authority dan accountability, dengan izin bagi rawatan perubatan tidak berubah. Secara administratif seseorang doktor berdaftar penuh boleh mengarah atau delegate sesuatu tugas atau fungsi kepada orang-orang di bawah arahan kuasa pengawasan mereka dengan syarat fungsi-fungsi tersebut tidak melanggar skop amalan profesion-profesion berkenaan dan kakitangan yang diberi tugas atau fungsi tersebut berkelayakan untuk berbuat demikian. Tanggungjawab ke atas pesakit masih terletak di atas pengamal perubatan berdaftar penuh yang memberi arahan rawatan tersebut.

Subskesyen 3(2) tersebut bertujuan untuk membenarkan kategori-kategori seperti pengamal perubatan berdaftar sementara, jururawat, pembantu perubatan dan lain-lain lagi kategori pekerja kesihatan untuk menggunakan peralatan teleperubatan untuk mendapatkan rundingan, arahan, nasihat daripada seorang doktor yang berdaftar penuh yang berada di lokasi berjauhan daripadanya.

Subskesyen 3(2) tidak membenarkan seseorang pengamal perubatan berdaftar sementara atau jururawat ataupun mana-mana pekerja kesihatan yang lain untuk mengamal perubatan selain daripada melaksanakan arahan doktor berdaftar penuh. Oleh yang demikian, seseorang pengamal teleperubatan ataupun seorang doktor yang mengamal teleperubatan perlu mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada pesakit sekiranya pesakit itu hendak diberi rawatan perubatan melalui teleperubatan.

Subskesyen 3(2) ini juga bertujuan untuk melindungi kepentingan pesakit dengan memastikan bahawa seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh bertanggungjawab ke



atas amalan teleperubatan yang diamalkan olehnya termasuk amalan-amalan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja kesihatan lain yang berada di bawah arahan atau kuasa dan pengawasan beliau.

Yang Berhormat dari Kluang telah menimbulkan persoalan mengenai istilah 'sahabat wakil' atau 'next friend' yang terdapat di Fasal 5(5), Rang Undang-undang Teleperubatan. 'Sahabat wakil' dalam Rang Undang-undang tersebut adalah suatu istilah undang-undang atau legal concept yang merujuk kepada orang-orang yang boleh mewakili pesakit yang belum dewasa ataupun mengalami 'ketakupayaan' mental untuk memberikan persetujuan bagi pihak mereka. 'Sahabat wakil' adalah termasuk ibu bapa atau adik-beradik ataupun saudara-mara pesakit dan tujuan penggunaan istilah 'sahabat wakil' dan bukannya perkataan-perkataan seperti 'ibu bapa, saudara-mara pesakit dan sebagainya' adalah supaya golongan 'sahabat wakil' mempunyai pentafsiran yang luas berbanding dengan perkataan-perkataan tersebut. Istilah ini ada digunakan di dalam rang undang-undang Malaysia yang lain, seperti di Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Rules of High Court) 1980, dengan izin.

Yang Berhormat dari Kluang juga telah menyentuh mengenai isu penguatkuasaan rang undang-undang tersebut. Rang Undang-undang Teleperubatan tidak mempunyai apa-apa peruntukan berkaitan dengan kuasa-kuasa penguatkuasaan sama seperti Akta Perubatan 1971 dan kebanyakan akta-akta yang mengawal profesion-profesion yang lain. Oleh kerana tiada kuasa penguatkuasaan diperuntukan, maka Kanun Acara Jenayah (CPC) akan terpakai.

Di bawah Kanun Acara Jenayah, siasatan akan dijalankan oleh agensi-agensi penyiasatan yang berkaitan dan kemudian pendakwaan kesalahan sekiranya ada dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap orang yang mengamalkan teleperubatan dengan melanggar Seksyen 3(1) tidak kira beliau mengamalkan dari dalam Malaysia ataupun dari luar Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan beberapa ahli-ahli yang lain telah menyuarakan kebimbangan mengenai isu 'hacking' dengan izin, dalam amalan teleperubatan termasuk 'hacking' ke dalam rekod-rekod pesakit. Kementerian menyedari bahawa tiada terdapat peruntukan mengenai akses ataupun pencerobohan yang tidak dibenarkan di dalam Rang Undang-undang Teleperubatan. Ini adalah kerana perkara-perkara berikut adalah dikawal oleh Akta Jenayah Komputer 1997.

Di bawah Fasal 3 Akta Jenayah Komputer, jenayah adalah merupakan sesuatu kesalahan apabila seseorang menyebabkan komputer melaksanakan suatu fungsi dengan niat untuk mendapatkan akses atau 'capaian' kepada mana-mana program atau data tanpa kuasa dan mengetahui semasa dia menyebabkan komputer itu melaksanakan fungsi itu bahawa sedemikian akan berlaku dan denda yang boleh dikenakan adalah denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Di bawah Fasal 4 apabila akses tanpa kuasa dilakukan untuk melakukan sesuatu kesalahan yang melibatkan 'fraud', dengan izin atau kecurangan atau kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan atau memudahkan berlakunya sesuatu kesalahan olehnya sendiri atau mana-mana yang lain, di mana hukuman yang boleh dikenakan adalah denda tidak melebihi RM150,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 5 Akta Jenayah Komputer ini pula menyatakan, apabila seseorang melakukan perbuatan yang akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa dia boleh dihukum dengan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Walau apapun bagi memastikan keselamatan yang teratur dan kerahsiaan diteruskan terdapat peruntukan di Fasal 6, Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 yang memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang berbunyi dengan izin:

*"6.(1)(a) to prescribe the minimum standards in respect of any facility, computer, apparatus, appliance, equipment, instrument, material, article and substance which are to be used in the practice of telemedicine on any premises;"*

Oleh yang demikian, kementerian akan mewujudkan peraturan-peraturan dengan tujuan untuk memastikan keselamatan teratur dan kerahsiaan pesakit diberikan perlindungan yang sebaik-baiknya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingin mengetahui sama ada satu program penerangan mengenai teleperubatan perlu dilaksanakan untuk pengetahuan orang ramai dan juga sama ada kementerian akan menggubal dasar-dasar bagi kegunaan robot dalam perkhidmatan perubatan.

Dimaklumkan bahawa satu program promosi penggunaan teleperubatan untuk orang ramai dan juga untuk mengamal-pengamal teleperubatan sedang dirancang. Kementerian juga peka bahawa terdapat beberapa negara sedang menjalankan penyelidikan untuk menggunakan robot dalam perawatan pesakit. Buat masa ini adalah difahamkan bahawa ianya masih ditahap penyelidikan. Kementerian sememangnya akan menggubal dasar-dasar dan garis panduan-garis panduan mengenai mana-mana teknologi baru seperti robot jika ada apabila ianya hendak digunakan di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga ingin mengetahui mengapa terdapat perbezaan di antara tempoh laku, sijil amalan dan sijil di bawah Akta Teleperubatan. Kementerian ingin menjelaskan bahawa sijil perakuan tahunan yang perlu diperolehi oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah Akta Perubatan adalah berlainan dari sijil perakuan di bawah Rang Undang-undang ini.

Di bawah Akta Perubatan setiap doktor yang ingin mengamal perubatan dikehendaki mempunyai sijil perakuan tahunan untuk mengamal perubatan di negara ini. Perakuan di bawah Fasal 4(2) adalah bagi pengamal perubatan yang didaftarkan di luar Malaysia sahaja. Seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia tidak diperlukan mendapatkan perakuan di bawah Rang Undang-undang Teleperubatan ini.

Pada masa ini kementerian ingin menggalakkan perkembangan dalam bidang teleperubatan sejajar dengan objektif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai dengan izin, centre of medical excellent, terutamanya untuk menarik minat pakar-pakar perubatan dari luar negara....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Memandangkan pemohon-pemohon....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun, ya. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tidak boleh, kerana jawapan saya panjang, saya hendak cepat habis.

Memandangkan pemohon-pemohon adalah dari luar negara dikehendaki memperolehi perakuan tersebut untuk mengamal teleperubatan, adalah dianggapkan tidak praktikal untuk permohonan

dilakukan setiap tahun. Walau bagaimanapun keputusan sama ada seseorang pemohon diberi perakuan selama satu atau dua atau tiga tahun ataupun kurang dari satu tahun akan bergantung kepada case to case basis, dengan izin yang akan dinilai keperluannya dan dikawalselia oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh mengenai keperluan pengamal perubatan mematuhi etika perubatan semasa menjalankan teleperubatan, ingin dijelaskan bahawa perkhidmatan teleperubatan adalah sebahagian daripada amalan-amalan yang telah diberikan oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Dengan ini setiap pengamal perubatan yang mengamal teleperubatan juga tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 dan juga kod etika profesion perubatan yang sedia ada. Bagi pengamal teleperubatan luar negara mereka akan disyaratkan untuk memahami dan mematuhi kod etika Majlis Perubatan Malaysia semasa memberi perkhidmatan mereka melalui teleperubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan bahawa akan terdapat kesulitan untuk mengesan penyalahgunaan perkhidmatan teleperubatan, kerajaan berpendapat bahawa dalam apa juga perkhidmatan yang disediakan akan terdapat mereka yang tidak berprinsip melakukan perkara-perkara yang tidak diingini atau dilarang undang-undang ataupun kod etika. Sungguhpun demikian, ini tidak bermaksud pihak kerajaan tidak terus maju dan menggunakan atau memulakan perkhidmatan baru demi mempertingkatkan perawatan perubatan di negara ini. Yang penting ialah kerajaan sedar akan risiko-risiko, keburukan-keburukan, isu-isu yang boleh berlaku apabila amalan teleperubatan berkembang kelak dan diberi kuasa untuk mengamal dan mengawas amalan tersebut.

Penggubalan rang undang-undang ini membuktikan bahawa pihak kerajaan peka dengan gejala-gejala yang boleh berlaku akibat amalan teleperubatan dan peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah demi menjaga kepentingan pesakit dan orang ramai. Langkah-langkah untuk menghindar atau membendung salahguna teleperubatan:

- (i) rang undang-undang yang dibentangkan ini mengenakan penalti yang tinggi ke atas mana-mana orang yang mengamal teleperubatan jika mereka tidak berkelayakan atau tidak dibenarkan berbuat demikian;

- (ii) kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia akan sentiasa mengawasi amalan teleperubatan, pihak profesion perubatan serta orang ramai akan diberi peringatan dari masa ke semasa mengenai amalan teleperubatan, gejala-gejala penyalahgunaan teleperubatan dan lain-lain; dan
- (iii) bantuan agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Persatuan Pengguna dan orang ramai amat digalakkan untuk memastikan mereka yang tidak berkelayakan tidak mengamalkan teleperubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh mengenai isu consent atau persetujuan pesakit. Kementerian berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan mengenai persetujuan pesakit adalah tepat dan mencukupi dan ianya tidak perlu ditambah lagi. Fasal ini diadakan untuk memastikan pesakit diberi perlindungan yang cukup dengan tidak menjejaskan pengamalan teleperubatan. Soal sama ada persetujuan telah diberi secara bebas atau tidak, akan bergantung kepada semua fakta kes yang akan ditimbang oleh mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh mengenai pengawalan terhadap alat-alat teleperubatan. Fasal 6 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk standard minimum berkenaan dengan kemudahan komputer, perkakas, alat dan sebagainya yang digunakan dalam amalan teleperubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dengan secara terperinci telah mencadangkan penubuhan satu Lembaga Teleperubatan untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi bagi perkembangan segala aspek perubatan teknologi tinggi termasuk teleperubatan. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan satu Lembaga Teleperubatan seperti yang dicadangkan. Pengawalseliaan amalan teleperubatan pada masa ini dikawal oleh Majlis Perubatan Malaysia. Teleperubatan yang masih merupakan sebahagian amalan perubatan adalah juga wajar dikawalselia oleh Majlis Perubatan Malaysia. Selain daripada itu, sukacita saya mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, kementerian telah pun mempunyai satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan di mana di antara fungsi-fungsi jawatankuasa tersebut ialah untuk menyediakan dasar-dasar, garis panduan-garis panduan berhubung dengan peralatan dan teknologi perubatan canggih yang digunakan di negara ini.

Sehubungan dengan ini juga, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah mencadangkan satu pusat didirikan untuk mengawal selia amalan teleperubatan khususnya untuk mengawal rujukan-rujukan kepada pakar-pakar luar negara oleh pengamal perubatan berdaftar penuh. Seperti yang dinyatakan tadi, pengawalan ke atas amalan teleperubatan yang merangkumi, di antara lain, rujukan dan perundingan pakar-pakar adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perubatan Malaysia. Kod amalan perubatan profesion perubatan yang dikeluarkan kepada setiap pengamal perubatan di negara ini semasa mereka didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia mempunyai peraturan-peraturan yang jelas berhubung dengan situasi-situasi di mana rujukan-rujukan kepakaran harus dibuat. Manamana pengamal perubatan yang melanggar Kod Etika Profesion Perubatan ini boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Akta Perubatan 1971. Ini adalah terpakai bagi pengamal-pengamal teleperubatan berdaftar penuh.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Kepong, Lumut dan Sipitang menyentuh mengenai isu liabiliti pengamal teleperubatan. Kementerian juga ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang Teleperubatan tiada mempunyai peruntukan mengenai liabiliti orang yang dibenarkan untuk mengamalkan teleperubatan. Ini adalah sama seperti Akta Perubatan 1971 dan kebanyakan akta mengawal profesion yang lain. Isu liabiliti adalah dikawal oleh Common Law, dengan izin, undang-undang am, 'tort' dan terutamanya undang-undang kecuai dan akan kemudiannya menentukan persoalan liabiliti. Soal siapakah yang bertanggungjawab adalah bergantung kepada sesuatu kes, doktor tempatan, orang yang mengamalkan teleperubatan dari luar Malaysia, pemberi rangkaian telekomunikasi tempatan adalah pihak-pihak yang berkemungkinan kepada tindakan 'tort'. Apabila seseorang pesakit menderita daripada perbuatan cuai seseorang doktor yang mengamalkan teleperubatan, pesakit boleh membawa tindakan undang-undang terhadap doktor tempatan. Pesakit atau doktor tempatan boleh mengambil tindakan terhadap orang yang mengamalkan teleperubatan dari luar Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang dan Kepong, juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah meminta Kementerian mengawal caj serta kos bagi perkhidmatan teleperubatan. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sedang dalam proses mengkaji semula perintah fee dan pihak kementerian akan

mempertimbangkan caj-caj yang berpatutan bagi perkhidmatan teleperubatan kelak. Bagi sektor swasta pula, kementerian juga sedang menggubal satu rang undang-undang untuk mengawal perkhidmatan-perkhidmatan semua health care facilities dan, di antaranya, peruntukan mengawal fee sedang dikaji. Memandangkan perkhidmatan teleperubatan merupakan salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kemudahan-kemudahan tersebut, caj bagi perkhidmatan teleperubatan juga akan dibincangkan untuk dimasukkan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat lain khuatir perkhidmatan teleperubatan akan menaikkan kos rawatan pesakit. Sukacita dinyatakan bahawa sebahagian jawapan kepada persoalan ini telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Sipitang dan Klang di mana faedah-faedah teleperubatan disuarakan, termasuk di antaranya, kos perjalanan dan penginapan pakar dan juga pesakit dapat dikurangkan, selain daripada penjimatan masa. Tidak semestinya dengan adanya sesuatu perkhidmatan baru seperti teleperubatan ini akan mengakibatkan kenaikan kos perkhidmatan. Melalui multimedia ada banyak peluang untuk meningkatkan produktiviti dalam aspek pentadbiran pesakit tanpa kenaikan kos.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang menyarankan agar bekalan elektrik hospital-hospital yang memberi perkhidmatan teleperubatan mesti terjamin. Semua hospital dipasang dengan standby generators untuk membekalkan elektrik bagi fungsi-fungsi kritikal.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah memaklumkan kepada Dewan yang beliau telah berkhidmat sebagai seorang doktor selama 30 tahun, kementerian mengucapkan tahniah kepada beliau. Di antara lain, beliau telah minta kementerian memberi keterangan, bagaimanakah teleperubatan boleh memberi manfaat kepada rakyat terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar atau terpencil. Faedah teleperubatan termasuk:

- (i) memudahkan pertukaran data dan pandangan di antara doktor dan pakar yang berada di lokasi berjauhan mengenai diagnosis, pemeriksaan dan rawatan pesakit;
- (ii) membolehkan kakitangan kesihatan di hospital daerah atau klinik kesihatan di tempat terpencil mendapat pandangan dan arahan mengenai rawatan lanjut seseorang pesakit daripada doktor atau pakar hospital besar ataupun pusat rujukan negara;
- (iii) infrastruktur teleperubatan boleh digunakan bagi tujuan pembelajaran, continuing medi-

cal education, dengan izin, latihan dalam perkhidmatan dan sebagainya;

- (iv) membenarkan doktor berdaftar memberi rawatan atau arahan terus kepada pesakit yang sedang menerima rawatan ulangan di rumah mereka sendiri;
- (v) walaupun kos untuk memperolehi teknologi teleperubatan pada masa sekarang adalah tinggi, tidak semestinya kos tersebut perlu disalurkan kepada pengguna. Jika dilaksanakan dengan teratur dan sistematik, ianya akan memberi peluang untuk mengurangkan kos perawatan secara keseluruhan.

Selain daripada itu, kos teknologi akan menurun pada masa-masa hadapan, dengan itu kementerian berpendapat manfaat kepada rakyat pada jangka masa panjang dan pendek adalah amat besar.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan tentang hukuman yang terdapat dalam Rang Undang-undang Teleperubatan jika dibandingkan dengan Akta Perubatan 1971 adalah terlalu berat. Kementerian berpendapat bahawa penalti yang dikenakan di bawah rang undang-undang ini adalah berpatutan. Ia bertujuan untuk menegah mereka yang tidak berkelayakan dalam bidang perubatan daripada mengamal teleperubatan. Teleperubatan sebenarnya ialah amalan perubatan yang menggunakan peralatan elektronik dan hanya mereka yang dibenarkan mengamal perubatan boleh menggunakan peralatan tersebut bagi maksud perawatan seseorang pesakit selaras dengan kehendak Akta Perubatan 1971. Dengan cara ini, amalan teleperubatan yang diberikan oleh seseorang doktor akan dapat dikawal demi menjaga kepentingan pesakit dan orang ramai.

Penalti di bawah Akta Perubatan 1971 pada masa kini seperti berikut:

- kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM2,000;
- kesalahan kali kedua atau kemudiannya, didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Penalti yang dikenakan di bawah Akta Perubatan digubal pada tahun 1971 dan dianggap amat tidak memuaskan. Memandangkan demikian, penalti tersebut akan dipinda dan jumlah penalti akan dinaikkan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang menyentuh sama ada transmisi apa-apa imej diambil kira dalam

definisi 'teleperubatan'. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, perkataan 'data' dalam definisi teleperubatan adalah luas dan di antaranya merangkumi teks dan imej dalam bentuk digital.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang juga ingin mengetahui sama ada syarat-syarat tertentu perlu dikenakan ke atas pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh sebelum mereka mengamal teleperubatan. Memandangkan amalan teleperubatan adalah merupakan sebahagian amalan perubatan, maka kementerian berpendapat bahawa tidak perlu syarat-syarat tambahan dikenakan kepada pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh khusus untuk mengamal teleperubatan sahaja, mereka sudah pun dikenakan syarat-syarat pendaftaran yang ketat sebelum dibenarkan mengamal perubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang ingin mengetahui sama ada kementerian telah membuat apa-apa rujukan kepada undang-undang lain semasa menggubal Rang Undang-undang Teleperubatan. Kerajaan semasa menggubal Rang Undang-undang Teleperubatan telah berdasarkan kepada Akta Perubatan 1971. Kerajaan juga telah meneliti dan mengambil kira Telemedicine Development Act, dengan izin, dari beberapa negeri di Amerika Syarikat semasa rang undang-undang ini digubal.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar meminta kementerian mewujudkan satu garis panduan yang jelas untuk mentakrifkan status pengamal perubatan yang layak menyediakan teleperubatan. Dimaklumkan bahawa semua pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia dibenarkan menjalankan amalan teleperubatan. Nama-nama mereka terdapat dalam daftar Majlis Perubatan Malaysia. Bagi pengamal-pengamal perubatan dari luar negara yang dibenarkan untuk mengamal teleperubatan dan diberikan perakuan oleh Majlis Perubatan Malaysia akan disenaraikan di dalam daftar teleperubatan. Dimaklumkan bahawa majlis akan diminta mengkaji untuk menyediakan satu data base bagi pengamal-pengamal perubatan yang diberikan perakuan tersebut yang boleh menjadi rujukan kepada pengamal-pengamal perubatan lain dan orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar dan Kelang menyentuh mengenai isu-isu berkaitan dengan litigasi, penguatkuasaan dan penyeliaan amalan telemedicine. Penjelasan telah diberi ke atas perkara-perkara tersebut sebelum ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyoal setakat manakah konsep hospital maya akan

dilaksanakan di Hospital Selayang. Hospital Selayang adalah hospital yang dirancang untuk menggunakan teknologi maklumat yang terkini dan bersesuaian dengan keperluan. Ianya sama taraf dengan hospital-hospital maya di negara-negara lain. Seluruh fungsi hospital akan dilengkapi dengan work station.

Mengenai bilakah Hospital Selayang ini akan beroperasi, ia dijangka akan beroperasi mulai pada bulan September 1998 dan proses tendernya ialah tender terhad.

Berkenaan dengan persoalan apakah wajar keutamaan diberi kepada perkhidmatan teleperubatan memandangkan keadaan hospital-hospital sekarang menghadapi serba kekurangan. Kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan setiap hospital di bawah kementerian mempunyai peralatan dan kemudahan asas. Peruntukan-peruntukan berpatutan diberikan setiap tahun untuk membekalkan peralatan dan kemudahan asas kepada hospital-hospital yang memerlukan. Kementerian mengadakan Rang Undang-undang Teleperubatan bagi mengawal amalan teleperubatan yang sedang dimulakan di hospital-hospital di negara ini, terutamanya di hospital-hospital swasta dan mengadakan Rang Undang-undang Teleperubatan ini tidaklah bermakna bahawa kementerian mengabaikan perkhidmatan asas, akan tetapi ianya adalah untuk memberi hospital-hospital dan pengamal-pengamal perubatan di negara ini peluang untuk menggunakan perkhidmatan berteknologi baru ini secara terkawal.

Bagi hospital-hospital awam.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak kepada Yang Berhormat dari Kepong?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Sebab panjang, hendak habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, panjang.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Bagi hospital-hospital awam, kementerian akan memulakan teleperubatan dari segi projek prioriti dan projek ini adalah demi untuk kebaikan pesakit-pesakit yang berada di kawasan-kawasan yang kekurangan pakar-pakar.

Teleperubatan yang dirancang untuk Malaysia bukan dihadkan kepada aspek teleconsultancy sahaja, ianya meliputi kegunaan yang lebih menyeluruh seperti untuk pendidikan dan perubatan,

penyebaran maklumat dan runding cara secara jarak jauh. Teleperubatan yang dirancang akan memberi keutamaan dalam perkhidmatan primer supaya perkhidmatan perubatan di luar bandar ditambah dengan lebih baik dengan kegunaan perkhidmatan teleperubatan.

Mengenai kos infrastruktur komunikasi data yang dibandingkan di USA yang juga telah mengehadkan kegunaan teleperubatan, kos perkhidmatan di Malaysia adalah rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Kerajaan akan berunding dengan industri telekomunikasi untuk mengurangkan lagi kos penggunaan ISDN di dalam bidang kesihatan dan pendidikan.

Sama ada Kementerian Kesihatan telah menjalankan kajian tentang kos pelaksanaan teleperubatan yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, teleperubatan akan dilaksanakan secara projek perintis, ianya akan dinilai dari sudut kos, pengamalan, proses kerja, pengambilan oleh pesakit dan lain-lain aspek. Selepas penyelesaian dicapai ke atas hasil penilaian, barulah penggunaan teleperubatan akan diperluaskan.

Menyentuh berkenaan persoalan tentang no distribution of liability, dengan izin, oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, perkara ini telah dijelaskan sebelum ini. Keadaan dalam Akta Perubatan 1971 tidak berbeza dengan Rang Undang-undang Teleperubatan. Soal a dispersionment of liability, dengan izin, akan diputuskan oleh mahkamah seperti yang dilakukan dalam kes-kes kecuaiian sekarang.

Isu mengenai di manakah tindakan mahkamah diambil apabila berlakunya salah laku pembuatan seperti kes-kes kecuaiian perubatan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tindakan mahkamah boleh diambil sama seperti tindakan-tindakan mahkamah yang diambil sekarang. Apabila berlaku salah laku dalam pengamalan teleperubatan sekiranya kecuaiian dilakukan oleh doktor tempatan, maka tindakan mahkamah boleh dimulakan di mahkamah di Malaysia dan jika kecuaiian dilakukan oleh pengamal teleperubatan luar negara, maka tindakan boleh dimulakan di mana berlakunya 'cause of action' atau cause tindakan di mana defendan bermastautin atau menetap. Oleh itu, sekiranya defendan menetap di Amerika Syarikat, tindakan boleh dimulakan di Amerika Syarikat.

Berkenaan dengan soal kadar purata nisbah doktor/penduduk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang. Kerajaan sedar

tentang perbezaan nisbah doktor dengan penduduk dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut untuk mengatasi masalah tersebut, seperti:

- menambahkan lagi bilangan doktor melalui penambahan bilangan pelatih bidang peralatan, perubatan di universiti-universiti tempatan;
- menambah bilangan penuntut Malaysia dalam bidang perubatan di universiti luar negara;
- mengambil doktor kontrak dari luar negara; dan
- mengambil usaha-usaha untuk menggalakkan lagi soal kekurangan pegawai-pegawai kesihatan.

Mengenai soalan sama ada kerajaan boleh mengawal perkembangan hospital-hospital swasta di mana hospital-hospital swasta lebih menekankan tentang keuntungan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, kerajaan peka dengan trend tersebut dan sedia mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan sedemikian di sektor swasta. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah menggalakkan pihak swasta mengadakan tabung bagi menampung rawatan pesakit miskin di hospital-hospital swasta dan mengkaji sama ada untuk mengadakan sumbangan wajib bagi kemudahan atau tujuan kebajikan.

Mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tentang perubatan alternatif yang harus diberikan kepada rakyat sebagai pilihan, pada masa ini perubatan tradisional dan alternatif yang luas diamalkan. Akta Perubatan sendiri tidak menghalang amalan perubatan tradisional selagi pengamal-pengamal perubatan tradisional ini tidak memberikan tanggapan bahawa mereka adalah sama taraf dengan doktor swasta dan tidak melanggar perakuan-perakuan sepertimana terkandung dalam Akta Racun atau Akta Advertisement. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan berkehendakkan para pengamal perubatan tradisional ataupun alternatif mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing dengan mengawal disiplin pengamalan perubatan, mengadakan sistem latihan yang teratur dan saintifik serta sistem bagi mengakreditasikan mutu amalan perubatan mereka berasaskan kepada sistem pengamalan yang terbaik di dunia. Dengan langkah-langkah ini, ia akan meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap perubatan tradisional dan

alternatif dalam bidang perubatan ini dan akan dapat dipopularkan di kalangan orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga menyarankan agar Kementerian Kesihatan mengambil pandangan ahli-ahli ulama apabila membuat dasar mengenai sesuatu perawatan baru, misalnya clonning, dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan mengadakan perbincangan atau dialog dengan ahli-ahli ulama bukan sahaja ulama dari negara Islam, bahkan religious leaders, dengan izin, agama-agama lain, misalnya Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya apabila membuat dasar yang berkemungkinan mempunyai implikasi keagamaan. Sebagai contoh, apabila dasar berhubung dengan organ donation, disediakan pandangan semua religious leaders, dengan izin, dirunding fatwa bagi orang-orang Islam dapat dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang juga ada membangkitkan berkenaan dengan bilakah Kementerian Kesihatan akan mengambil alih pengendalian penyediaan kesihatan di estet-estet dan adakah Kementerian Kesihatan akan menyediakan latihan untuk pembantu hospital estet-estet dan sebagainya. Pihak pengurusan estet adalah pihak yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran hospital dan klinik estet mengikut seksyen 19(1) Akta Piawai Minimum dan Kemudahan Pekerja 1990. Mereka bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pekerja-pekerja dan orang-orang tanggungan mereka. Kementerian Kesihatan bercadang membantu pihak estet dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan dari segi klinikal pengawasan standard dan kelengkapan perubatan minimum untuk klinik dan wad dan menyediakan satu standard minimum untuk klinik kesihatan estet sedang dirangkaan untuk mempertingkatkan kemudahan dan kelengkapan klinik tersebut. Kementerian juga bercadang mengadakan penguatkuasaan undang-undang selepas satu tempoh diberikan apabila sesudah sesuatu standard tersebut dilaksanakan dan kementerian juga sedia memberikan tempat untuk latihan kepada pembantu-pembantu kesihatan di estet sekiranya terdapat calon-calon yang berkelayakan yang dikemukakan oleh pihak estet.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera juga meminta kementerian menyediakan standard minimum bagi perawatan sebelum teleperubatan ini dibenarkan, rang undang-undang teleperubatan ini memperuntukkan menteri membuat peraturan berhubung dengan standard minimum peralatan dan

kemudahan teleperubatan dan mengawal mutu perkhidmatan teleperubatan. Jadi, mana-mana pengamal yang ingin menjalankan teleperubatan dikehendaki memastikan standard mereka disediakan terlebih dahulu.

Mengenai soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang meminta penjelasan mengenai Fasal 5(1) mengenai persetujuan pesakit. Persetujuan pesakit hanya diperlukan sekali sahaja pada permulaan amalan teleperubatan, selepas itu pesakit boleh berada di rumahnya dan menerima rawatan melalui teleperubatan yang boleh diteruskan oleh doktor yang berada sama ada di hospital atau di klinik beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab segala soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga memberi jaminan bahawa segala pandangan dan isu-isu yang telah dikemukakan akan dikaji dan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang telah memberi sokongan dan pandangan dalam perbahasan Rang Undang-undang Teleperubatan ini demi menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 3 -

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa hanya pengamal perubatan berdaftar-penuh yang memegang suatu perakuan amalan yang sah yang dibenarkan untuk mengamalkan teleperubatan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di luar Malaysia mengamalkan teleperubatan dari luar Malaysia melalui seorang pengawal perubatan berdaftar penuh yang memegang perakuan amalan yang sah. Dan ini

memang diperlukan kerana kita tidak mahu pengamal perubatan di luar negara mengamalkan teleperubatannya melalui orang-orang yang lain kecuali doktor.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul mengenai sesuatu kejadian yang tidak betul yang berlaku walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jawabkan itu terserah kepada tindakan yang akan diambil di negara asing, misalnya di Amerika Syarikat, masalah yang timbul mengenai liabiliti yang tidak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini ialah jika berlakunya kesalahan dan tidak ada perjanjian di antara negara kita dengan negara yang lain, misalnya negara Amerika Syarikat. Saya tidak tahulah sama ada perjanjian (treaty) diadakan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat, sama ada akta extradisi ada di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Saya percaya banyak negara kita tidak ada treaty. Kalau tidak ada treaty macam mana kita boleh memulakan dengan tindakan undang-undang? Tidakkah itu mustahil? Itu mustahil. Sebab itulah kita anggap peruntukan seumpama ini hanya untuk menjayakan MSC sahaja, bukan kerana kita boleh melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu saya tekan mengenai liability ini dan keagihan, dispersionment of liability, bagaimana liability diagihkan. Tuan Yang di-Pertua, kamera-kamera video sekarang yang canggih dan alat-alat yang canggih yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang boleh digunakan sehingga doktor di luar negara boleh mengamalkan teleperubatan seolah-olah beliau berada di sisi pesakit. Ini memang canggih dan memang timbul di Amerika Syarikat di mana ada golongan sekarang, terutamanya persatuan pengguna yang menyoalkan masalah seperti ini kerana ada syarikat-syarikat yang membuat kemudahan-kemudahan di mana mereka adakan doktor tetapi doktor tidak payah pergi ke pejabat atau pergi ke rumah tetapi melalui kamera-kamera video ini boleh menyaksikan apa sahaja berlaku di situ, hanya dihantarkan melalui syarikat, jururawat ataupun kakitangan yang lain pergi ke rumah itu dan melalui kamera ini doktor tengok dan kemudian dia boleh buat preskripsi dan sebagainya dan ini dikatakan boleh mengurangkan kos sebab itu saya percaya peruntukan yang ada di sini tidak cukup. Memang tidak cukup, kita mesti hadkan.

Pada masa yang lampau, saya ada satu, dua kejadian di mana doktor tidak mahu menyentuh pesakit tetapi sekarang saya harap sudah tidak ada. Cuma ada yang gunakan pensil sahaja. Itu pun timbul juga masalah. Sekarang, dia hantarkan

jururawat ke situ dan melalui kamera yang canggih itu, dia nampak apa sahaja berlaku dan dia buat preskripsi dan buat prosedur perubatan yang boleh dilakukan oleh pihak jururawat dan sebagainya di rumah atau pejabat yang tertentu. Adakah pihak kementerian hendak meminda dengan cepat rang undang-undang supaya kita boleh menghalang doktor hendak buat preskripsi, patut dia tengok, periksa, sentuh dan tengok pesakit itu, kemudian dia buat rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap macam ini ialah sebab bagi saya teleperubatan yang paling memberi manfaat kepada para doktor dan para penduduk ialah dari segi pendidikan. Itu yang paling bermanfaat. Yang lain itu susah sedikit, paling susah kerana pihak kementerian pun setakat ini yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masih mengkaji macam mana kita boleh melaksanakan dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya membangkitkan hal ini semasa kita membahaskan di dalam Jawatankuasa mengenai Fasal 3 dan Fasal 3(2). Ini penting.

3.(2) "Walau apa pun perenggan 1(a), Ketua Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh, membenarkan secara bertulis, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, seseorang pengamal perubatan berdaftar sementara pembantu perubatan berdaftar, jururawat berdaftar, bidan berdaftar atau mana-mana orang lain yang memberikan jagaan kesihatan, mengamalkan teleperubatan jika seorang itu -

- (a) difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah untuk dibenarkan sedemikian; dan
- (b) berada di bawah pengawasan, arahan dan kuasa pengamal perubatan berdaftar penuh yang membuat permohonan itu."

Tuan Yang di-Pertua, ini sangat membimbangkan saya, kerana kita hendak sekatkan pengamalan ini kepada doktor sahaja. Tetapi di sini ada peruntukan memberikan peluang kepada orang-orang lain. Ini memang boleh menimbulkan masalah yang lebih rumit. Kalau disekatkan kepada 'screen', di mana untuk mencari tanda-tanda penyakit di kalangan orang ramai untuk dikawal dan diberikan rawatan pada masa akan datang dan sebagainya sebagai pencegahan penyakit, saya boleh setuju juga kerana kita tidak mempunyai ramai doktor untuk berbuat demikian. Kita mesti mengagihkan kerja kepada jururawat ataupun kepada orang-orang yang



pandai berbuat demikian di seluruh negara untuk 'screening', Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi selain daripada screening, saya tidak setuju, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya berharap pindaan boleh dilakukan ke atas peruntukan seumpama ini pada masa hadapan. Memang terdapat 'kambing hitam' di dalam golongan doktor itu pun sudah cukup. Sekali-sekala kita nampak ada juga doktor yang membuat salah, ada juga peguam membuat salah, ada orang profesional lain membuat salah, ada segelintir kecil sahaja. Itu cukup kita bimbang. Tetapi sekarang kita hendak bukakan pintu ini kepada orang lain dalam teleperubatan. Termasuk bidan berdaftar pun boleh diberikan peluang untuk mengamalkan teleperubatan jika difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah.

Saya bimbang kerana ini bermakna doktor-doktor palsu mungkin bilangannya akan bertambah. Saya ada sebutkan semalam mengenai seorang pembantu hospital yang bersara daripada hospital di Perak, kemudian kalau tidak silap saya di Hospital Bahagia, Ulu Kinta. Bersara di situ dan kemudian menjadi doktor palsu di Pekan Kepong. [Ketawa] Kalau kita benarkan orang-orang lain selain daripada pengamal perubatan yang sah mengambil bahagian dalam aktiviti teleperubatan, maka kita tidak boleh kawal, doktor-doktor palsu akan timbul dengan lebih ramai dan mendatangkan kesan-kesan yang buruk ke atas para penduduk di Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak jawab?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Fasal 3(2) ini bukanlah bertujuan untuk membolehkan mereka dalam kageteri pembantu perubatan berdaftar atau jururawat berdaftar itu menggunakan multimedia. Sebenarnya mereka adalah untuk mendapat arahan, menerima konsultasi bagi memandu mereka memberi perkhidmatan rawatan pada pesakit-pesakit yang di bawah kawalan doktor yang mereka bekerja bersama. Contohnya, jika hospital itu berada di kawasan yang terpinggir, jauh di luar bandar, dan telemedicine akan digunakan untuk membolehkan contact ataupun hubungan dibuat dengan doktor pakar yang berkenaan bagi membolehkan pembantu perubatan itu atau jururawat yang membantu untuk memberi perkhidmatan atas arahan. Bukan mereka menggunakan multimedia itu, tetapi membantu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna kalau apa sahaja yang berlaku ada kesilapan doktor itu sendiri mengambil tanggungjawab dengan seratus peratus?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Pada dasarnya doktor, tetapi ini telah dilindungi di bawah akta yang telah kita maksudkan tadi. Tetapi seperti yang saya katakan ini adalah supaya membolehkan kerana disebabkan oleh kejauhan jarak lokasi dan sebagainya, untuk akses itu didapati bagi memudahkan khidmat rawatan kepakaran itu digunakan oleh pembantu itu tadi yang diberikan kelulusan oleh Ketua Pengarah di bawah Fasal 3(2).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, maksud saya macam ini, kalau kita ikut amalan biasa misalannya di hospital, doktor memberi arahan, nasihat bagi jururawat untuk memberi sesuatu rawatan. Jika berlakunya kesalahan itu, doktor bertanggungjawab dengan sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi:** Jawabnya yalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Tetapi di dalam itu sekarang diberi - Ketua Pengarah kalau dia berfikir dengan sesuai memberi daftar kepada pendaftaran, bukan doktor mengamalkan teleperubatan. Adakah ini bermakna kalau berlaku ketidakbetulan, salah dan sebagainya, orang yang diberikan keizinan daripada Ketua Pengarah ini akan dipertanggungjawabkan. Kalau dihadap ke mahkamah, dia mesti menanggung liabiliti ataupun doktor. Kita sama-sama sangat mengelirukan. Kita tidak tahu siapa yang mengambil tanggungjawab, doktor ataupun orang yang bukan doktor yang mengamalkan teleperubatan? Ini tidak disebutkan. Siapa yang bertanggungjawab? Mungkin lain kali dipindahkan supaya kita tahu di mananya tanggungjawab, ataupun 30% yang bukan doktor, 70% tanggungjawab doktor, adakah ini yang dimaksudkan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Dalam persoalan liable, ianya bergantung kepada suatu kes. Jadi, ini perkara yang biasa dalam mana-mana keadaan pun. Jadi, sama ada doktor tempatan, orang yang mengamalkan teleperubatan itu pun kita anggapkan bahawa apabila seorang pesakit itu menderita daripada perbuatan yang dianggap cuai oleh seorang doktor yang mengamalkan teleperubatan, pesakit boleh membawa tindakan. Tetapi itu terpulang kepada kes yang berkenaanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu saya faham Yang Berhormat sebutkan....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....tetapi untuk....

**Tuan Pengerusi:** Cukup Yang Berhormat, cukuplah. Pada fikiran saya terma-terma atau syarat yang akan diberikan oleh Ketua Pengarah itu tentulah

dia kata kalau sekiranya apa bidan berdaftar atau jururawat berdaftar hendak menjalankan kerja teleperubatan ini hendaklah di bawah kawalan seorang doktor. Jikalau sekiranya adanya kesilapan apa-apa doktor itu akan bertanggungjawab. Pada fikiran saya begitu. Takkanlah dia hendak buat sendiri, jururawat itu hendak buat sendiri segalanya. Ini barangkali untuk satu-satu tempat yang terpencil jauh yang berkehendakkan kemudahan begini.

**Dr. L. Krishnan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Telok Kemang.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya setuju bahawa liabiliti ini akan ditanggungjawab oleh doktor yang berkenaan, sebab mengamalkan teleperubatan oleh pembantu perubatan atau jururawat ini adalah di bawah pengawasan seorang doktor. Tetapi soalan saya ialah kalau ada pembantu atau jururawat mengamalkan teleperubatan di bawah pengawasan seorang doktor, mengapakah perlu perakuan amalan diberi kepada mereka tersebut. Tidaklah perlu sebab sepertimana yang ada sekarang, sekarang pun pembantu mengamalkan perubatan kepada pesakit di bawah kawalan seorang doktor. Tetapi perakuan amalan perubatan tahunan tidak diberi kepada pembantu perubatan. Kenapa sekarang ini kita beri satu perakuan amalan teleperubatan kepada pembantu perubatan atau jururawat. Jika liabiliti ini ditanggungjawab kepada doktor, tidak perlu saya fikir. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak jawab.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya rasa saya tidak perlu jawab, sebab bagi saya ini menunjukkan bahawa untuk membezakan supaya mereka tidak menggunakan multimedia sebagai doktor, tetapi hanya untuk membantu mendapat arahan daripada doktor berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 4 -**

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** Cukuplah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup apa pula.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebelum

saya membentangkan pindaan saya, saya hendak sebutkan sedikit mengenai Fasal 4(1) mengenai perakuan untuk mengamalkan teleperubatan. Sebab pada biasanya.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jangan sebut Fasal 4(1) lagi, kerana sekarang kita membahaskan pindaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pindaan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Setelah pindaan itu ditolak ataupun diterima barulah balik kepada Fasal 4(1).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, Tuan Pengerusi. Itu betul juga.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bersetuju, Tuan Pengerusi itu betul. Kalau betul, tidak payah kita suarakan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ada orang yang tidak mahu mengaku dia silap. Orang lainlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tidak ada 'telekulit'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya bentangkan pindaan-pindaan ke atas Fasal 4(2) dan Fasal 4(5). Fasal 4(2) Majlis boleh mengeluarkan suatu perakuan untuk mengamalkan teleperubatan kepada pemohon bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis dalam perakuan itu. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sebutkan mengenai tempoh tiga tahun ini, bila saya hendak minta penjelasan tidak dibenarkan. Seolah-olah susah hendak dijawabnya.

Tuan Pengerusi, di dalam Akta Perubatan 1971 tempohnya satu tahun sahaja bagi setiap pengamal perubatan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan 'ini berlainan teleperubatan-teleperubatan'. Tetapi saya tidak nampak mengapa tempoh ini tidak boleh disamakan dengan Akta Perubatan 1971. Mengapa tidak boleh, mengapa kita pilih tiga tahun? Apakah taakulannya, rasionalnya? Kita sama-sama kalau kita pohon untuk menjadi pengamal perubatan dan juga untuk pengamal teleperubatan, kita beri kerana itu dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Majlis ini dikeluarkan untuk satu tahun bagi kedua-dua fungsi. Jadi, itu satu cara yang baik.

Tadi, saya hendak tanya mengenai apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seolah-olah pengamal perubatan yang sudah mendapat sijil itu tidak payah pohon kepada

Majlis untuk Sijil Teleperubatan. Adakah itu benar, seolah-olah kenyataan tadi mengatakan bahawa tidak payahlah. Kalau saya sudah mendapat sijil pengamalan tahunan dan saya tidak payah mengemukakan permohonan kepada Majlis untuk Sijil Teleperubatan, adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya hendak tanya kerana dia sibuk sangat hendak jawab.

**Tuan Pengerusi:** Dia kata panjang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi setengah jam sudah habis, panjang apa. [Ketawa] Semalam satu jam pun ada, tetapi setengah jam sudah habis, panjang apa. Susah sedikit. Itulah masalahnya. Doktor falsafah hendak menjaga doktor perubatan.

**Tuan Pengerusi:** Doktor cucuk, Yang Berhormat. [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Ketawa] Itu masalahnya.

Tuan Pengerusi, saya berharap walaupun malam ini tidak dapat dipersetujui kerana hendak cepat, tetapi kerana hendak luluskan cepat, hendak jayakan MSC dengan cepat, kita pun sama-sama hendak percepatkan. Tetapi ada silap sedikit, jadi saya berharap pindaan di masa hadapan dapat diadakan untuk menyamakan tempoh bagi satu tahun, kita tidak mahu....

**Tuan Pengerusi:** Bunyi Yang Berhormat bercakap itu seolah-olah menarik balik pindaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak mahu.....

**Tuan Pengerusi:** Dari bunyi macam itu ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dia kata, dia tidak setuju dengan satu tahun, dia hendak kekalkan tiga tahun. Itu yang saya dengar.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya dengar. Sebab saya hendak gälakkan dia supaya menukar fikiran, kerana kita mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan fikiran terbuka, Tuan Pengerusi, minda yang terbuka.

Tuan Pengerusi, Seksyen 4(5) yang berbunyi:

*"4(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Majlis untuk mengeluarkan suatu perakuan untuk mengamalkan teleperubatan atau dengan pembatalan sesuatu perakuan untuk mengamalkan teleperubatan boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad."*

Tuan Pengerusi, biasanya pengeluaran sijil ini

tidak payah menteri untuk mengeluarkan, Ketua Pengarah sudah cukup - itulah fungsi Ketua Pengarah. Apatah lagi Menteri hendak mengambilalih - hairan juga sebab dia sibuk sangat, hari ini pun dia tidak sampai ke sini, kerana sibuk. Kalau hendak hadir ke Dewan Rakyat untuk membincangkan rang undang-undang yang penting tidak sempat dan memberi peluang kepada Timbalannya untuk berbuat demikian, ini bermakna beliau tidak ada masa untuk mengeluarkan sijil-sijil seumpama ini.

Sepatutnya kita serahkan kepada Ketua Pengarah sudah cukup - sudah cukup. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya pindaan dibuat untuk memansuhkan dan membatalkan perkataan 'Menteri' dan 'Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad' dan dipindahkan kepada 'Ketua Pengarah' - cukuplah. Selepas ini kita mestilah serahkan kepada mahkamah untuk ditentukan atau dipertimbangkan serta dikaji semula oleh kehakiman, sebab kalau kita memberi kuasa yang terlebih sangat kepada Ketua Pengarah atau Menteri pun itu tidak baik juga. Kalau ada di mana-mana orang yang terkilan, kita serahkan kepada beliau untuk dikemukakan ke muka pengadilan. Jadi, biarlah kita menyaksikan keadilan dapat dilakukan untuk mendapatkan keputusan muktamad. Sekiranya berlaku perkara yang tidak adil dan keputusan Menteri itu dianggapkan muktamad, bermakna tidak ada jalan yang lain bagi pemohon - tidak ada jalan lain, sebab itu saya berpendapat bahawa patut kita pindaan yang ada sekarang supaya memberi peluang kepada Ketua Pengarah, tetapi keputusannya bukan muktamad, terserah kepada kehakiman untuk dibuat kajian semula untuk menentukan apakah adil atau apakah yang tidak adil, itu cara yang betul Tuan Pengerusi.

Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Sebenarnya belum dibuka untuk berbahas lagi. Ya.

Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kepong sekarang ini terbuka untuk dibahas. Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, yang sebenarnya Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri saya

sibuk sehingga tidak dapat hadir di Dewan ini. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri sibuk dengan tugas-tugas, jadi beliau memang menunggu masa untuk membentangkan rang undang-undang ini, tetapi malangnya kerana beliau bertugas di Geneva, jadi saya ingin menyangkal apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong untuk to be fair credit to my ministerlah - Yang Berhormat Menteri saya.

Jadi, berkenaan dengan cadangan pindaan kepada Fasal 4(2) ini, kerajaan tidak mempersetujui kerana kerajaan telah pun menjelaskan bahawa sijil perakuan tahunan yang perlu diperolehi oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar penuh di bawah Akta Perubatan adalah berlainan daripada sijil perakuan di bawah rang undang-undang. Di bawah Akta Perubatan setiap doktor yang ingin mengamalkan perubatan dikehendaki mempunyai sijil perakuan tahunan untuk mengamalkan perubatan di negara ini. Jadi, perakuan di bawah Fasal 4(2) adalah bagi pengamal perubatan yang didaftarkan di luar Malaysia sahaja. Ini memandangkan bahawa pemohon-pemohon ini adalah dari luar negara dikehendaki memperolehi perakuan tersebut untuk mengamalkan teleperubatan adalah tidak praktikal untuk permohonan dilakukan setiap tahun. Walau bagaimanapun keputusan sama ada seseorang pemohon diberi perakuan selama satu atau dua atau tiga tahun ataupun kurang dari satu tahun akan bergantung kepada case-to-case basis, dengan izin, yang akan dinilai keperluannya dan dikawal selia oleh Majlis Perubatan Malaysia. Oleh yang demikian, pindaan yang dicadangkan hendaklah ditolak.

Berkenaan dengan pindaan kedua, berkaitan dengan Fasal 4(5) di mana perkataan 'Menteri' digantikan dengan 'Ketua Pengarah Kesihatan', Tuan Pengerusi pindaan ini tidak boleh diterima dari segi perundangan. Ini adalah kerana Ketua Pengarah adalah merupakan Presiden Majlis Perubatan Malaysia. Jadi, memandangkan bahawa permohonan untuk mendapatkan sijil amalan teleperubatan akan diputuskan oleh Majlis Perubatan Malaysia, di mana Ketua Pengarah menjadi salah satu ahlinya, maka adalah tidak wajar Ketua Pengarah kemudian mendengar rayuan mengenai perkara yang sama, ini kerana there will be a conflict of interest, dengan izin, sebaliknya didapati bahawa menteri adalah sesuai untuk memutuskan rayuan-rayuan tersebut.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang

Berhormat dari Kepong sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

Fasal 4 -

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya nampak ada orang yang sibuk dengan kata 'tidak setuju' sahaja, tetapi tidak berfikir dengan semasak-masak mengenai apa yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, seksyen 4(1) iaitu mengenai sesuatu permohonan untuk mendapatkan perakuan untuk mengamalkan teleperubatannya disebut di dalam perenggan 3(1)(b) -

".....hendaklah dibuat oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di luar Malaysia melalui seorang pengamal perubatan berdaftar penuh kepada Majlis mengikut cara atau dalam borang dan disertakan dengan apa-apa dokumen, butir dan fee yang ditetapkan."

Tuan Pengerusi, biasanya di dalam permohonan untuk mendapatkan perakuan oleh seseorang pengamal perubatan di luar Malaysia ialah dibuat melalui organisasi tempatan seperti melalui hospital Kerajaan, Hospital Universiti ataupun institusi-institusi swasta dan bukan dibuat melalui pemohon secara langsung dan tidak dibuat oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar secara berasingan ataupun independently oleh seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan.

Tuan Pengerusi, di sini adakah seseorang pengamal teleperubatan di luar negara membuat secara langsung? Biasanya doktor di luar negara, melalui institusi yang tertentu, melalui badan yang tertentu, jadi adakah pengecualian diberikan kepada pihak pengamal perubatan di luar negara memohon secara langsung ataupun melalui badan-badan yang tertentu seperti badan yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah yang biasanya dibuat di bawah Akta Perubatan 1971 dan kalau pihak kementerian hendak menukarkan corak permohonan, jadi kita sebutkanlah dengan terang-terang pengamal teleperubatan di luar negara adalah tidak serupa dengan pengamal perubatan di Malaysia - biasanya mereka tidak membuat permohonan dengan sendiri, kecuali melalui pertubuhan yang tertentu seperti hospital, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang akan dibuat apabila rang undang-undang ini menjadi akta kelak?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Sebenarnya ini hanya merupakan satu prosedur untuk mendapatkan perakuan bagi pengamal perubatan yang berdaftar di luar Malaysia melalui pengamal perubatan tempatan. Sebab itu kita tidak boleh terima pindaannya. Jadi, tidak ada apa-apa lagi yang saya hendak nyatakan, selain daripada apa yang saya telah terangkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berfikir dengan lebih mendalam bila balik ke pejabat kelak, walaupun malam ini tidak ada inspirasi.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 4(5) walaupun alasan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai conflict of interest ke atas Ketua Pengarah dan Menteri sendiri sekarang berada di Geneva, tidak ada masa untuk membuat keputusan, kalau permohonan boleh berada di situ mungkin untuk berbulan-bulan.

Tuan Pengerusi, saya berharap apabila pihak Menteri membuat keputusan mengenai penolakan sijil permohonan dan sebagainya, beliau mestilah mendapat nasihat daripada Majlis Perubatan Malaysia, kerana Majlis Perubatan Malaysia memang mengetahui lebih mendalam masalah seumpama ini. Oleh kerana Menteri berada di Geneva, di New York dan sebagainya dia tidak tahu, beliau memang tahu apa yang sebenarnya berlaku, kerana sibuk di atas kapal terbang dan masa terbuang di situ, macam mana hendak fikirkan sama ada betul atau tidak.

Saya menasihatkan bahawa pihak menteri apabila mendapat kuasa daripada rang undang-undang seumpama ini hendaklah mendapat nasihat daripada Majlis Perubatan Malaysia untuk membuat keputusan yang mutlak.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya tidak ada apa-apa hendak tambah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Fasal 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 5 dan 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.45 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta 1987. Pembangunan dan kemajuan teknologi terutamanya teknologi maklumat telah mencabar konsep tradisional perlindungan hakcipta. Di samping itu, penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dicadangkan menimbulkan cabaran di samping memberi peluang kepada Malaysia untuk maju dalam bidang teknologi, khususnya teknologi maklumat. Kejayaan MSC pada takat tertentu akan ditentukan oleh isi yang bergerak melaluinya, antaranya karya pendidikan, produk hiburan dan maklumat amnya yang dilindungi di bawah undang-undang hakcipta.

Untuk membolehkan MSC merealisasikan potensi sepenuhnya, perlindungan di sisi undang-undang yang mencukupi perlu diberikan kepada karya-karya ini. Oleh itu, Akta Hakcipta 1987 dipinda bagi maksud ini.

Pindaan akan mempertingkatkan lagi perlindungan hakcipta dengan mengambil kira kemajuan teknologi maklumat dan perkembangan terbaru di peringkat antarabangsa. Peraturan antarabangsa yang baru memberi penyelesaian kepada kemajuan teknologi dan memelihara keseimbangan antara hak tuan punya karya dan kepentingan awam, terutamanya dari segi pendidikan, penyelidikan dan perolehan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara utama yang dipinda adalah seperti berikut:

(a) Tafsiran "siaran" dan "pencipta" siaran.

Istilah "siaran" telah ditafsirkan semula untuk mengambil kira apa-apa perkembangan teknologi masa hadapan di bawah seksyen 3. Pindaan akan merangkumi pemancaran isyarat penyulitan (encrypted) dan cara untuk penyahsulitan (decrypting) disediakan kepada awam oleh perkhidmatan penyiaran atau dengan persetujuannya. Sehubungan dengan itu, tafsiran "pencipta" untuk sesuatu siaran juga telah dipinda untuk memastikan bahawa hanya orang yang bertanggungjawab ke atas pemilihan kandungan program yang disiarkan adalah "pencipta siaran".

**(b) Karya terbitan.**

Karya terbitan memang dilindungi sebagai karya asal oleh akta di bawah seksyen 8. Akan tetapi, hak eksklusif pencipta untuk mengawal perlakuan-perlakuan yang ditetapkan di bawah seksyen 13(1) tidak jelas. Oleh itu, dalam rang undang-undang yang dibentangkan, karya terbitan disenaraikan sebagai satu daripada jenis karya yang diberi hak-hak eksklusif untuk mengawal perlakuan-perlakuan di bawah seksyen 13(1) itu.

**(c) Penyampaian kepada orang awam.**

Dengan pindaan ini, pencipta diberi hak eksklusif untuk menyampaikan kepada orang awam dengan cara wayar atau wayarles akan karyanya termasuk penyampaian karya dengan cara yang membolehkan orang awam memperoleh karya itu daripada suatu tempat dan pada masa yang dipilih oleh mereka, iaitu orang awam. Tafsiran "penyampaian kepada orang awam" merangkumi siaran dan perhubungan melalui kabel. Oleh itu, kedua-duanya tidak lagi perlu dikekalkan dan dipotong daripada seksyen 13(1).

**(d) Hak sewaan komersial program komputer.**

Hak sewaan komersial program komputer telah dihadkan dengan memberi pengecualian jika program itu bukanlah matlamat penting penyewaan itu. Tujuannya ialah untuk menentukan orang yang menyewa sesuatu barang, seperti kereta, yang mengandungi program komputer untuk berfungsi tidak perlu mendapat kebenaran tuan punya program komputer.

**(e) Tempoh perlindungan karya fotograf.**

Tempoh perlindungan karya fotograf dilanjutkan daripada 50 tahun dari karya mula-mula diterbitkan kepada hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya, di bawah seksyen 17. Pindaan ini memenuhi kehendak tahap perlindungan antarabangsa yang baru, seperti ditetapkan oleh World Intellectual Property Organisation (WIPO) dan WIPO Copyright Treaty (WCT) 1996 yang diwujudkan pada Disember 1996 selepas Diplomatic Conference on Certain Copyright and Neighbouring Right Question yang diadakan oleh WIPO.

**(f) Pelanggaran dan kesalahan hakcipta.**

Pindaan mewujudkan dua jenis pelanggaran baru di bawah seksyen 36, iaitu:

- (i) perlakuan memintasi tanpa kebenaran apa-apa langkah teknologi yang berkesan yang digunakan oleh tuan punya untuk melindungi karyanya; dan

- (ii) pembuangan atau pengubahan tanpa kebenaran apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik atau pengedaran, pengimportan untuk pengedaran atau penyampaian kepada orang awam tanpa kebenaran, karya atau salinan karya dengan menyedari bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran. Maklumat pengurusan hak adalah maklumat yang mengenal pasti karya, pencipta karya, pemunya apa-apa hak dalam karya atau maklumat tentang terma-terma dan syarat-syarat penggunaan karya yang dilampirkan pada suatu karya atau terdapat berkaitan dengan penyampaian sesuatu karya kepada orang awam. Pelanggaran ini merupakan suatu perkara baru yang diperakui di peringkat antarabangsa dan terkandung di dalam WCT 1996.

Penalti yang ditetapkan di bawah seksyen 41 untuk kesalahan di atas adalah denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Kesalahan berikutnya dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Denda yang tinggi ini menunjukkan kerajaan memandang serius kepada pelanggaran hakcipta.

Pindaan-pindaan lain adalah pindaan kecil akibat pindaan-pindaan di atas atau untuk memperkemas akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya Utara.

7.55 mlm.

**Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 15hb. April 1997, dengan izin, berkata:

*".....The country is undergoing a change from an industrial to an information age (which is) inevitable (and) rather than alienating itself from the information age, the country should learn the way to manage the advantages and disadvantages of such technologies as I.T. and multimedia..... (In) the information age, society must be equipped with the ability to retrieve and filter information from multiple sources and then use the information accordingly....."*

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan Koridor Raya Multimedia merupakan satu langkah yang bijaksana bagi negara kita. Multimedia juga digunakan untuk menjelaskan kawasan yang diperuntukkan sebagai tapak pelancaran kemasukan negara ini di dalam era teknologi maklumat melalui Koridor Raya Multimedia. Sebagai sebahagian daripada strategi Kerajaan Malaysia, syarikat-syarikat yang mencipta, mengembangkan atau menggunakan produk dan perkhidmatan multimedia adalah digalakkan untuk beroperasi di dalam Koridor Raya Multimedia.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian membentangkan rang undang-undang pindaan yang memberi perlindungan kepada harta intelek multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kebijaksanaan kepimpinan bekas Menteri, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar dan juga bakal Menteri Besar Selangor, Malaysia masa kini mempunyai satu set undang-undang harta intelek yang komprehensif yang merangkumi hakcipta, paten, reka bentuk dan lain-lain.

Lazimnya produk multimedia merangkumi pelbagai input seperti program komputer, teks, filem gambar, video, grafik dan gambar foto. Kesemua input termasuk hasil karya sastera, artistik dan drama, rakaman bunyi, filem, penyiaran dan hasil karya yang telah diterbitkan. Bahan-bahan ini berkemungkinan atau tidak dilindungi oleh hakcipta iaitu bahan-bahan tersebut boleh tergolong sama ada untuk kegunaan awam ataupun dicipta untuk kegunaan khusus. Jika bahan-bahan yang sedia ada digunakan, andaiannya adalah bahawa bahan tersebut dilindungi oleh undang-undang hakcipta atau harta intelek yang lain. Oleh yang demikian, undang-undang tersebut adalah penting untuk penciptaan dan perkembangan tajuk multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, suatu karya multimedia adalah hasil daripada gabungan bahan-bahan yang tradisional seperti teks, filem, imej dan bunyi. Kesemua input termasuk hasil karya sastera, artistik

dan drama, rakaman bunyi, filem, penyiaran dan hasil karya yang telah diterbitkan. Hasil ini berkemungkinan telah dicipta buat kali pertama khususnya untuk kegunaan dalam hasil multimedia atau berkemungkinan diekstrak daripada hasil-hasil sastera, artistik, muzikal dan hasil karya yang sedia ada.

Oleh itu, ia berkemungkinan melibatkan dua set pengarang dan pemilik, iaitu pertamanya, pengarang/pemilik hasil karya asal dan keduanya, hasil multimedia yang baru dicipta. Untuk menggunakan karya multimedia, kebenaran harus diperolehi bukan sahaja daripada pemilik hasil multimedia tetapi juga pemilik hasil karya yang asal. Sementara pemilik hasil karya multimedia boleh dikenal pasti dengan mudah, perkara sedemikian tidak sebegitu untuk pemilik hasil karya yang asal. Kegagalan memperolehi kebenaran walaupun dari seorang pemilik hasil karya yang asal, akan menghalang pengeluaran keseluruhan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan timbul sama ada patut disediakan satu peruntukan andaian undang-undang dibuat bahawa kebenaran pemilik hasil karya yang asal telah diperolehi apabila hasil karya mereka digabungkan di dalam kerja multimedia dengan kebenaran mereka.

Sebagai contoh, di Amerika Syarikat sepuluh orang penulis bebas telah mengambil tindakan undang-undang terhadap tiga buah akhbar dan dua penerbit elektronik bahawa sebilangan rencana yang telah ditulis oleh penulis-penulis tersebut ini telah disalurkan dalam perkhidmatan on-line dan diterbitkan dalam CD-Rom tanpa kebenaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah berkenaan dengan proses kebenaran hak-hak dalam hasil karya dalam multimedia adalah perlu kementerian mempunyai tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran di dalam bidang komputer.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini peruntukan seksyen 13(1) Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan hak-hak eksklusif kepada dengan izin, distribution of copies of the work to the public by sale, rental, lease or lending.

Klausula 4(a)(iv) rang undang-undang menggantikan peruntukan seksyen 13(10) di atas dengan mentakrif semula hak ini sebagai, dengan izin, distribution of copies to the public by sale or other transfer of ownership. Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya melalui klausula 4(a)(v), penyewaan secara komersial kepada orang awam

adalah dianggap sebagai sebahagian daripada hak-hak eksklusif pemilik.

Gabungan efek dua cadangan pindaan akan memberi gambaran bahawa hak yang terdahulu yang menghalang penyewaan sebuah karya hasil hakcipta, walaupun yang diletakkan dalam pasaran oleh pemilik, akan sekarang dikeluarkan dari kawasan eksklusif hakcipta pemilik. Ini adalah kerana penyewaan tidak melibatkan sebarang pemindahan hakmilik.

Jika ini adalah benar, ini akan bermakna perpustakaan dan lain-lain boleh secara sah memperuntukkan peminjaman buku-buku, pita-pita dan lain-lain kepada orang awam tanpa kebimbangan tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap mereka kerana pelanggaran hakcipta. Adakah klausa-klausa dalam rang undang-undang ini diakui sah?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengatakan bahawa selain daripada kementerian, kehakiman juga harus bersedia untuk menerima era baru teknologi maklumat dan juga harus mempunyai para hakim yang berkemampuan menerima konsep teknologi maklumat dan 'complexity' undang-undang harta intelek. Adalah diharapkan bahawa kita akan bergerak ke arah penubuhan satu mahkamah siber (cyber court), bukan cybercop, cyber court.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] :** Cheras.

**8.04 mlm.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah diakui bahawa pembentangan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997 bagi memenuhi perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta penggunaan Internet yang semakin meluas di negara kita. Dan saya bersetuju bahawa akta ini dipinda bagi memperluaskan skop peruntukan bagi memenuhi suasana terbaru dan terkini dalam era maklumat memandangkan pembangunan teknologi sangat pesat, pantas dan terkehadapan sedangkan Akta Hakcipta 1987 yang ada sekarang tidak mencukupi kerana kini kerja-kerja karya perlu diedarkan dengan mudah dan cepat ke serata dunia. Dengan perkembangan ini, Akta Hakcipta 1987 tidak lagi mencukupi.

Malaysia telah menjadi salah satu negara signatory di Barnes Convention pada tahun 1990 bagi perlindungan karya sastera dan artis. Sebagaimana

yang saya fahami bahawa Akta Hakcipta ini merupakan cabang daripada undang-undang harta intelek yang dilindungi oleh hak kepunyaan pencipta dalam hubungan dengan hasil ciptaan dan karya mereka. Ada dua sebab mengapa hakcipta perlu dilindungi iaitu yang pertama, ia menggalakkan kemajuan dalam bidang seni dan sains bagi faedah orang ramai.

Yang kedua, untuk menjamin pulangan yang adil kepada pencipta hasil karya bagi memastikan kesinambungan kerja-kerja kreativiti. Dengan lain perkataan, ia melindungi hak ekonomi seseorang pencipta. Saya juga bersetuju bahawa tujuan kerajaan membentangkan rang undang-undang ini ialah untuk memastikan usahanya menjadikan Malaysia sebagai pengkalan teknologi maklumat di Asia dan jika kita tidak mengemaskinikan akta yang ada, maka ia akan menyekat perkembangan teknologi bagi mencapai piawai antarabangsa seperti yang dikehendaki oleh konvensyen hakcipta di Burnn iaitu syarikat-syarikat asing yang melabur dan mengeluarkan produk multimedia merasai tidak selamat kerana tidak ada perlindungan yang mencukupi. Barangkali mereka bertindak untuk tidak melaporkan di sini.

Pada keseluruhannya, pindaan yang dibentangkan adalah baik dan menepati masa. Akan tetapi, saya ingin mengingatkan kerajaan seperti yang saya katakan awal tadi bahawa kemungkinan rang undang-undang ini setelah ia diwartakan, kerajaan akan menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang mungkin timbul dalam tempoh terdekat yang mana menyebabkan akta ini perlu dikaji, ditimbang dan dipinda semula selanjutnya. Kepesatan pembangunan dalam teknologi maklumat akan menyebabkan apa juga undang-undang yang meliputi teknologi maklumat yang diperkenalkan tidak akan dapat menghambat perubahan dalam era IT.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan ini positif dan baik, tetapi persoalannya ialah perseimbangan antara hak tuan punya karya dan kepentingan awam. Seperti yang saya katakan awal tadi bahawa Akta Hakcipta ialah melindungi para pemegang hakcipta memandangkan tidak ada orang yang bekerja tanpa memerlukan hasil sebab mereka perlu membayar semua keperluan hidup seperti orang lain juga. Bagaimana kerajaan hendak memastikan keseimbangan ini sedangkan pemegang hakcipta memerlukan keuntungan dan faedah.

IT adalah kuasa masa kini dan kita mahu rakyat Malaysia tidak ketinggalan dalam mencapai



Wawasan 2020 di mana rakyat boleh mendapat pengetahuan dan maklumat secara mudah, murah dan tersedia pada kos yang mereka mampu. Misalnya, penggunaan Internet begitu popular di kalangan rakyat Malaysia, sungguh pun kini pelanggan Internet di negara ini adalah hampir 90,000 tetapi angka ini masih kecil berbanding dengan negara maju. Kita perlu menambah bilangan supaya menjadi berlipat ganda kalau kita mahu menjadikan Malaysia masyarakat bermaklumat. Internet merupakan perpustakaan terbesar di dunia, menjadi penyebar maklumat yang terpenting dan perlu untuk semua lapisan rakyat khususnya para pelajar yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan bagi membentuk diri mereka menjadi cemerlang dan boleh menjadi penyumbang kemajuan negara.

Fasal 2 di bawah takrif penyampaian kepada orang awam, saya ingin menegaskan bahawa memanglah benar kebanyakan maklumat yang diperolehi daripada Internet adalah dilindungi oleh undang-undang hakcipta sama ada ia mempunyai notis hakcipta atau tidak. Walaupun demikian, memandangkan para pengguna Internet bermaksud baik dan tidak bertujuan melanggar undang-undang ketika membuat salinan selepas membuat download daripada Internet, adakah dianggap bersalah jika seseorang pelajar membuat banyak salinan untuk diedar kepada rakan-rakan sekolah. Bermaksud, penyelidikan tanpa keuntungan (*private research*) ataupun bermaksud kajian persendirian kerana sebagai pelajar, ini merupakan satu cara untuk menambah ilmu pengetahuan tanpa membelanjakan wang yang banyak kerana yang jelas dalam akta ini bahawa pengedaran dalam apa bentuk sekalipun dianggap illegal.

Adakah para pelajar ini dikenakan tindakan mahkamah jika tuan punya atau pemilik membuat aduan dan laporan mengenai tindakan pelajar menyalin dan mengedarkan kepada rakan sekolahnya sedangkan ia tidak dianggap melanggar akta hakcipta sekiranya mereka membuat salinan bukan tujuan komersial, keuntungan untuk keperluan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu hal yang membimbangkan para pelajar dan ibu bapa mereka kerana pada masa ini fee bagi servis Internet serta software bukan murah. Hanya segelintir keluarga di negara ini yang berupaya memasang komputer yang dilengkapi kemudahan multimedia dan Internet. Kebiasaannya para pelajar gemar berkongsi nota dan buku. Mereka akan fotostat dan membahagikan salinan di antara mereka. Ketika itu belum ada Internet lagi. Bagaimana cara yang

sama digunakan oleh mereka menerusi Internet. Bukan semua orang mampu membeli buku yang mahal, kemungkinan anak-anak menteri dan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga melanggar undang-undang jika mengedar seperti yang saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal keseimbangan, adalah benar produk multimedia ciptaan negara maju tetapi masalah sekarang ialah bagaimana kerajaan dapat pastikan rakyat memperolehi faedah daripada karya multimedia pada harga yang rendah, murah dan dalam lingkungan kemampuan mereka. Saya ingin menyebutkan satu contoh. Baru-baru ini seorang kawan saya melawat Manila. Beliau mendapati CD-Rom asli yang berada dalam pasaran di sana, secara purata harganya satu pertiga daripada harga yang dijual di Malaysia bagi produk dan kualiti yang sama. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan kita untuk memastikan produk multimedia di sini dijual pada harga berpatutan dan mampu dibeli oleh rakyat jelata.

Salah satu sebab wujud produk palsu multimedia dalam pasaran kerana harganya murah beberapa kali daripada produk asli. Kita bercakap soal keseimbangan tetapi saya ingin bertanya kerajaan apakah keseimbangan yang ada untuk melindungi kepentingan pengguna dan dari sudut lain, saya bersetuju supaya perlindungan patut dijamin untuk pemegang hakcipta atas hasil kreativiti dan kos ubah mereka tetapi kerajaan mesti memastikan produk multimedia accessible pada harga dan bekalan. Adalah tidak dinafikan bahawa banyak produk cetak rompak adalah sebaik dengan yang asli. Saya bukan bertujuan melindungi produk cetak rompak, bahkan mereka patut dihukum tetapi saya ingin menegaskan di sini, kerajaan meletakkan harapan yang tinggi untuk menjadikan Malaysia masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan tetapi matlamat ini akan gagal jika rakyat tidak mendapat akses produk multimedia jika ia dijual pada harga yang mahal.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil langkah untuk memastikan syarikat multimedia tidak mengambil peluang atas permintaan yang banyak terhadap produk multimedia untuk menaikkan harga. Baru-baru ini kerajaan Amerika Syarikat memaksa kerajaan Republik Rakyat China melaksanakan undang-undang hakcipta bagi membendung produk cetak rompak yang membanjiri pasaran China kerana rakyatnya tidak mampu membeli produk asli yang mahal. Apakah di negara kita syarikat multimedia asing yang terlibat dalam MSC kelak tidak akan mendesak kerajaan

kita memperkuat Akta Hakcipta? Saya bersetuju kegiatan cetak rompak dihapuskan tetapi kerajaan perlu memastikan produk asli multimedia adalah accessible dan murah harganya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 36 penguatkuasaan, saya ingin membangkitkan persoalan bahawa bahagian penguatkuasaan kerap mengambil tindakan ke atas kegiatan cetak rompak berikutan aduan pemegang hakcipta. Sungguhpun mereka boleh mengambil tindakan sivil ke atas pengusaha cetak rompak, tetapi pemegang hakcipta ini nampaknya lebih gemar mencari pegawai penguatkuasa untuk bertindak. Apakah perlu bahagian penguatkuasa membantu pemegang hakcipta sedangkan sesetengah negara lain yang mana undang-undang hakcipta mereka tidak mempunyai peruntukan bahagian penguatkuasaan. Pemegang hakcipta di sini perlu memohon perintah mahkamah untuk bertindak ke atas pengusaha cetak rompak.

Apakah patut bahagian penguatkuasaan menolong pemegang hakcipta yang menyebabkan pembayar cukai terpaksa menanggung kos operasi penguatkuasaan, sedangkan harga produk yang dijual oleh pemegang hakcipta sangatlah tinggi. Melalui aduan kepada kementerian, Bahagian Penguatkuasa mempunyai kuasa untuk masuk ke dalam premis, menyiasat dan merampas, yang mana selepas itu jika mahkamah mendapati si pengusaha bersalah, dia akan dijatuhi hukuman, dan pemegang hakcipta boleh mengambil tindakan sivil menyaman dan menuntut ganti rugi dengan pengusaha. Sebaliknya, jika pemegang hakcipta tidak mengadu kepada Bahagian Penguatkuasa, dia boleh mengambil tindakan sivil untuk mendapatkan Anton Piller Order dengan mengutip bukti kesalahan terlebih dahulu dan mendakwa pengusaha di mahkamah dan terpulanglah kepada budi bicara mahkamah untuk mendenda mereka. Jika didapati bersalah, mahkamah akan membuat taksiran yang perlu dibayar oleh pesalah kepada pemegang hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tunjuk di sini ialah memandangkan pemegang hakcipta boleh mengambil tindakan sivil, tetapi mereka lebih cenderung menggunakan khidmat penguatkuasa kerana khidmat percuma. Tetapi sebenarnya ia menggunakan wang pembayar cukai. Saya minta supaya kementerian menimbang untuk tidak memberi perkhidmatan penguatkuasaan kepada pemegang hakcipta. Jika ia boleh menjimatkan wang pembayar cukai, kerana pemegang hakcipta boleh membuat tindakan sivil. Apa yang saya difahamkan

banyak syarikat pemegang hakcipta berjumpa dan meminta khidmat Bahagian Penguatkuasa, sebab tindakan sivil perlu memakai wang. Mereka boleh berjimat wang, sebab khidmat penguatkuasa percuma, sedang pembayar cukai terpaksa menanggung kerugian, sedangkan harga produk mereka masih mahal. Bukankah ini adding insult to injury.

Untuk menyokong pandangan saya ini, difahamkan Bahagian Penguatkuasaan sendiri tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan terlatih. Saya sendiri sangsi berapa orang pegawai penguatkuasa yang faham dan mahir dengan komputer, Internet, produk multimedia dan sebagainya. Jika kekurangan kakitangan, pastilah bahagian ini tidak berkesan dalam tugasnya. Jadi, macam mana mereka boleh membantu operasi dengan berkesan? Jika begini keadaannya, ada bahagian seperti tiada bahagian. Untuk melancarkan operasi memerangi pita video selama ini pun tidak cukup anggota. Bagaimana hendak melancarkan operasi yang benar, besar dan rumit serta canggih. Jika tidak ada kakitangan berpengalaman bagi menyiasat kesalahan multimedia, mereka sukar bertindak misalnya jika mereka merampas pita rakaman, video, CD-Rom, banyak tenaga, masa mesti digunakan untuk memeriksa setiap produk yang dirampas sama ada ia melanggar peruntukan atau tidak, kerana setiap tape yang dirampas perlu ditonton sampai habis. Bagaimana pula jika mereka merampas ribuan pita, bagaimana perkara ini dijalankan? saya harap penjelasan dan apakah setelah dirampas, ia disimpan lama dan terpaksa menunggu giliran yang lama? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mertajam.

8.19 ptg.

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Hakcipta (Pindaan) 1997. Hakcipta itu adalah suatu perlindungan yang diberi kepada pencipta yang menghasilkan karya sastera, buku, rakaman-pita, video, software komputer, aturcara komputer, penyelidikan sains dan teknologi, perubatan dan lain-lain. Pencipta telah menggunakan tenaga, sumber, kewangan dan kebolehan penyelidikan dan pembangunannya untuk menghasilkan sesuatu. Oleh itu, pencipta itu seharusnya boleh menikmati faedah atau untung daripada ciptaannya yang dipasarkan. Tetapi malangnya dunia ini memang penuh dengan pakar

pemalsuan barangan. Kita dapat membeli jam tangan 'Rolex' palsu dengan harga RM30.00 sahaja. Pita lagu penyanyi terkenal dengan harga RM5.00 sahaja atau barangkali RM3.00. Buku cetak rompak berharga murah, salinan software komputer yang tidak dibenarkan, reka bentuk produk kejuruteraan yang ditiru daripada produk asal. Banyaklah lagi contoh yang lain.

Bagi pengguna-pengguna yang asyik membeli barangan jenama antarabangsa, bagi pengguna-pengguna yang hanya mahu barangan yang murah sahaja, semua pemalsuan dan peniruan di atas tidak perlu diberi perhatian langsung. Demi keuntungan diri mereka akan terus membeli dan menggunakan barangan yang melanggar Akta Hakcipta. Industri penerbitan dan pencetakan buku perlu diberi perlindungan oleh Akta Hakcipta, terutama sekali dari segi penguatkuasa. Ini adalah kerana sebaik sahaja sebuah buku diterbitkan, salinan-salinan fotostat buku itu akan didapati di merata-rata sahaja, di mana ada pelajar-pelajar yang menggunakan buku itu sebagai buku teks atau buku rujukan sekolah, kolej atau universiti. Mengapa kebudayaan fotostat ini merebak sahaja di komuniti pelajar-pelajar. Kita boleh meneliti masalah ini dari dua aspek. Satunya adalah harga yang tinggi buku-buku teks dan buku rujukan sekarang ini. Dan satu lagi adalah sikap orang ramai berkenaan dengan hakcipta dan sikap hendak pentingkan untung diri.

Sebagai sebuah negara yang ingin menuju ke arah Wawasan 2020 dan negara MSC, industri penerbitan dan percetakan mesti diberi keutamaan dan galakan oleh kerajaan supaya kos pengeluaran buku, majalah, jurnal dan sebagainya dapat dikurangkan. Jikalau harga sebuah buku itu tidak mahal langsung, maka tiada keperluan membuat salinan fotostat buku itu. Kebudayaan fotostat itu memang perlu ditangani dengan lebih serius jika hakcipta penulis-penulis buku perlu dijaga. Jika tidak, lama-kelamaan tiada orang lagi yang sudi kerja tungkus-lumus untuk menghasilkan bukunya. Hanya untuk menjualkan kurang daripada 1,000 naskah. Kemudian, pembaca yang lain yang beribu-ribu lagi hanya membaca salinan fotostat bukunya sahaja. Kita perlu memberi penghormatan kepada penulis-penulis buku yang menyumbang ke arah masyarakat membaca dan masyarakat yang berpengetahuan.

Kita perlu memberi perlindungan yang asas sekali kepada golongan penulis itu. Cadangan saya, kita perlu lebihkan buku-buku kos rendah untuk golongan pelajar-pelajar sekolah, kolej dan universiti supaya mereka semua mampu membeli buku-buku

itu. Contoh, penerbitan kos rendah boleh didapati di negara-negara seperti English Language Book Society (ELBS) publication di UK, International Student Edition of Prentice Hall, John Valley, McGraw-Hill di India, Chum Student University, USA. Dan banyak penerbit di Jepun, Taiwan dan China. Malaysia perlu mulakan penerbitan buku kos rendah dalam semua bidang untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang tidak dapat membayar harga tinggi untuk buku-buku. Mungkin kita boleh menggunakan kertas guna semula, recycle paper, dengan izin, untuk pencetakan buku-buku kos rendah itu. Mungkin kerajaan boleh menubuhkan sebuah tabung penerbitan buku-buku kos rendah untuk memberi subsidi kepada penerbit-penerbit yang menghasilkan buku-buku kos rendah khasnya digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah, kolej dan universiti. Prinsip pokoknya, jika harga buku itu cukup murah, mana perlu buku itu difotostat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bincang apa yang dikatakan pelanggaran Akta Hakcipta, adakah pelajar-pelajar yang membuat salinan fotostat daripada buku rujukan dalam perpustakaan itu dianggap sebagai salah dari sisi undang-undang ini. Tentu kita perlukan garis panduan yang lebih terperinci dan jelas, iaitu berapakah peratus buah buku itu difotostat sebelum kelakuan itu menjadi kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. Adakah kemudahan bahan rujukan dalam bentuk mikrofilem di perpustakaan itu melanggar Akta Hakcipta itu? Adakah kemudahan 'on line reference' melalui Internet itu salah satu pelanggaran Akta Hakcipta itu. Kerajaan mesti memberikan garis panduan yang lebih jelas berkenaan dengan semua bentuk bahan rujukan yang dibawa oleh teknologi maklumat yang moden dan canggih sebelum golongan cyber surface dapat mengetahui skop dan kuasa Akta Hakcipta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan supaya lebih banyak buku rujukan dimasukkan dalam virtual library, ataupun perpustakaan virtual yang merupakan pengsetoran buku-buku dalam fail-fail rujukan dalam suatu lokasi Internet bagi perpustakaan universiti supaya pembaca boleh mencarinya melalui 'wide area network one' dalam Malaysia ataupun melalui Internet dari seberang laut atau tempat yang lain. Dengan adanya buku-buku rujukan disetor dalam lokasi perpustakaan virtual ini, kita boleh mengendalikan rujukan inter-perpustakaan dengan lebih senang dan cepat.

Contohnya, seorang pelajar di Universiti Sains Malaysia boleh mencapai atau akses ke dalam lokasi

perpustakaan virtual Universiti Malaya dan dapatkan rujukan sesebuah buku kejuruteraan yang tidak dapat dicari di USM. Pelajar itu hanya perlu membuat capaian melalui terminal komputer yang bersambung kepada rangkaian komputer yang menyambungkan semua perpustakaan universiti, kolej dan institusi penyelidikan kerajaan atau swasta yang mengambil bahagian dalam projek seperti ini. Pelajar itu boleh 'down-load' bahagian buku rujukan itu menjadi bentuk 'hardcopy' jika ia memerlukan sesuatu bab buku itu untuk rujukan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan ini kita masih perlukan garis panduan atau peraturan Akta Hakcipta yang lebih jelas, adakah 'down loading' daripada komputer itu melanggar hakcipta penulis buku asal? Dalam zaman IT Akta Hakcipta negara kita mesti membayangkan kefahaman kita berkaitan dengan apa yang boleh dibuat dengan komunikasi data dan bahan rujukan seperti interlibrary, melalui rangkaian komputer yang saya sebut tadi. Satu kemungkinan yang besar, jikalau kita ingin terbitkan idea atau buku, mengapa tidak cuba terbitkannya dalam cyber space supaya pembaca boleh mencapai melalui Internet sahaja? Buku yang kita cetak atau tulis itu boleh dibaca oleh pembaca-pembaca dengan percuma sahaja jika kita inginkan bahan-bahan dalam buku itu dibaca oleh mereka. Sebaliknya jika penulis buku cyber space itu rasa dia inginkan bayaran dibuat oleh pembacanya bila membaca bukunya, tentunya ada cara teknikalnya untuk membuat kutipan bayaran melalui Internet jika perlu. Mesti ada cara kita memberi perlindungan kepada penulis buku cyber space ini supaya hakciptanya dipelihara. Jika kita, maksud saya pihak kerajaan, pihak swasta dan pihak pembaca boleh membangunkan satu kebudayaan masyarakat membaca melalui apa juga medium, baik buku kertas atau buku cyber space, negara kita tentunya akan maju dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, konsep virtual universiti mesti diperkembangkan dengan adanya infrastruktur teknologi maklumat yang canggih selaras dengan Koridor Raya Multimedia. Kursus-kursus pengajian dan rujukan boleh disetorkan dalam lokasi virtual universiti supaya pelajar-pelajar dapat mendaftarkan diri melalui Internet atau rangkaian komputer tempatan dan mengikuti kursus-kursus pilihan mereka dengan kemudahan key stroke di depan terminal komputer dengan Modem sambungan kepada network yang berkaitan sahaja.

Mereka boleh membayar yuran melalui network itu, mereka boleh serahkan assignment mereka melalui E-mail. Mereka akan diperiksa melalui komputer

dan macam-macam lagi. Dengan itu virtual university ini boleh memberi peluang pendidikan lanjutan untuk ramai belia yang sudah bekerja dan berumahtangga. Mereka dapat memilih dan mengikuti kursus-kursus pengajian yang diminati pada masa-masa lapang di tempat kerjanya ataupun di rumah sendiri. Apa yang perlu adalah sambungan network komputer kepada virtual university sahajalah, dengan itu konsep virtual university ini dapat diperkembangkan sehingga ia akan merupakan 'open university'. Maksud saya siapa yang berminat dan layak boleh mendapat peluang mengikuti pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa bahan-bahan untuk tujuan pendidikan yang digunakan dalam perpustakaan virtual, virtual university dan lain-lain infrastruktur multimedia akan diberikan perhatian yang istimewa dari sisi Akta Hakcipta ini. Aktiviti rujuk dan saling merujuk antara perpustakaan dan down-loading daripada komputer perlu diberikan sesuatu liputan peraturan undang-undang supaya golongan pelajar dan rakyat yang menggunakan kemudahan multimedia yang sedia ada ataupun akan datang tidak akan dikenakan tindakan undang-undang dengan tidak sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap apabila kita memperindungi hakcipta pencipta-pencipta, kita perlu juga menjaga keperluan golongan yang akan menggunakan maklumat cyberspace untuk tujuan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan industri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan di atas saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya hendak tahu berapa orang yang hendak mengambil bahagian?

**Dua Orang Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dua orang sahaja. Saya mengharap bil ini boleh diselesaikan pada malam ini, jadi tolonglah membahagi masa sedikit yang sesuai. Ya, sila Tambun.

8.33 mlm.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih lanjut mengenai dengan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) ini, saya ingin mendapat sedikit maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh tentang perkara yang ada kaitan dengan kepentingan awam iaitu karya Seniman Agung P. Ramlee. Sebagaimana kita sedia

maklum bahawa karya beliau terdapat dalam bentuk lagu mahupun filem. Adakah karya tersebut mempunyai copyright dan adakah karya-karya tersebut dimiliki oleh pencipta asal, oleh pihak tertentu ataupun pihak kerajaan dan bagaimana hasil-hasil daripada copyright tersebut diperolehi oleh keluarga beliau?

Perkara kedua mengenai dengan karya Seniman Agung P. Ramlee iaitu mengenai dengan isu hak moral. Ini ada disebut dalam akta ibu di bawah Seksyen 25(2). Tertakluk kepada seksyen ini apabila hakcipta wujud dalam sesuatu karya, tidak seorang pun boleh tanpa persetujuan penciptanya atau selepas kematian pencipta, wakil dirinya melakukan atau membenarkan pelakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- (a) penyampaian karya itu dengan apa cara sekali pun di bawah suatu nama selain dari nama pencipta karya itu; dan
- (b) penyampaian karya itu dengan apa cara sekali pun dalam bentuk yang diubahsuai, jika ubahsuaian itu:
  - (i) mengubah dengan jelas karya itu; dan
  - (ii) sedemikian rupa yang dengan munasabahnyanya boleh dianggap sebagai memudaratkan kehormatan atau reputasi pencipta.

Mengenai dengan perkara ini, sekarang ini terdapat perbincangan di peringkat masyarakat awam tentang isu lagu KRU yang melibatkan suara P. Ramlee. Jikalau Seksyen 25 ini diambilkira bahawa siapakah yang memberi kelulusan kepada perkara ini, saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi jawapan supaya isu ini tidak lagi menjadi isu yang hangat terutama di antara orang-orang agama yang banyak membincangkan perkara ini dan merasa tidak puas hati bahawa seorang yang telah meninggal dunia, digunakan suaranya dalam bentuk ciptaan yang baru.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, - kita sedia maklum bahawa kejayaan Koridor Raya Multimedia, yang dicitakan oleh kerajaan, kita memerlukan satu frame-work competitive yang boleh menggalakkan kepada usaha-usaha kreativiti, inovatif serta pertumbuhan. Hakcipta merupakan satu instrument yang boleh mewujudkan usaha-usaha kreativiti serta mengadakan suasana yang kompetitif untuk pencipta ke arah untuk merealisasikan usaha kerajaan tersebut.

Pencipta akan mendapat perlindungan, ini memberi insentif kepada pencipta untuk menghasilkan karya, kerana ia dilindungi dari usaha-usaha 'ciplak'. Begitu juga pengguna mempunyai akses kepada produk yang dicipta dan ini akan mewujudkan pasaran yang kompetitif, akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara di samping produk-produk baru untuk industri informasi dan hiburan akan dikeluarkan. Jadi, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kerana akta yang ada sekarang ini memang kita sedia maklum tidak mencukupi dan dengan perubahan teknologi yang begitu pesat, kita perlu kepada pindaan tersebut.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai dengan rang undang-undang ini, pertama tentang bagaimanakah kita hendak menggambarkan rang undang-undang ini. Adakah rang undang-undang ini bertujuan untuk menjaga kepentingan ekonomi ataupun bertujuan untuk menjaga kepentingan pencipta? Kalau kita ambil Rang Undang-undang Hakcipta di UK umpamanya, ia bertujuan untuk menggalakkan kepada pertumbuhan ekonomi, manakala di Perancis bertujuan untuk menjaga kepentingan pencipta. Jadi, dari segi Rang Undang-undang Hakcipta negara kita ini, di peringkat manakah? Adakah di peringkat untuk menghasilkan kepada pertumbuhan ekonomi ataupun untuk mempertahankan hak pencipta? Mengenai dengan ini saya ada beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Ada di tempat-tempat yang tertentu saya dapati bahawa rang undang-undang ini begitu pro kepada pencipta sehinggakan saya merasa bimbang dia tidak boleh menghasilkan kepada usaha-usaha ekonomi.

Pertama, sepertimana yang telah disentuhkan oleh beberapa orang rakan, dalam Seksyen 36 memberi kuasa yang begitu besar kepada pencipta tidak boleh diambil hasil dan sebagainya. Ini menghalang kepada penggunaan secara 'fair use', di mana kita sedia maklum bahawa dalam Rang Undang-undang Hakcipta di mana negara pun satu fasal mengenai dengan 'fair use' terdapat di dalam rang undang-undang tersebut, yang bertujuan memberi kebenaran kepada pengguna untuk mengeluarkan ataupun menerbitkan bahagian-bahagian tertentu daripada hasil pencipta untuk tujuan pendidikan untuk penyelidikan, biasiswa dan sebagainya. Biasanya mahkamah akan melihat daripada beberapa sudut.

Jikalau perkara ini dibawa ke mahkamah ia akan dilihat daripada empat sudut tentang apakah tujuannya ciptaan tersebut digunakan. Keduanya dari segi jenis hakcipta yang diberi, 'nature of

copyright work', kemudian sebanyak mana hakcipta tersebut digunakan dan kesannya, impact atau effectnya dari segi sama ada ia menghasilkan nilai atau tidak. Umpamanya jikalau seorang pensyarah menggunakan hasil daripada seseorang pencipta dan digunakan untuk menjual kepada student - itu tidak dibenarkan. Jadi, isu 'fair use' ini saya dapati baik di dalam akta asal ataupun pindaan pada tahun 1992 kalau tidak silap saya, pada tahun 1996 dan yang sekarang ini saya dapati tidak menyentuh langsung tentang perkara ini. Perkara ini saya dapati begitu pro kepada pencipta.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan, kerana saya tertarik kepada isu-isu 'fair use'. Sebenarnya tidak disentuh di dalam rang undang-undang ini, jadi bolehkah Yang Berhormat menerangkan, kerana saya sangat tertarik. Tadi, ada disebutkan juga mengenai dengan pensyarah membenarkan pelajar-pelajar menggunakan karya dan sebagainya. Mengenai 'fair use' bolehkah disebutkan dengan lebih panjang lebar?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyentuh perkara 'fair use' ini tadi, saya ingat mungkin Yang Berhormat dari Kepong dia tertidur, jadi kalau saya hendak mengulangkan lagi sepertimana kata Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai masa. Oleh kerana kesuntukan masa saya tidak akan menyentuh perkara ini dengan lebih mendalam dan saya boleh berbincang dengan Yang Berhormat di luar Dewan ini. Tetapi perkara ini saya ingin nyatakan bahawa konsep 'fair use' ini jika tidak ada dalam rang undang-undang, ini menunjukkan bahawa kita begitu pro kepada pencipta sehingga hasil tersebut tidak dapat dikembangkan untuk digunakan bagi pembangunan intelektualisme terutama dalam bidang-bidang penyelidikan dan pendidikan untuk tujuan mendapatkan Sarjana dan Sarjana Muda.

Isu kedua, yang saya dapati begitu pro kepada pencipta, saya lihat dari segi masalah monopoli. Misalnya kita ambil satu contoh, apabila dua orang terlibat dalam ciptaan, katalah dua orang photographer dia mengambil gambar objek yang sama, tetapi dalam tempoh yang berbeza, mungkin seorang pada pukul 1.00 tengahari dan seorang pada pukul 1.15 tengahari, dari sudut yang serupa

menggunakan lance yang sama, kamera yang sama gambar yang sama, filem yang sama dan sebagainya, menghasilkan produk yang sama, tetapi yang kedua tidak meniru yang pertama. Jadi, bagaimanakah interpretasi yang akan kita lakukan, tentu kedua-duanya memerlukan kepada perlindungan hakcipta, kerana sekiranya hasil mereka mempunyai kuasa pasaran yang begitu tinggi kedua-dua mahu mendapat manfaat daripada keadaan tersebut. Jadi, kalau interpretasi kita tidak betul, bermakna ia akan memihak kepada pencipta yang pertama, pada hal pencipta yang kedua tidak meniru kerja-kerja tersebut.

Begitu juga saya dapati daripada konsep hakcipta ini, sepertimana kita sedia maklum dia tidak melindungi ideas, dia melindungi expression of ideas. Umpamanya, dalam filem Romeo and Juliet boleh dibuat dalam versi Melayu dalam cerita Laila Majnun dan ini kedua-duanya boleh mendapat hakcipta, akan tetapi apabila keadaan ini diterjemahkan dalam bentuk komputer, dalam industri teknologi maklumat, untuk kita menginterpretasikan expression of ideas agak begitu rumit. Ini boleh membantutkan kepada usaha-usaha untuk penghasilan seterusnya daripada ciptaan yang dilakukan.

Satu lagi perkara yang saya dapati begitu pro kepada pencipta ialah tentang fasal hak-hak moral (moralist) di mana kita sedia maklum bahawa hak moral ini meliputi tiga perkara, soal integriti, paternity dan association. Maknanya kalau pencipta mempunyai hak supaya produknya tidak berubah itu menyentuh soal integrity, paternity, pencipta mesti mempunyai kredit ke atas produk yang dihasilkan dan association maknanya ia dihubungi dengan kerja-kerja yang telah dilakukan.

Persoalannya saya lihat dalam akta yang dipinda mahupun yang asal terdapat begitu ketat penekanan kepada soal ini dan saya dapati jikalau kita terlampau mengutamakan perkara ini bahawa hasil yang asal itu tidak akan dapat dimajukan untuk kegunaan umum, terutama kalau ia melibatkan kepada penciptaan yang dipanggil sebagai 'derivative work' karya terbitan. Jadi, saya berharap kepada pihak kerajaan bahawa over enforcement ataupun terlampau menekankan kepada hak-hak moral ini tidak dijadikan satu isu untuk menghalang kepada perkembangan serta pertumbuhan kepada ciptaan-ciptaan tersebut.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah soal pentadbiran. Ada beberapa isu yang saya ingin sentuh berkenaan dengan pentadbiran.

Pertama, kita sedia maklum bahawa hakcipta ini bukan merupakan satu perlindungan mengikut kata seorang penulis ia merupakan affirmative rights, hak affirmative bermakna bahawa bila ada pelanggaran bergantung kepada pencipta ataupun pemilik kepada ciptaan tersebut untuk mengambil tindakan undang-undang di mahkamah. Jikalau tidak diambil tindakan undang-undang maka dia tidak ada penguatkuasaan.

Sehubungan dengan ini saya dapati bahawa sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Bukit Mertajam tadi, masalah 'ciplak' dan sebagainya, ini ada kaitan dengan sektor atau industrinya sendiri, di mana pertama sekali saya dapati di negara kita, bila kita hendak buat satu penyelidikan tentang rang undang-undang umpamanya, kita tidak mempunyai cukup journals yang membuat terjemahan dan sebagainya. Saya mendapati bahawa rakyat kita tidak begitu fasih tentang isu hakcipta ini, dengan sebab itu kita tidak mempunyai banyak kes pelanggaran hakcipta ini dibawa ke mahkamah kerana rakyat tidak tahu.

Kalau dia penyanyi, dia hanya menyanyi dan dia tidak tahu hak-hak dia.

Jadi, sehubungan dengan ini saya berpendapat bahawa sektor ataupun industri ini mesti diperkembangkan dengan kita mempunyai jurnal yang begitu banyak untuk diterangkan kepada orang ramai, terutama kepada mereka yang terlibat supaya mereka dididik untuk mengetahui hak-hak mereka. Di samping itu juga, kita mesti mempunyai konsultan yang terlibat dalam bidang ini, terutama sekarang kita akan melibatkan syarikat-syarikat multinasional ke negara kita. Cara pemikiran mereka berbeza dengan kita. Mereka telah menghadapi masalah ini ratusan tahun di banyak negara. Saya percaya bahawa apabila mereka datang nanti, apabila mereka mengeluarkan produk-produk atau menghasilkan ciptaan nanti, rang undang-undang copyright ini akan menjadi satu rang undang-undang yang penting, yang akan dibawa ke mahkamah dan sebagainya. Jadi, sehubungan dengan itu, saya berharap bahawa sektor ini mesti ditingkatkan efisiensinya.

Isu kedua, mengenai dengan soal licence dan transfer. Ini juga ada kaitan dengan apa yang saya katakan tadi. Saya mengambil contoh dalam satu kes Athan yang mencipta virtual reality games telah menjualnya kepada *Virtually Yours*, sebuah magazine untuk terbitan penerbit tersebut. Dalam perjanjiannya, beliau membenarkan *Virtually Yours* untuk mengeluarkan setakat di dalam majalah sahaja. Dua tahun kemudian, *Virtually Yours* memasukkan ciptaan tersebut di dalam *Electric Bulletin Board*,

kemudian dibawa ke mahkamah. Dalam kes ini, Athan dapat memenangi kes tersebut.

Apa yang ingin saya katakan, jikalau pencipta yang hendak memberi lesen atau memindahkannya kepada owner tidak tahu haknya dalam undang-undang, tidak mempunyai pendidikan dan sebagainya, bahawa besar kemungkinan pencipta nanti akan rugi apabila melakukan transfer kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Perkara yang ketiga, saya dapati bahawa hakcipta ini akan wujud, pertama dalam bentuk yang tangible; dan kedua, apabila notis diberi oleh pencipta. Jadi, dia sudah menjadi satu bahan yang mempunyai dan dilindungi oleh hakcipta.

Saya cuba membawa satu gambaran. Antara tujuan pindaan ini adalah kerana kita hendak berhadapan dengan abad 21, kita hendak melangkah ke abad 21. Syarikat-syarikat multinasional akan datang, kerja-kerja kreativiti akan meningkat lebih hebat daripada sekarang. Kalau apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri hendak membawa kita menjadi negara kelas dunia dari segi perkembangan teknologi informasi.

Saya lihat umpamanya di negara Amerika, hakcipta ini perlu kepada pendaftaran. Maknanya, untuk mewujudkan hakcipta mesti ada pendaftaran. Dan mengapa pendaftaran perlu?:

- (i) supaya pencipta boleh mengambil tindakan mahkamah;
- (ii) apabila dia telah mendaftar, dia boleh mendapat tindakan mahkamah yang akan memberi beliau compensation; dan
- (iii) siapa yang mendaftar, ia akan menjadi pemilik asal.

Saya cuba bayangkan dalam keadaan itu. Syarikat multinasional daripada Amerika Syarikat akan datang ke sini. Adakah di bawah sistem sekarang sekadar kita membuat satu cop, satu notis copyright sudah mencukupi untuk perkara ini dibawa ke mahkamah dan kita boleh memenangi, kedua-dua pihak yang bertelingkah ini boleh dibuat satu hukuman. Kalau di Amerika Syarikat, dia ada satu jabatan yang mendaftar hakcipta, daripada borang 'J' dan sebagainya. Adakah cara yang begitu simple negara kita ini boleh melindungi usaha-usaha ciptaan tersebut.

Jadi, saya berpendapat bahawa kita mesti ada sistem yang begitu konkrit sekali. Kalau ia perlu kepada pendaftaran sepertimana yang berlaku di negara-negara maju begitu juga harus ada pada



negara kita. Kita tidak harus menggunakan sistem yang ada ini untuk menangani masalah besar yang akan melibatkan multinasional daripada negara-negara Jepun dan Amerika Syarikat yang akan duduk di negara kita menggunakan satu sistem yang berikut.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh mengenai dengan soal preliminary materials. Kita tahu bahawa hakcipta akan diberi apabila pencipta sudah mempunyai expression of ideanya dalam bentuk yang tangible, sama ada atas kertas ataupun komputer dan sebagainya, tetapi idea-idea ini wujud sebelum itu, sebelum ia dalam bentuk yang konkrit, yang tangible, idea sudah wujud. Mungkin dalam bentuk plan, sketches, spesifikasi dan sebagainya dalam bentuk idea, perbincangan dalam syarikat dan sebagainya.

Apa yang terjadi jikalau salah seorang daripada pekerja yang terlibat dalam syarikat tersebut, yang juga terlibat dalam perbincangan tersebut meninggalkan syarikat dan idea ini dibawa ke tempat lain, siapakah yang mempunyai perlindungan? Saya tidak tahu tentang sistem perundangan negara kita dengan lebih terperinci. Kalau di negara lain, dia ada law of confidence untuk melindungi pada peringkat preliminary works ini, tetapi bagaimanakah dengan negara kita? Adakah kerja-kerja pada peringkat preliminary ini akan diberi perlindungan ataupun tidak? Jikalau tidak diberi perlindungan dalam dunia sekarang yang penuh dengan kerja-kerja espionage dan sebagainya, idea yang masih lagi belum dihasilkan dalam bentuk konkrit ataupun tangible ini mungkin akan diambil oleh orang lain dan ini akan menjadikan kekusutan dalam industri ini.

Perkara yang seterusnya saya ingin sentuh tentang soal kepentingan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di dalam Rang Undang-undang Hakcipta di beberapa negara, ia ada satu fasal yang dipanggil sebagai compulsory licence dan ini saya dapati tidak ada, mungkin dalam penyelidikan saya dalam empat rang undang-undang ini saya tidak nampak, tetapi saya dapati tidak ada compulsory licence. Compulsory licence ini penting kerana bagi negara-negara yang ada terikat dengan Universal Copyright Convention (UCC), bila satu produk dicipta di negaranya, katalah di negara kita dicipta satu produk dalam bahasa Jepun. Melalui compulsory licence, kalau dalam 7 tahun kerja-kerja itu tidak diterjemahkan dalam bahasa ibunda kita, dalam bahasa Malaysia, kerajaan boleh memaksa untuk diterjemahkan dalam bahasa Malaysia. Saya dapati bahawa perkara ini penting. Kita akan ada

multinasional daripada Jepun, daripada Eropah, daripada Amerika Syarikat yang akan mengeluarkan berbagai-bagai hasil dalam bahasa Jepun, dalam bahasa Jerman, dalam bahasa Inggeris. Bagaimanakah kita hendak melindungi budaya kita, bahasa kita jikalau kita tidak mempunyai perlindungan seperti ini?

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian mengenai soal compulsory licence ini apakah yang akan dilakukan? Saya berpendapat bahawa perkara ini penting. Kita tidak mahu keluar produk-produk program-program komputer dan sebagainya dalam bahasa mereka, dalam keadaan budaya mereka dan kita tidak boleh menterjemahkan dalam bahasa kita, iaitu bahasa Malaysia.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini ada disebut dengan begitu jelas.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kepong hendak minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Oh, baik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengenai compulsory licence ini memang di negara ini kita tidak ada, dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat melaksanakan? Adakah di negara Jepun mereka adakan compulsory licence? Kalau seseorang itu mencipta sesuatu karya di dalam bahasa Jerman misalnya, dan kita sudah terima menurut Undang-undang Hakcipta kita bahawa itu satu karya asal dan tidak boleh diciplakkannya dan kemudian kita hendak kenakan compulsory licence kepadanya. Apakah manfaat selain daripada menggalakkan kita sendiri, orang Malaysia sendiri menterjemahkan, selain daripada itu, apakah manfaat yang kita boleh dapat daripada pihak yang mencipta di dalam bahasa Jerman misalnya?

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa kajian saya ke atas rang undang-undang di beberapa negara maju, compulsory licence jadi satu picture yang utama di dalam rang undang-undang tersebut. Saya berharap bahawa pihak kerajaan akan beri perhatian kepada perkara ini untuk digunakan pada masa-masa yang akan datang.

Compulsory licence ini bukan sahaja berguna untuk kita menterjemahkan. Katalah ada pencipta



seperti rakan saya dari Balik Pulau kata, dia ini tidak tidur beberapa hari, macam-macam perangai ada, dia buat ciptaan tetapi ciptaan tersebut boleh digunakan untuk kepentingan negara atau dunia tetapi dia tidak mahu diperkembangkan hasilnya. Hasilnya akan hilang begitu sahaja. Jadi, kerajaan boleh menggunakan compulsory licence supaya beliau memperkembangkan hasil tersebut.

Jadi, saya berharap bahawa pihak kerajaan akan mempertimbang, melihat dan memberi perhatian kepada perkara tersebut, tetapi saya lebih melihat kepada kepentingan negara. Identiti negara dan budaya yang kita hendak pertahankan. Kita akan adakan satu tempat yang dipanggil sebagai Silicon Valley of Malaysia, kita panggil negara-negara lain, kita beri kebebasan dari segi untuk mengeluarkan segala-gala produk dalam apa jenis bahasa pun. Di manakah tempat untuk kita mempertahankan kepentingan negara kita?

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh tentang derivative work ataupun karya terbitan. Ini banyak disentuh dalam akta ini. Karya terbitan ini merupakan value-added kepada karya asal. Di bawah rang undang-undang, derivative work atau karya terbitan ini boleh memiliki copyright. Saya dapati bahawa memang banyak disentuh dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Contoh kepada derivative work ini atau karya terbitan, bila kita menterjemahkan buku daripada bahasa Perancis ke bahasa kita, itu merupakan satu derivative work. Begitu juga computer programme yang ditulis dalam bahasa kita, itu juga merupakan derivative work. Saya berharap derivative work ini akan menjadi satu bidang yang akan diterokai oleh rakyat negara kita untuk memperkembangkan produk yang asal itu kepada value-added yang boleh diterima oleh pihak kerajaan sebagai karya yang boleh mendapat perlindungan hakcipta.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan soal antarabangsa bahawa hakcipta ini bukan sahaja akan digunakan di negara kita, sepertimana yang dikatakan oleh rakan dan sahabat saya dari Parit Sulong. Beliau selalu mengatakan bahawa dunia tanpa sempadan, kita akan pergi ke dunia yang luas, kita mencipta di sini, orang di Amerika akan meniru, begitu juga ciptaan di Amerika kita akan tiru.

Masalahnya sekarang, sepertimana yang saya kata pada awal-awal tadi, UK mementingkan kepada ekonomi. Bila UK mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta, tujuannya adalah untuk memperkembangkan hasil tersebut untuk

kepentingan ekonomi negara tersebut. Manakala negara Perancis mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta untuk mempertahankan kepentingan pencipta, bukan untuk tujuan ekonomi.

Dengan yang demikian, antara dua negara ini mempunyai undang-undang yang berbeza, apatah lagi antara negara kita dan negara-negara lain. Saya ambil contoh umpamanya di negara kita tidak ada 'fair use'. Kalau satu hasil, satu ciptaan yang dikeluarkan oleh rakyat kita, diambil melalui Internet di negara Thai, Singapura atau negara lain ada konsep 'fair use' dan beliau mengeluarkan atas fasal 'fair use' tersebut. Pada hal di negara kita tidak boleh, jadi ini akan menjadi pertelingkahan dan akan menjadi masalah kepada penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Kita sedia maklum bahawa komputer sekarang ini berjalan dengan begitu cepat. Di negara Afrika juga, Perdana Menteri kita pergi baru-baru ini, mereka berminat dengan Multimedia Super Corridor dan komputer akan berterusan berkembang daripada satu negara ke satu negara dan akan menjadi satu budaya dunia pada masa akan datang. Tambah lagi kita ada satelit penggunaan satelit TV, kabel, komputer database dan sebagainya. Jadi, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya kita memainkan peranan yang ke hadapan serta positif ke arah untuk kita mewujudkan satu rang undang-undang yang harmoni di peringkat Asean dan kemudian berkembang di peringkat negara-negara lain untuk persediaan kita. Kita kena terima hakikat bahawa pada abad ke-21 ada beberapa kejadian yang akan berlaku.

Pertama, liberalisation of world trade and services di mana dunia akan makin berkembang tanpa sempadan dan lagi satu kejadian yang akan berlaku adalah akan wujudnya Asean Regional Market. Jadi produk-produk kita akan pergi ke negara-negara lain dan produk negara lain juga akan datang ke negara kita. Jadi, saya berpendapat bahawa mesti diseragamkan rang undang-undang antara satu negara ke satu negara supaya dapat menguntungkan semua pihak, baik negara kita mahupun di negara luar.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas rang undang-undang tersebut. Saya berharap apa yang saya nyatakan tadi akan diberi perhatian dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, nampaknya kita tidak banyak masa ya Kepong, saya cuma beri Kepong masa 20 minit sahaja.

9.02 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada ramai orang lagi yang hendak mengambil kesempatan untuk berucap.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya membuat keputusan berdasarkan kepada kehadiran yang ada sekarang, tidak ada orang bangun. Jadi, saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan. Jangan membuang masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya. Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tahu mereka hendak cakap tetapi kerana disambungkan malam ini mereka tidak tahulah ada yang balik kampung dan sebagainya kerana esok cuti Awal Muharram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada yang setengah-setengah itu sudah balik kampung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, itu urusan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Teruskan ucapan Yang Berhormat sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya. Saya pun hendak jaga kepentingan rakan-rakan saya juga. [Disampuk] Bukan sahaja Tanjong. Ada ramai orang lagi, seperti Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi dengan membuat sumbangan yang baik. Memang dengan compulsory licence, dengan fair use, itu baik.

Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyebutkan bahawa pindaan ini ialah untuk menyahut perkembangan teknologi terutamanya teknologi maklumat dan juga untuk menjayakan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan membawa cabaran dan peluang untuk Malaysia. Saya setuju, bukan hendak membantah atau membangkang mengenai pindaan-pindaan seumpama ini kerana kita perlu adakan pindaan-pindaan secocok dengan arus aliran teknologi maklumat sekarang inilah. Kalau kita mengkaji akta lama kita tahu di beberapa bidang terutamanya hendak refund definisi beberapa terminologi adalah sudah ketinggalan zaman dan kita perlu untuk memindanya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya kena sentuh sedikit mengenai idea hakcipta dan undang-

undang untuk melindungi. Pada masa yang lampau seperti karya Confucius, Plato, Hipocrates, William Shakespeare, memang mereka tidak mempunyai perlindungan dan ini tidak menghalang mereka mencipta kerana mereka tidak menganggap ini satu perdagangan atau nilai komersial. Misalnya, Confucius yang mencipta falsafahnya dan Plato, Hipocrates, Socrates yang mencipta falsafahnya tetapi mereka tidak berfikir adakah ini akan membawa keuntungan, adakah ini akan menjadi satu perkara komersial dengan nilai-nilai perdangan tertentu, mereka tidak! Sebab ada orang yang kata kalau kita tidak ada undang-undang sedemikian, pencipta-pencipta tidak akan mencipta. Itu bukan satu-satunya faktor kerana seseorang itu mencipta sesuatu karya atau benda bukan hanya di atas pertimbangan komersial sahaja.

Kalau kita menggunakan standard sekarang, memang karya Shakespear, semasa itu tidak ada perlindungan hakcipta langsung dan beliau boleh mengeluarkan begitu banyak karya klasik dramanya sehingga sebanyak 500 kemudian kita masih minat terhadap karya Shakespear tetapi pada masa itu beliau tidak terfikir berapa orang akan menceduk dramanya dan sebagainya, tidak. Sebab mungkin dia ada fikiran yang lain selain dari nilai komersialnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan undang-undang seumpama ini kerana pada masa yang lampau saya dapat tahu kalau di kalangan setengah masyarakat bila dia ada sesuatu yang baik, dia tidak akan menyiarkan, takut dicetak rompakkan. Dia takut dan misalnya di bidang perubatan, ada yang mempunyai rumusan untuk sesuatu penyakit. Walaupun saya tidak setuju tetapi amalan dibuat, dia tidak akan disiarkan dan sekatkan kepada orang-orang yang tertentu, misalnya kepada anak sendiri sahaja dia beri rumusan ini dan tidak disiarkan. Walaupun saya tidak bersetuju tetapi amalan ini dibuat. Untuk orang-orang seperti ini undang-undang perlu dibuat supaya mereka boleh menyiarkan rumusan atau ciptaan untuk manfaat manusia. Dari segi perubatan, saya pun tidak bersetujulah kalau kita ada menemui sesuatu yang baik, kita perlu menyiarkan, perlu memberi peluang kepada orang lain untuk digunakan bagi manfaat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya pihak kerajaan mengadakan pendidikan mengenai budaya hakcipta ini kerana kalau tidak silap saya beberapa kes sudah timbul mengenai konsep hakcipta ini. Di dalam penyelidikan di universiti-universiti dan di institusi-institusi pengajian tinggi,

pada tahun yang lepas atau dua tahun yang lepas, ada masalah, misalnya di Universiti Malaya ada seorang professor dianggap menceduk penemuan pendidikan daripada orang lain dan kemudian dikemukakan sebagai thesis dan siaran berita ini dikeluarkan di dalam berita tempatan dan menimbulkan kontroversi dan ada yang tidak menjadi bahan berita pada masa yang lampau yang saya dapat tahu. Bila kita adakan satu thesis, Tuan Yang di-Pertua, ia satu budayalah, satu etika. Bila kita adakan satu thesis, kita memang membuat karya dengan sendiri, mencipta sendiri dan bila kita rujuk kepada sesuatu penemuan, kita mesti letakkan nama pencipta itu. Nama pencipta adalah penting, kita rujuk dengan ikhlas tanpa meletakkan nama kita sendiri dan tidak sebutkan langsung mengenai orang yang membuat penemuan itu, ini tidak betul. Kalau kita berbuat demikian, kita tidak akan menggalakkan para penyelidik membuat kerja yang bersungguh-sungguh untuk mencapai penemuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan di setengah-setengah tempat, budaya ataupun etika untuk hakcipta, untuk penemuan-penemuan penyelidikan yang tertentu, budaya ini adalah tidak baik dan saya berharap pihak kerajaan dapat mengadakan penyelidikan supaya budaya untuk memperlindung hakcipta orang itu dapat disemaikan di dalam masyarakat kita dan tidak akan timbulnya masalah plagiarism dan ini bukan sahaja untuk universiti, bahkan juga untuk masyarakat pada umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendalami rang undang-undang ini saya mendapati definisi-definisinya sangat rumit, abstruse definition, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai beberapa penakrifan yang ada di dalamnya. Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memetik satu kes dari London High Court, dengan izin, 1994 Fleet Street Report on Epcost Computer Limited vs. Barkleys Finance Limited - 'The Test for a Claim in Copyright' is as follows:

Sebagai seorang peguam, Tuan Yang di-Pertua, saya akan merujuk kepada kes ini, apa yang disebutkan sebagai 'The Test for a Claim in Copyright.'

- (i) what are the work in which the plaintiff claim copyright;
- (ii) is each such work original?
- (iii) was there copying from back work?

- (iv) If there was a copying, has a substantial part of that work been reproduced?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak gunakan ujian ini memang susah hendak memastikan seseorang itu ada melanggar hakcipta terutamanya dengan teknologi maklumat sekarang dan teknologi maklumat sekarang memang melalui Internet.

Sekarang ada satu kes mengenai Internet. Seorang- saya tidak mahu sebutkan nama sekarang - kes seperti ini sudah ada di Malaysia. Saya diberitahu sudah ada dan saya tidak mahu sebutkan nama tetapi ada satu kes di bawa ke mahkamah di mana ada E-mail, di dalam E-mail itu seseorang buat satu kenyataan mengenai sesuatu projek RM100 juta dan saman dikenakan ke atas orang ini, seorang penulis.

Masalahnya bagaimana ini boleh disahkan? How he saves, how are you going to prove, susah. How are you going to prove di dalam komputer, memang susah. Who actually did this work? Siapa yang membuatnya? Itu di dalam komputer sahaja. Adakah kalau komputer itu dimiliki oleh seseorang itu, orang ini yang menciptanya? Ini susah. Mungkin orang lain yang masuk ke bilik dia, buka komputer dan menanamkan kenyataan itu. Ini masalahnya, lebih rumit kalau kita gunakan ujian yang dikemukakan di London High Court pada tahun 1994.

Selain daripada itu, kesusahan untuk menepati ujian yang saya sebutkan tadi, maka definisi yang kita dapat sangat mengenai pencipta, mengenai siaran, fixation dan karya. Misalnya, mengenai "siaran", ertinya pemancaran melalui cara wayar atau wayarless, akan imej tampak, bunyi atau maklumat yang lain yang

- (a) boleh diterima dengan sahnya oleh orang awam;
- (b) dipancarkan bagi persembahan kepada orang awam,

dan termasuklah pemancaran isyarat penyulitan jika cara untuk penyahsulitan disediakan kepada orang awam oleh perkhidmatan penyiaran atau dengan persetujuannya.'

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan sebab bukan kesalahan sesiapa pun, barangkali satu definisi yang abstruse, sangat susah hendak difaham. Kerana hakcipta-hakcipta ini, undang-undang untuk memperlindung hakcipta itu satu bidang khas. Bagi orang seperti saya hendak faham dengan sebenarnya susah. Bagi Tambun tadi

pun dia mengakui susah, rumit perkara seperti ini. Tetapi tahniahlah kepada dia, kerana dia buat research sedikit, membuat penyelidikan sedikit dan persembahan itu ada makna juga.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh hendak gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara lagi, saya belum menyentuh mengenai latihan yang diperlukan untuk pakar-pakar bagi hakcipta, dan yang kedua untuk 'fair use'. Saya pun hendak sebutkan sedikit mengenai fair use dan keberkesanan untuk melaksanakan, untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan juga sistem pendaftaran hakcipta, dan mengenai perjanjian antarabangsa yang diperlukan bukan sahaja untuk hakcipta, bahkan juga untuk undang-undang siber yang lain. Jadi, banyaklah perkara, kalau dalam 10 minit tidak boleh habis. Memang tidak boleh habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak boleh habis, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, di dalam undang-undang ini, kalau saya nampak satu program di dalam komputer saya melalui Internet, saya memang sukalah program ini, satu ciptaan daripada seorang misalnya dari Tambun, dia buat satu ciptaan, dia programkan. Saya pun buat 'down-load', satu salinan untuk Kota Melaka, satu salinan untuk saya dan satu salinan untuk Tuan Yang di-Pertua, tiga salinan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kena gulung juga Yang Berhormat. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Oh, hendak bodekkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Ketawa] Bukan bodek. Saya buat misalan sahaja. Banyak perkara lagi macam mana saya hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada banyak urusan untuk minggu depan, ada 11 bill, kena tamatkan perbahasan pada hari ini juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minggu hadapan, saya akan pendekkan ucapan saya. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan pendekkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Minggu hadapan saya akan pendekkan, tak panjang, tak meleret.

Kalau saya 'down-load' tiga salinan, dari segi undang-undang apakah saya boleh didenda. Kalau kita baca rang undang-undang ini, saya boleh didenda sehingga RM250,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya. Itu saya buat tiga salinan sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita membezakan, kerana saya bukan hendak rompakkan atau menciplakkan, bukan. Itu bukan cedok. Saya memang ada minat kerana karya Tambun baik, saya hendak baca, hendak buat sedikit penyelidikan. Tetapi kalau kita ikut rang undang-undang yang dibentang malam ini, saya tidak boleh buat macam itu. Kalau kita meninjau keadaan di seluruh negara dan bukan sahaja di seluruh negara, bahkan di seluruh dunia, kita nampak banyaklah melalui komputer, kita 'down-load' dengan banyak, pelbagai program ataupun kenyataan di 'down-load'. Kalau ikut rang undang-undang ini matilah semua orang yang menggunakan Internet di Malaysia hampir 90,000 sekarang ini. Kalau 90,000 kita hendak menguatkuasakan rang undang-undang ini, maka banyaklah, beribu-ribu orang kena dihadapkan ke mahkamah, mungkin didenda RM250,000.

Jadi, bukan saya hendak mempertikaikan apa yang hendak dibuat, cuma hendak penjelasan. Kita sama-sama hendak wujudkan undang-undang hakcipta dengan sempurna. Sebab bukan sahaja kita hendak memperlindungan pencipta, bahkan juga pengguna. Kita mesti memperlindungan juga pengguna, sebab itu masalah 'fair use' timbul. Macam mana kita boleh memberi peluang kepada orang seperti saya, yang maksud saya bukan jahat, bukan hendak rompak karya orang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah pendapat pihak kementerian mengenai orang-orang yang tidak mempunyai niat jahat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab untuk fair use ini memang saya setuju dengan Tambun, kita mesti adakan pertimbangan daripada kementerian, macam mana pada masa hadapan kita dapat memindahkan undang-undang ini supaya kita masukkan satu seksyen bagi fair use.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana, saya ada banyak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang lain hendak ambil bahagian? Selain daripada Kota Melaka, ada yang lain hendak ambil bahagian?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Selain daripada masalah 'down-load' tadi, saya sebutkan, ada masalah. Pada pendapat saya di negara ini tidak mempunyai pakar-pakar mengenai hakcipta. Saya bukan pakar. Tidak sahaja 'kulit' banyak orang yang pakar di dalam hakcipta, tidak. Kalau itulah pihak kementerian adakah menyedari mengenai masalah ini. Bukan sahaja peguam, peguam yang pakar....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya ingat cukuplah. Kita ada beberapa bill yang kita jangka akan memakan masa lama. Kalau bill itu kita tidak beri Yang Berhormat masa yang lebih, Yang Berhormat marah juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jadi, kita kena habiskan perbahasan pada hari ini.

**Seorang Ahli:** Jangan merepeklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merepek pula. Itu satu konsep baru, tak cukup bilangan pakar mengenai hakcipta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kita ada empat hari, kita ada bill yang lebih lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya beri jaminan, pada minggu hadapan saya akan pendekkan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ini telah kita teliti, dan mengikut pendapat kita, empat hari ada beberapa bill yang akan memakan masa lebih panjang dari yang lain. Jadi, kalau kita tidak beri Yang Berhormat nanti pada bill itu, Yang Berhormat katakan kita tidak adil. Jadi, pada hari ini kita tamatkan perbahasan, minggu hadapan kita ada lebih masa untuk bill-bill yang saya rasa Yang Berhormat tidak ambil bahagian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini memang satu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kalau kita tengokkan, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tadi saya beri Yang Berhormat 20 minit, sekarang sudah lebih.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kawan-kawan lain pun bersetuju.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan ini nampaknya nipis sahaja, tetapi ertinya sangat besar. Padat dengan erti, Tuan Yang di-Pertua, dan padat dengan kepentingan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kena patuh dengan arahan. Saya tidak boleh beri lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak boleh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada banyak, kalau hendak extension sampai pukul 11.00 bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak kementerian dan pihak kerajaan kerana ada melibatkan kementerian-kementerian lain supaya kita latih lebih ramai pakar-pakar untuk hakcipta. Ini satu cara yang betul untuk memperlindung hakcipta. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sudah habis, sudah lebih. Saya sudah cakap banyak kali.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka, sudah habis. Kota Melaka tidak dengar cerita. Tadi saya minta...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tunggu hari ini sampai jam 9.30.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat tidak ambil bahagian yang lainkah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta 10 minit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada masa 10 minit sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta 10 minit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada masa 10 minit sahaja Yang Berhormat. Sila Timbalan Menteri teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tunggu sampai 9.30 baru Yang Berhormat ucap, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak boleh beri penjelasan. Tadi saya sudah beri penjelasan, Yang Berhormat tidak dengar. Saya minta maaf, tidak boleh.

9.29 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak kementerian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan Akta Hakcipta ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian ini telah mengeluarkan beberapa idea-idea yang membina dan juga telah membangkitkan beberapa perkara untuk pertimbangan kementerian saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara, Cheras, Bukit Mertajam, Tambun dan Kepong yang mengambil bahagian dalam perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada keseluruhannya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat pun sudah cukup untuk hari ini. [Ketawa] Sambung minggu hadapan.

**Dato' S. Subramaniam:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin. [Ketawa]

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.*